

DN.28.7.1999

[Laporan Penyata Rasmi ini belum disemak]

[Senarai nama Ahli dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan pada muka surat terakhir]

\*\*\*\*\*

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 28 Julai 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada  
Dewan Negara**

“27 Julai 1999.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999;
2. Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999;
3. Rang Undang-undang Penjagaan Budak (Pindaan) 1999.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT'

### URUSAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan antara punca kelewatan pembinaan rumah kos rendah ialah masalah kelemahan perancangan mendapatkan tanah oleh kerajaan negeri, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasinya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah telah dan sedang dilakukan untuk mengatasi masalah kelemahan rancangan mendapatkan tapak projek. Di antaranya kerajaan telah memutuskan supaya tapak untuk sesuatu projek perlu disediakan terlebih dahulu sebelum pinjaman boleh diluluskan kepada kerajaan negeri.

Di samping itu juga pihak kementerian membantu kerajaan negeri untuk mengenal pasti tapak yang sesuai sekiranya diminta. Melalui Mesyuarat Penyelarasan Dan Pelaksanaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah, kementerian dapat memantau perkara ini dan membuat tindakan susulan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak kerajaan ada menyebut tadi, masalahnya ialah masalah mendapatkan tanah di negeri-negeri. Saya hendak tahu negeri mana yang memberi masalah susah sangat hendak meluluskan tanah untuk rumah kos rendah ini dan juga negeri mana yang ketara sangat, yang banyak sangat hendak rumah kos rendah ini, adakah Kelantan ataupun Pahang?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini adalah sensitif sedikit. Walau bagaimanapun, kelemahan ini memang terdapat daripada kebanyakan negeri dan saya rasa antara kelemahan yang saya sebutkan tadi iaitu tapak, sebelum penyediaan tapak itu. Antara punca kelewatan itu ialah apabila tapak itu sudah disediakan, tapak itu kadangkala tidak sesuai sebab tanah itu, tanah paya atau tanah itu cerun, tidak dapat digunakan dengan sesuai.

Oleh sebab itu pihak pelaksanaan kenalah membelanjakan duit yang banyak untuk menyediakan tapak tersebut dan akhirnya kos rumah yang dibina itu akan menaikkan kos. Sebab itulah kadangkala projek yang akan dilaksanakan tidak dapat dilaksana pada masa yang cepat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Umum mengetahui masalah rumah kos rendah ini amat rumit tetapi saya ingin bertanya tentang syarikat perumahan negara yang telah pun diumumkan oleh pihak kerajaan beberapa tahun dahulu dengan peruntukan beratus juta ringgit, tetapi masalah timbul kerana peranan yang dimainkan itu tidak menyerlah. Kita melihat Petronas umpamanya hebat sebab ada kekuatan. Syarikat Perumahan Negara (SPN) ideanya baik, kita ucap tahniah tetapi masih virtual sikapnya walaupun dunia IT kita tidak mahu syarikat perumahan negara hanya wujud di alam maya sahaja. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Negara ini, sebab ia satu entity yang baru diwujudkan dalam lingkungan beberapa tahun sahaja, maka adalah masalah yang dihadapi oleh SPN ini. Tetapi buat masa

sekarang SPN telah mula bertindak untuk menyediakan rumah-rumah seperti kawasan di mana rumah kos rendah ada kelebihan, SPN sudah mula untuk membeli rumah ini daripada pemaju supaya rumah ini boleh diserahkan kepada golongan berpendapatan rendah.

Ini adalah antara objektif Syarikat Perumahan Negara apabila syarikat itu diwujudkan, walaupun mula-mulanya SPN ini cuba mengadakan peranan sebagai pemaju tetapi apabila telah dibincangkan dengan pihak-pihak yang lain, maka peranan SPN sekarang tidak menjadi pemaju untuk membina lebih banyak lagi rumah kos rendah sebab ada agensi yang sudah memainkan peranan itu. Sekian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih. Saya ingin mengemukakan satu soalan iaitu setakat ini berapakah projek-projek perumahan rumah kos rendah ini yang telah dapat dikesan tergendala dan sehingga sekarang ini belum dapat diselesaikan lagi dan sama ada kerajaan telah mengenalpasti projek-projek rumah kos rendah di dalam bandar-bandar yang patut diroboh dan dibina semula supaya sesuai dengan keadaan semasa.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama mengenai angka untuk projek-projek yang sudah tergendala saya minta maaf kerana saya tidak ada angka tersebut tetapi pada umumnya buat masa sekarang tidak berapa banyaklah projek perumahan yang mengalami masalah terbengkalai. Kerana kita mengadakan syarat-syarat yang ketat untuk mengadakan satu penelitian tentang tabung-tabung mereka yang dijalankan oleh mereka mengikut syarat-syarat yang kita tetapkan.

Oleh sebab itu, maka projek-projek terbengkalai itu, walaupun ada tetapi tidak banyak. Kita sedang mengambil tindakan untuk cuba menghidupkan projek-projek yang mengalami masalah itu.

Tentang soalan yang kedua itu, mengenai kawasan perumahan atau bangunan perumahan yang bertingkat itu, ada cadangan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana rumah-rumah pangsa yang sudah lama dibina akan diroboh dan dibina semula. Seumpamanya rumah pangsa di Jalan Pekeliling di mana

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan merobohkan flat-flat itu supaya boleh dibina semula dengan lebih, seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, dengan reka bentuk yang lebih sesuai dengan masa sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah binti Ahmad.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua dengan izin soalan No. 2.

2 **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** [*di bawah S.O 23(2)*] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah banduan-banduan dalam penjara yang mengidap penyakit-penyakit berjangkit seperti Aids, Kusta dan Batuk Kering; dan
- (b) bagaimanakah cara pengawalannya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga pertengahan Julai 1999, terdapat sejumlah 1422 orang banduan yang disahkan mengidap penyakit Aids, sementara 85 orang banduan pula mengidap Batuk Kering. Pada masa ini tiada banduan yang dikesan mengidap penyakit Kusta.

Kerajaan dan Jabatan Penjara khususnya dari masa ke semasa menjalankan langkah-langkah kawalan bagi mengurangkan dan mengelakkan risiko penyakit ini dari berjangkit kepada lain-lain banduan. Antara langkah-langkah yang dijalankan adalah seperti mengadakan penempatan khas, kemudahan dan peralatan yang berasingan bagi banduan yang berpenyakit. Menjalankan ujian darah ke atas banduan berisiko tinggi dan menjalankan kaunseling serta kempen bagi memberi kesedaran motivasi dan cara-cara bagaimana sesuatu penyakit itu dapat dikawal kepada semua penghuni dan kakitangan penjara.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita merakamkan ucapan tahniah kepada kementerian terutamanya Jabatan Penjara. Saya hendak tanya kepada kerajaan kerana mutakhir

ini ada dakwaan oleh setengah-setengah pihak bahawa seolah-olah Jabatan Penjara kita tidak memberi perkhidmatan yang setimpal berbanding dengan Standard Piawaian Antarabangsa. Soalan saya ialah apakah kedudukan perkhidmatan penjara kita dalam soal-soal sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi terutama sekali kesihatan, makan minum dan lain-lain perkhidmatan. Apakah Jabatan Penjara kita ini terlampau teruk berbanding dengan penjara-penjara di negara-negara lain. Jadi saya minta kerajaan memberi gagasan dan pendirian kerana ada dakwaan yang menyatakan penjara kita memang satu kedudukan penjara yang teruk. Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat untuk soalan ini. Sebenarnya tahap profesionalisma anggota penjara, kualiti infrastruktur yang diberikan kepada banduan-banduan di penjara-penjara kita, kualiti makanan yang dihidangkan kepada banduan-banduan adalah berlandaskan kepada keperluan dan standard antarabangsa. Malah kualiti penjara kita, profesionalisma kita lebih tinggi daripada banyak negara khasnya negara membangun. Bahkan keprihatinan dan perasaan serta sikap anggota-anggota penjara kita adalah lebih baik daripada setengah-setengah negara maju.

Jadi adalah tidak benar memandangkan keadaan-keadaan semasa ada pihak-pihak yang mengatakan ada banduan yang sentiasa dihidangkan dengan makanan ikan kering dan juga makanan yang berulat. Ini semua tohmahan yang tidak benar, hanya bertujuan politik mungkin. Sebenarnya orang yang dihidangkan itu mendapat makanan yang setimpal dan kualiti diet yang mengikut standard yang diwajibkan, yang diperlukan di peringkat international.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Soalan tambahan saya, berapa ramaikah bilangan penagih yang terlibat dengan dadah dan bagaimana kawalan berkenaan kemasukan dadah di dalam penjara dan akhirnya berkenaan dengan gangguan penyokong-penyokong pihak-pihak tertentu di penjara Sungai Buloh yang dilaporkan satu masa dahulu yang memberi satu ancaman kepada pihak penjara. Adakah ini benar berlaku?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, gangguan yang dibuat itu adalah benar. Dibuat oleh sepasukan golongan anggota masyarakat yang bertujuan tertentu, datang dengan berpuluh biji kereta termasuk kereta mewah, four wheel drive membuat gangguan bukan dalam penjara tetapi di kawasan sekitar penjara, gangguan kepada keluarga anggota penjara itu sendiri yang menimbulkan perasaan marah kepada anggota penjara itu sendiri. Tetapi ini telah dapat dikawal dan diharap mereka tidak akan melakukan perkara ini sekali lagi.

Mengenai soalan yang kedua.... terlupa Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Banduan-banduan yang terlibat dengan penagihan dadah.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya, memang dalam penjara kita ada juga banduan penagih. Ini dikawal dengan rapi dengan sedaya upaya. Walaupun kadang kala kita dengar ada anggota penjara sendiri membantu dalam memasukkan dadah tetapi mereka yang dikesan, diketahui diambil tindakan disiplin yang ketat, yang kuat, yang keras dan pada ketika ini sistem pengawalan dalam penjara telah dipertingkatkan dan sedang terus dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk mengelak daripada gejala yang tidak baik ini.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah program yang dijalankan oleh pihak penjara untuk memberi kaunseling kepada banduan-banduan yang ada dalam penjara yang terdiri daripada hard core psychiatric. Adakah pihak penjara mempunyai satu usaha untuk memulihkan mereka ini kerana saya percaya mereka yang tergolong dalam golongan penjenayah adalah terdiri daripada mereka yang menghadapi masalah psikologi, masalah jiwa, masalah kemanusiaan.

Apakah program sama ada ceramah agama dan juga kaunseling-kaunseling lain yang dijalankan oleh pihak penjara.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ini adalah satu soalan yang baik. Sememangnya dalam penjara pun kita ada tugaskan khas

seorang doktor yang bertugas setiap hari dan jika terdapat pesakit yang kita ketahui memerlukan bantuan psikiatrik yang mendapat bantuan kepakaran daripada hospital-hospital kerajaan, ini dilakukan berterusan.

Antara lain yang sedang dan yang telahpun diusahakan dan sedang berjalan di dalam penjara ialah pendekatan dari segi agama. Memang program ini berterusan dan dipertingkatkan supaya banduan sama ada mereka bekas penagih dadah atau tidak, dapat balik ke pangkuan masyarakat dan diterima oleh masyarakat. Oleh kerana apabila mereka pulang ke kampung kelak, mereka akan berdamping dengan masjid dan dengan cara demikian, self-esteem mereka juga akan meningkat dan akan mudah diterima oleh masyarakat setempat.

**3. Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan kemajuan yang dicapai di dalam usaha untuk memperbadankan hospital-hospital Kerajaan dan adakah perkara utama iaitu menyediakan penjagaan kesihatan yang mampu oleh rakyat golongan pendapatan rendah diambil berat dan kualiti rawatan tidak terjejas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini sekali dengan empat pertanyaan mengenai isu-isu yang sama yang dibangkitkan oleh tiga Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Dato' Senator P. Krishnan dan Yang Berhormat Senator Marimuthu a/l Nadeson, masing-masing pada 29 Julai 1999 dan Ahli Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim pada 3 Ogos 1999.

Cadangan untuk mengkorporatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan masih dalam peringkat kajian dan penelitian kerajaan. Perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti kawalan penyakit, pendidikan kesihatan dan kawalan mutu makanan tidak akan dikorporatkan dalam rancangan tersebut. Pihak kerajaan telah menerima pandangan daripada pihak-pihak yang terlibat seperti Persatuan Perubatan Malaysia atau MMA dan juga Majlis Dialog Kementerian Kesihatan.



Sukacita ditekankan, jika kerajaan mengambil apa-apa keputusan mengenai perkara ini, kerajaan akan memastikan bahawa pelaksanaan cadangan pengkorporatan tersebut tidak akan membebankan orang ramai, khususnya golongan yang berpendapatan rendah, di samping memastikan kualiti rawatan tidak terjejas dan masalah semakin meningkat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, tujuan untuk membuat sesuatu dalam apa sekalipun ialah untuk meningkatkan dari segi perkhidmatan dan memuaskan hati rakyat. Jadi, kalau sekiranya, hospital-hospital hendak diperbadankan, kalau adalah tujuan itu, maksud tujuan itu ialah supaya rakyat akan menikmatinya dengan selesa.

Soalan saya ialah adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu skim insurans kesihatan di mana setiap warganegara di tanah air kita ini, seperti juga PERKESO, KWSP, yang bekerja dan tidak bekerja pun boleh menyumbang kepada pembelian Skim Insurans Kesihatan untuk menyediakan mereka supaya menikmati perkhidmatan secara mudah apabila hospital ini dikorporatkan atau diswastakan. Ini jangka panjang.

Dan saya pernah bertanya soalan, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramaikah pendatang-pendatang asing dari segi pekerja-pekerja asing yang menerima perkhidmatan daripada hospital kita dan berapakah kosnya dan adakah pihak kerajaan bercadang untuk mereka ini juga menceburkan diri dari membeli skim insurans kesihatan yang khas supaya bebanan perkhidmatan kesihatan kepada mereka ini ditanggung menerusi skim insurans.

**Dato' M. Mahalingam:** *[Ketawa]* Dapat dua soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya jawab sebagai umum sebab rakyat pun boleh faham apa yang kementerian buat dengan pengkorporatan hospital kita. Kita tidak mengswastakan hospital-hospital tetapi mengkorporatkan hospital-hospital kerajaan. Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah melantik Rashid Hussein Berhad

(RHB) pada 27 Januari 1995 untuk menjalankan kajian mengenai cadangan pengkorporatan hospital-hospital besar di bawah Kementerian Kesihatan.

Laporan ini telah dikemukakan oleh RHB pada bulan Mac 1996 dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemukakan ulasan terhadap cadangan tersebut kepada UPE pada 16 Mei 1999. Laporan RHB tersebut bagaimanapun tidak dipertimbangkan memandangkan hanya melibatkan hospital-hospital besar sahaja. Pada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan dihadiri oleh agensi-agensi pusat mengenai perbadanan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan pada 1 Mac 1999, Kementerian Kesihatan Malaysia telah diminta untuk menyediakan terma rujukan untuk pengkorporatan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan.

Satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan telah diadakan pada 20 Mac 1999 di mana lima buah jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk menyediakan terms of reference masing-masing. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil tersebut adalah sepertimana berikut:

- (i) Jawatankuasa Kecil Kewangan;
- (ii) Jawatankuasa Kecil Rangka Kerja Perundangan;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Peranan dan Fungsi KKM;
- (iv) Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia; dan
- (v) Jawatankuasa Kecil Struktur Organisasi.

Beberapa mesyuarat telah diadakan dengan pihak agensi pusat termasuk UPE dan Kementerian Kewangan untuk membincangkan terms of reference serta masalah dan isu-isu dasar yang berkaitan dengan pengkorporatan tersebut. Pada 22 Jun 1999, pihak UPE juga telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Kesihatan untuk melantik juru perunding untuk menyediakan kaedah bagi melaksanakan sistem kewangan, perakuan dan pengkorporatan tersebut. Inilah kedudukan sekarang dengan corporatization hospital.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kalau ingatkan soalan tambahan ini, nada saya nanti naik, Tuan Yang

di-Pertua. *[Ketawa]* Saya pun, hari ini nampaknya pemberita pun ada sebab Dewan Rakyat sudah tidak bersidang. Jadi, bukanlah bermakna semua pemberita. Semalam dalam surat khabar *The Sun*, satu cerita apa pun tidak ada mengenai Dewan Negara dan begitu juga kadang-kadang *Utusan Malaysia*, *The New Straits Times* sahaja yang biasa ada. Bukan saya hendak memuji yang ada di situ.

Hari ini, esok apabila membaca surat khabar akan ada keluar apa-apa yang kita ucapkan ini. Oleh itu, saya hendak buat soalan tambahan banyak sedikit hari ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, apa masalahnya kita hendak perbadankan hospital-hospital kerajaan ini. Sekarang di seluruh negara yang saya cuba pergi dari masa ke semasa, bukan pergi berkempen tetapi pergi mendengar kemusykilan rakyat. Dia kata, "Dato", macam mana hendak swastakan hospital kerajaan ini? Kami mana ada duit untuk membayar. Hospital yang ada ini sudah molek sangat".

Jadi, soalan saya, mengapa kerajaan hendak mengkaji lagi? Katakan hospital-hospital kerajaan tidak akan diperbadankan *[Tepuk]* dan perkhidmatan di hospital-hospital ini akan dinaiktarafkan. Cakap begitu kepada rakyat. Esok, semua orang merasa lega dan akan mengundi Barisan Nasional. *[Tepuk]*

**Dato' M. Mahalingam:** Lagi ada?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah perbadankan atau swastakan begitu. Saya katakan kadang-kadang perbadanan ini, swasta ini, jadi perbadanan ini biasanya peringkat pertama, lepas itu diswastakan. Baik. Yang support service, dengan izin, lima support service, macam laundry dan sebagainya di hospital ini, kosnya di hospital sekarang meningkat 4% ke-5%. Ini yang saya baca surat khabar. Tetapi bukan daripada kerajaan yang memberitahu itu.

Jadi, kalau kosnya naik, mengapa kita hendak perbadankan? Kerajaan belanja lebih sedikit dari segi pengurusan hospital-hospital. Ini sangat penting kepada rakyat. Lebih penting daripada pendidikan. *[Ketawa]* Kalau sudah sakit, macam mana hendak belajar, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun akui bahawa kesihatan adalah penting kepada manusia. Tetapi saya mahu sebutkan di sini, apabila Perdana Menteri mengemukakan Mid-term Review Rancangan Malaysia Ketujuh, mereka ada menyebut berkenaan pengkorporatan hospital dan Mid-term Review Rancangan Malaysia Ketujuh pun ada dibentangkan di sini. Semasa itu semua Yang Berhormat- menerima itu. Sekarang kita tidak boleh tukar. You all have approved it. Itu yang kita ikut, [*Ketawa*] bukan baru sekarang kita buat.

So, itulah yang mahu saya sebutkan di sini, ada perbezaan dengan pengswastaaan dan pengkorporatan. Diswastakan, you keluarkan share certificate dengan orang-orang saham tetapi dalam pengkorporatan, share itu dipegang oleh treasury. Itulah cara yang berbeza. It is not going to be given to private sector to make money out of it. Ini bukan cara kita menjalankan. Sekian, terima kasih.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kedua-dua Dewan telah meluluskan Mid-term Review, kita juga tahu ianya boleh lagi di'review' dan boleh ditukar dasarnya [*Tepuk*] sebab kita mahukan jaminan bahawa rakyat akan dapat terbela terutamanya dari segi kesihatan. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat banyak pengkorporatan telah dilaksanakan seperti TNB, Telekom, Indah Water dan sebagainya dan kita dapati semua kosnya meningkat dan ini ditanggung oleh rakyat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan mungkin pihak Yang Berhormat dapat menjawab, jika ia hendak dikorporatkan akan dijadikan perbadanan sekalipun apakah agaknya jaminan-jaminan yang telah diperuntukkan dalam kajian yang telah dibuat untuk memastikan bahawa kos tidak akan naik. Terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh sampaikan apa yang Yang Berhormat beritahu di sini, bukan saya boleh ambil keputusan di sini. Ini keputusan diambil oleh Kabinet dan UPE, bukan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa, jaminan apa tadi, soalnya? Jaminan?

**Dato' M. Mahalingam:** Saya tidak boleh beri apa-apa jaminan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak ada kuasa memberikan jaminan itu.  
*[Ketawa]*

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberi jawapan dan saya juga menyokong penuh cadangan Dato' Haji Mohd. Zuki, kalau dia bertanding dalam MTUC, saya sanggup undur diri, *[Tepuk]* biar beliau jadi Presiden MTUC.  
*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memang kami semua tidak bersetuju sama sekali sama ada perbadanan ataupun penswastaaan oleh kerana kami telah buat kajian keseluruhan pekerja tidak bersetuju sama sekali. Malah dalam kegawatan ekonomi sekarang ini berlaku, rakyat terpaksa belanja lebih, mengikat perut dan gaji dikurangkan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, mengapa harus diperbadankan dan diswastakan, mengapa tidak dimansuhkan seterusnya dilupakan sama sekali cadangan yang dibuat oleh kerajaan.

Keputusan yang dibuat oleh kita semua, kita boleh ubah, kita manusia. Kita buat persetujuan, kita pula buat perubahan bila keadaan memerlukan kita membuat perubahan. Terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, setiap hari ada seorang doktor yang tidak mahu berkerja dengan kerajaan. Dalam satu tahun hampir 365 orang yang tidak mahu bekerja dengan kerajaan dan juga dengan specialist, banyak tempat kekurangan specialist. Kalau kita korporatkan hospital-hospital, memang sekarang kita bayar gaji doktor tetapi masa itu mereka gunakan servis dengan kerajaan. Mereka dapat bayaran terus dari, kita fikir satu insurans, itulah cara kita hendak jalankan. Susah hendak kekalkan doktor-doktor bekerja dengan kerajaan. Inilah masalah kita.

4. **Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau akan mengadakan kaedah terbaik dan meletakkan syarat yang jelas serta kemudahan untuk pelajar-pelajar yang akan memasuki

Tingkatan VI sebagai syarat kemasukan ke IPTA/IPTS dan kelonggaran kuasa penerimaan calon kepada PPD.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kemungkinan pengambilan pelajar-pelajar ke Tingkatan VI dipercepatkan. Pada masa akan datang Kementerian Pendidikan berhasrat supaya kemasukan ke Tingkatan VI dibuat bersama Unit Pusat Universiti (UPU) dan syarat-syarat kemasukan dimasukkan dalam buku panduan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara syarat untuk memasukinya ialah dengan pemberian point, A – 18 points, B – 16, c – 14, D – 12, E – 10. Masalahnya, kita sedia maklum bahawa di tempat-tempat atau di negeri-negeri tertentu umpamanya Sabah, kita sering kekurangan tenaga pengajar untuk mereka di dalam kelas Tingkatan VI ini. Masalahnya ialah point yang ditetapkan 55 point untuk membolehkan seorang pelajar itu memasuki ke IPTA atau IPTS. Apakah kerajaan berhasrat untuk memberi kelonggaran sedikit kepada daerah-daerah khususnya di mana guru-guru tidak mencukupi dalam mata pelajaran-mata pelajaran untuk mencukupkan syarat yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita memandang soal kemasukan pelajar-pelajar ataupun murid-murid ke Tingkatan VI ini supaya lebih menarik lagi di masa-masa yang akan datang. Selain daripada kita cuba hendak mempercepatkan masa kemasukan itu, sekarang ini dia tunggu lama, jadi kita hendak mempercepatkan dan kita juga ada cadangan untuk hendak menerapkan mata pelajaran-mata pelajaran yang kita fikirkan relevan, sesuai untuk menjadi daya penarik dan kita juga mengambil kira persoalan-persoalan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dan lebih daripada itu kita juga sedang meneliti kesesuaian pelajar-pelajar di Tingkatan VI ini juga dibuatkan secara berpusat seperti kita buat pusat-pusat matrikulasi dan apa sahaja cara yang kita fikirkan sesuai, munasabah untuk membolehkan pelajar-pelajar dapat

mempertingkatkan minat untuk menyertai kelas-kelas Tingkatan VI ini akan kita muktamadkan.

5. **Datuk Christina Tibok Vanhouten** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan royalti minyak petroleum daripada 5% kepada 10% kepada setiap negeri pengeluar minyak petroleum seperti Terengganu, Sarawak dan Sabah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kawasan eksplorasi minyak dan gas di negara ini telah diterokai dan diusaha hasil lebih 25 tahun yang lalu di Semenanjung Malaysia dan tahun 1998 di Sabah dan Sarawak. Ianya dianggap sebagai kawasan eksplorasi yang matang di mana potensinya agak terbatas. Bagi mengekalkan daya saing kawasan eksplorasi minyak dan gas negara ini, langkah mengekalkan kadar royalti pada tahap 5% adalah wajar bagi memastikan pelaburan bagi usaha-usaha mencari gali minyak dan gas diteruskan.

Oleh itu kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan royalti minyak dari 5% kepada 10% bagi negeri-negeri yang mengeluarkan minyak.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa masalah ini telah berlanjutan daripada permulaan sampai sekarang. Apakah kerajaan berhasrat untuk memberi penjelasan secara terperinci yang 95% itu diagih-agihkan kepada sekian, sekian, tidak kepada kerajaan persekutuan semata-mata sebab secara tidak langsung, di negeri Sabah, ia sering dipergunakan terutama parti pembangkang mempergunakan ini, dia kata 95% daripada keuntungan ini diambil oleh kerajaan persekutuan walhal tidak macam itu. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan sejelas-jelasnya dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan perlu memberikan taburan untuk pembangunan seluruh negara, jadi termasuk Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan, Kedah. Kerajaan mengagihkan pendapatan negara ini untuk membangunkan ke seluruh negara. Dengan sebab itulah kita

menyatakan bahawa royalti 5% ini akan dikekalkan dan yang lebih itu dikembalikan sebagai pendapatan kerajaan pusat yang bertanggungjawab membangunkan seluruh negara yang saya rasakan lebih besar, kalau kita tengok belanjawan negara yang kita bentangkan jauh lebih besar daripada pendapatan royalti minyak daripada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Abdul Aziz.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pernah bertanya berkenaan dengan royalti ini kerana negeri Pahang Darul Makmur bersempadan dengan Terengganu dan pernah saya tanya dulu bagaimanakah pihak kerajaan dapat menentukan bahawa minyak yang disedut di tengah-tengah laut itu tidak dipunyai juga oleh negeri Pahang kerana ia tidak ada sempadan. Ia ada besen macam itu bila kita sedut. Jadi sekarang ini bila saya tengok Terengganu, Sarawak dan Sabah sahaja menerima 5% ini. Saya hendak tanya sekarang ini berapa banyakkah negeri Terengganu, Sarawak dan Sabah menerima jumlah ini tahun lepas. Saya juga ingin bertanya adakah kerajaan ingin buat formula yang sama kepada khazanah kekayaan negeri-negeri lain yang tidak mempunyai minyak tetapi mempunyai air, balak untuk dieksport ke luar negara dan mendapatkan pendapatan eksport itu kepada negara kita sendiri tetapi tidak ada royalti yang diberi kepada kerajaan-kerajaan negeri yang tidak ada minyak tetapi ada khazanah kekayaan lain. Adakah pihak kerajaan ingin membuat formula baru bagi memberi royalti pula kepada negeri-negeri lain.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat itu bahawa memang kita pun tidak tahu aliran minyak dalam bumi yang disedut di Terengganu itu mungkin daripada Pahang atau negeri lain. Itu memang sukar untuk dibezakan dari mana datangnya. Soalan Yang Berhormat berapakah royalti yang dibayar kepada Sabah, Sarawak dan Terengganu. Angka-angka ini ialah angka yang paling akhir sehingga Februari 1999 di Sabah kita bayar RM1.9 bilion, Sarawak RM4.6 bilion dan Terengganu RM6.4 bilion. Itu sehingga bulan Februari 1999.



Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk membuat formula baru bagi membayar royalti kepada kerajaan-kerajaan negeri hasil keluaran negara masing-masing kerana ini akan menyulitkan urusan pentadbiran negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Haji Rosli.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kita merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan. Saya cuma ada hendak tumpang tanya kepada kerajaan bahawa kuasa penurunan daripada Perdana Menteri kepada Petronas berkenaan carigali minyak. Saya tidak hendak pertikai masalah cukai 5% kepada Terengganu ataupun Pahang kerana saya rasa apa yang dapat 95% kepada negara adalah memang untuk Pahang dan Terengganu pun. Faham Dato' Aziz. Tidak faham tidak apa. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah Akta Petroleum 1974 telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam tahun 1974 selaku Menteri Perdagangan ketika itu. Sekarang ini hampir puluhan tahun dan kita merasakan kejayaan Petronas telah berjaya mengemudikan industri minyak gas dan juga petrokimia di negara kita. Tetapi mutakhir ini ada perimbangan kuasa sebagai Petronas di antara penggubal dasar dan pelaksana dasar. Apakah kemungkinan kerajaan mengkaji supaya Akta Petroleum ini dikaji semula dengan menyediakan, oleh kerana kita tahu Petronas sahaja mempunyai lebih daripada 100 anak syarikat yang mengendalikan berbilion-bilion ringgit dan kita nampak seolah-olah Petronas sendiri adalah penggubal dasar kepada industri ini dan juga pelaksana dasar. Jadi pandangan ramai mengatakan ada pertindihan di antara kedua-dua aspek ini. Saya hendak bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan hendak mengkaji semula Akta Petroleum ini dengan mewujudkan kementerian baru umpamanya kerana dengan sumbangan yang begini besar sebuah kementerian harus diwujudkan bagi menangani usaha cari gali dan juga dalam industri petrokimia, minyak dan gas di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan buat masa ini belum bercadang untuk mengkaji Akta Petroleum yang telah pun dibentangkan di dalam Dewan ini dan pada pandangan kerajaan bahawa Petronas yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah penguasaan Perdana Menteri adalah suatu jabatan ataupun penguasaan yang bersesuaian dan kita tidak bercadang untuk menubuhkan satu kementerian baru. Ini kita tidak bercadang hendak meletakkan Petronas di bawahnya.

**6. Dato' Ting Check Sii** minta Perdana Menteri menyatakan mengikut laporan berita asing, Asia adalah benua yang paling tidak bersedia akan berhadapan dengan masalah yang bakal timbul dari bom jangka tahun 2000. Setakat mana kita telah bersedia.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum laporan berita asing selalunya tidak memberikan gambaran sebenar mengenai kedudukan negara Malaysia. Status sedia Y2K di negara ini adalah memuaskan, di mana semua agensi-agensi kritikal dijangka akan menjadi sedia Y2K sebelum memasuki alaf baru. Namun demikian kita tidaklah berupaya untuk memberikan kedudukan status Y2K di seluruh benua Asia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui perunding yang dilantik telah pun membuat persiapan untuk menghadapi masalah Y2K. Status kemajuan terkini langkah-langkah Y2K sektor-sektor kritikal di negara kita adalah seperti berikut:

#### **Sektor Kerajaan**

Bagi sektor kerajaan KWSP telah mencapai tahap 100% sedia Y2K bagi komponen-komponen kritikal. Sementara organisasi-organisasi kritikal selainnya berada pada tahap 80% hingga 100%.

#### **Sektor Kewangan dan Insurans**

Sehingga 30 Jun 1999, 95% bank dan syarikat-syarikat insurans telah mencapai status sedia Y2K. Selebihnya 5% lagi dijangka sedia Y2K pada akhir bulan Ogos 1999.

#### **Sektor Tenaga**

Tenaga Nasional Berhad mendahului di sektor tenaga dan dijangka akan sedia Y2K sepenuhnya pada bulan September 1999. Walau bagaimanapun setakat ini semua komponen kritikalnya sudah pun sedia Y2K. Agensi-agensi lain seperti Sarawak Electricity Supply Company, Sabah Electricity Supply Board dan kebanyakan penjana bebas IPP kini berada di tahap 80% hingga 100%.

### **Sektor Komunikasi**

Telekom Malaysia Berhad telah pun mencapai tahap 80% sedia Y2K bagi komponen-komponen kritikalnya. Kerja-kerja memulihkan sistem-sistem yang terlibat dengan Y2K telah pun selesai dan buat masa kini ujian sedang dijalankan ke atas sistem-sistem tersebut. Bagi syarikat-syarikat komunikasi yang lain semuanya berada pada tahap 80% hingga 100% sedia Y2K bagi komponen-komponen kritikal masing-masing.

### **Sektor Minyak dan Gas**

Agensi-agensi yang diawasi di bawah sektor ini berada di peringkat akhir sedia Y2K. Ini telah mencapai 95% bagi komponen kritikalnya.

### **Sektor Pengangkutan**

Bagi pengangkutan udara, MAS telah mencapai tahap 85% dan bagi pelabuhan-pelabuhan, pelabuhan Klang mendahului dengan mencapai 100% sementara pelabuhan-pelabuhan lain berada di tahap antara 60 hingga 80%.

### **Sektor Pembetungan**

Di bawah sektor ini IWK telah pun mencapai 100% sedia Y2K bagi komponen-komponen kritikalnya.

### **Sektor Kesihatan**

Hospital-hospital swasta jauh lebih bersedia dengan semuanya berada di tahap 80% sedia Y2K berbanding dengan hospital-hospital kerajaan yang berada di bawah paras 50% kecuali Hospital Kuala Lumpur yang mencapai 90%, Hospital Universiti 75% dan Hospital Seremban 60%.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita masih ada lima bulan lagi sebelum menjelang tahun 2000.

Memandangkan masalah Y2K ini menimbulkan suatu keadaan yang mencemaskan rakyat yang terlibat dengan sistem-sistem yang ada sekarang ini, adakah pihak kerajaan akan memberi jaminan untuk menanggung kemungkinan kerugian yang berlaku akibat daripada masalah Y2K ini terutama kepada rakyat biasa yang mempunyai simpanan wang dan sebagainya.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya berpendapat keprihatinan Yang Berhormat adalah sangat mengembirakan dan saya berani menyatakan bagi pihak kerajaan seperti mana saya jelaskan tadi dari sudut kerajaan, kita mempunyai keyakinan bahawasanya kita akan mengadakan dua lagi program penyeliaan atau apa yang dipanggil proses verifikasi pada bulan Ogos dan Oktober ini, kali yang kedua dan kali yang ketiga dan dari sudut kerajaan kita memberi jaminan, kita akan berjaya mencapai sedia Y2K 100% menjelang akhir tahun.

Walau bagaimanapun, seperti mana kita lihat tadi ada di ruang-ruang yang tertentu seperti hospital swasta umpamanya yang masih lemah dan kerajaan ambil berat dalam perkara ini dan akan berterusan untuk membantu mereka menyelesaikan masalah mereka. Adalah dipercayai dari sistem perbankan negara adalah diyakini bahawa seperti mana saya nyatakan tadi mencapai tahap yang amat tinggi 95% sedia Y2K dan insya-Allah menjelang bulan September akan menyelesaikan sehingga Y2K mencapai tahap 100%.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pada hemat saya keprihatinan rakyat ataupun kegusaran rakyat itu memang real tetapi kerajaan telah melakukan apa sahaja sehingga membelanja peruntukan wang yang besar, kalau tidak silap saya hampir RM600 juta untuk kita menentukan kita bebas dari masalah Y2K.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di sini menyebutkan bom jangka tetapi ada lagi satu bom yang sama merbahayanya iaitu bom minda. Maksud saya di Internet sekarang ini, cerita-cerita tentang pornography semakin meningkat dan begitu juga dengan masalah-masalah fitnah yang semakin meluas dalam Internet kita. Apakah tindakan kerajaan bagi

membendung masalah yang boleh kita katakan, ini merupakan satu bom minda yang merbahaya kepada anak-anak muda kita sekarang. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya terkeluar sedikit daripada Y2K namun demikian kerajaan memang menyedari bahawasanya dengan kemajuan teknologi, kalau dahulunya kita mampu melaksanakan proses penapisan, kita tapis filem, video, majalah, surat khabar dan sebagainya tetapi teknologi pada hari ini telah berjalan begitu pesat dan laju, pantas ke hadapan hingga banyak perkara yang sekarang Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh hendak ditapis. Antaranya disebutkan tadi di dalam Internet dan sebagainya. Walau bagaimanapun, inilah yang dikhuatiri oleh kerajaan dan pada hemat kerajaan sebaik-baik penapis adalah didikan, ilmu dan iman. Menyediakan anak-anak kita memiliki akhlak yang baik dan dengan automatisnya mereka menolak kalau dia nampak benda-benda yang pelik-pelik.

Walaupun bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita menyedarilah bahawasanya dalam apa yang dikatakan dalam era globalisasi ini sukar untuk kita menapis dan kita mengharapkan sesungguhnya kematangan, keilmuan, keimanan generasi muda yang akan menjadi benteng kepada segala-galanya.

7. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan di dalam semua universiti tempatan, kaum India tidak dapat memilih subjek yang mereka pilih walaupun mereka mempunyai cukup syarat-syarat yang dikehendaki dan mereka telah diminta mengambil subjek yang dipilih oleh Unit Pusat Universiti. Apakah sebabnya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan bahawa isu yang timbul berhubung kemasukan pelajar India ke universiti tempatan bukanlah masalah tidak dapat mengambil kursus pilihan. Masalah yang timbul ialah keputusan peperiksaan dan markah merit yang rendah. Sebagai contoh, dengan menggunakan markah potongan 60% bagi aliran Sains, hanya 44% daripada tempat yang ada di Universiti Malaya untuk kuota pelajar India dapat dipenuhi, manakala di Universiti

Kebangsaan Malaysia hanya 27% sahaja dapat dipenuhi. Walaupun pelajar India mempunyai merit terendah, mereka masih mendapat tempat berdasarkan kuota. Jika kuota tidak diambilkira, antara 40% - 50% calon pelajar India tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke IPTA. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkenaan dengan pelajar bumiputera di IPT. Mutakhir ini kita berdepan dengan kualiti dan pencapaian pelajar-pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi terutama sekali di universiti dan institusi-institusi tempatan. Saya hendak bertanya kepada kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, apakah sebenarnya kelemahan-kelemahan dan galangan-galangan yang telah mengakibatkan pencapaian pelajar-pelajar Melayu tidak setimpal berbanding dengan pelajar-pelajar bukan bumiputera. Apakah sebenarnya yang meletakkan bumiputera kita tidak setanding dengan bangsa-bangsa lain di negara kita di dalam mengejar ilmu di universiti dan institusi pendidikan tempatan kita.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada kait mengait dengan soalan asal, tinggal lagi cuma saya hendak kata sikit sahaja. Pokoknya di peringkat IPTA, semua IPTA, kemudahan itu sama, yang nampak jadi masalah ialah sikap dan sikap ini kita boleh nasihat, kita boleh lentur, kita boleh pupuk tetapi pada peringkat akhirnya ianya banyak bergantung kepada tiap-tiap pelajar itu sendiri. Itu sebabnya kita minta pelajar-pelajar bumiputera supaya tumpulah pada soal ilmu ini sepenuhnya, semasa dan sementara peluang itu ada di peringkat universiti sebab bukan semua orang dapat peluang ataupun opportunity untuk sampai ke institusi-institusi pengajian tinggi ini dan saya selalu kata, setiap daripada pelajar kita itu ada haknya untuk hendak sampai ke universiti sebab pada masa ini cuma 14% daripada pelajar-pelajar yang dapat sampai ke IPTA yang ada dan kita matlamatkan menjelang tahun 2020, kalau boleh sampai 40% tetapi kalau sikap pelajar-pelajar bumiputera kita masih memesongkan kepada ataupun dipesongkan kepada soal-soal yang tidak ada hubungkait dengan soal ilmu

dan menimba keilmuan itu, ini yang kita nampak agak ketara di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di institusi-institusi pengajian tinggi.

Kita sudah nasihat tetapi kalau mereka tidak hendak pakai, itu di luar keupayaan kita. Namun begitu kita tidak putus asa dan tidak kecewa, kita sentiasa berjumpa dengan pelajar-pelajar ini melalui Timbalan-timbalan Naib Chanselor Hal-Ehwal Pelajar dan akademik untuk menanamkan kesedaran di kalangan mereka itu supaya benar-benar sedar dan mempunyai sikap dan pegangan yang betul sementara mereka berada di universiti untuk mendapatkan ijazah-ijazah yang lebih tinggi daripada apa yang dicapai sekarang ini.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Baru-baru ini saya telah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa orang lulusan SPM dari tempat saya yang mendapat Pangkat I. Ada seorang daripada mereka mempunyai agregate 17. Dukacita mereka telah gagal untuk diterima masuk ke kelas-kelas matrikulasi. Ini telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan orang tua mereka. Jadi soalan saya ialah kenapa perkara seperti ini boleh berlaku dan apakah peluang untuk murid-murid ini memohon semula ataupun untuk dipertimbangkan semula untuk memasuki kelas-kelas matrikulasi itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soal pemilihan pelajar-pelajar ke pusat-pusat matrikulasi ini memang benarlah yang memohon itu ramai. Tinggal lagi apa yang dapat kita kesan ialah ada banyak ketikanya pelajar-pelajar ini dia tidak berapa betul pilih waktu mereka mengisi borang mata-mata pelajaran yang mereka kehendaki itu. Ini ternyata buktinya ada dan kita nasihatkan guru-guru kaunseling supaya membimbing pelajar-pelajar ini terutama sekali waktu dia mengisi borang permohonan dan keutamaan universiti dia hendak pergi dan kursus-kursus dia hendak ikut. Di sini kita nampak ada kelemahan di kalangan pelajar-pelajar itu untuk mengisi borang. Jadi, apabila kita hendak muktamadkan dan kita kumpulkan combination of subject ini di situ.

Pelajar itu akan tersingkir kerana dia silap mengisi borang itu dalam banyak kes yang kami tengok di peringkat kementerian.

**8. Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan rancangan peraturan kemiskinan di seluruh negara. Sila nyatakan negeri-negeri yang mempunyai paras kemiskinan yang tinggi dan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan kemiskinan di seluruh negara adalah seperti berikut:

Johor	1.6%
Kedah	11.5%
Kelantan	19.2% (Hampir 20% )
Melaka	3.5%
Negeri Sembilan	4.7%
Pahang	4.4%
Perak	4.5%
Perlis	10.7%
Pulau Pinang	1.7%
Sabah	16.5%
Sarawak	7.3%
Selangor	1.3%
Terengganu	17.3%
Wilayah Persekutuan termasuklah Labuan	0.1%
<b>Jumlah (Malaysia)</b>	<b>6.1%</b>

Berdasarkan kepada senarai tersebut, negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi bagi tahun 1997 adalah Kelantan - 19.2%; Terengganu - 17.3%; Kedah - 11.5%; Sabah - 16.5% dan Perlis - 10.7%. Antara faktor-faktor negeri-negeri berkenaan mempunyai paras kemiskinan yang tinggi adalah seperti berikut:



- Pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negeri-negeri ini tidak mampu mengurangkan kadar kemiskinan seperti negeri-negeri maju.
- Kegawatan ekonomi memberi kesan dan menjejaskan program pembasmian kemiskinan negeri-negeri berkenaan.
- Kegiatan ekonomi terutamanya perindustrian tertumpu di negeri-negeri maju yang mempunyai infrastruktur yang lebih baik.

Oleh itu kegiatan ekonomi yang tidak pesat di negeri-negeri yang kurang maju menyebabkan peluang-peluang ekonomi yang terhad di negeri-negeri yang berkenaan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, daripada laporan yang diberi oleh pihak kerajaan tadi, negeri Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis adalah di antara negeri-negeri yang peratus kemiskinannya tinggi dan kita tahu Parti PAS ghairah mengatakan mereka akan berjaya menguasai negeri-negeri ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang kaedah yang digunakan untuk mengambil kira peratusan kemiskinan ini sebab apa yang saya dapat maklumat negeri Perlis sendiri kalau kita pergi pada hari ini pun 10.7% itu pun kami tidak tahu hendak cari di mana. Jadi keadaan pembangunan di Perlis walaupun tidak ada sumber dan pembangunannya kurang, Yang Berhormat Dato' Khalid sendiri pernah pergi, ramai orang pergi, atas dasar yang bagaimanakah peratusan ini diperolehi dan apakah langkah-langkah untuk membetulkan keadaan supaya tidak ternampak seolah-olah ada negeri yang tidak nampak orang miskin ramai tetapi diberi peratusan yang agak tinggi? Ada negeri macam Kelantan itu mungkin lebih banyak lagi daripada 19%, tetapi 19% sahaja. Saya harap dapat memberi penjelasan.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, kita buat kajian dua tahun sekali daripada akar umbi, kita gunakan JKK daripada akar umbi. Kita dapat maklumat daripada JKK, kemudian bawa ke Datuk Penghulu, dari sana ke Pegawai Daerah dan juga SDO, dari SDO ke kementerian dan EPU. Kita buat banyak saluran untuk menapis dan menentukan siapa itu kumpulan sasaran dan oleh sebab

itu mekanisme ini digunakan sepanjang masa.. Tidak ada salah, saya tidak tahu mana ada salah. Walau bagaimanapun, angka yang diberi adalah betul tetapi kerajaan telah mengambil tindakan. Kalau kita pandang belakang tengok, peratusannya sangat tinggi *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandang mana, pandang mana?

**Dato' K. Kumaran:** Tetapi pada masa kini kita .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandang mana?

**Dato' K. Kumaran:** Pandang belakang tahulah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*. So, kita dapat kurangkan tetapi satu masalah lain-lain negeri kita dapat kerjasama tetapi Kelantan kita langsung tidak dapat kerjasama daripada Kerajaan Kelantan. Untuk negeri Kelantan juga setakat Januari hingga Jun 1999 ini kita belanja lebih kurang RM20 juta tetapi kerajaan PAS hanya tumpukan perhatian terhadap ceramah politik sahaja. *[Ketawa]* Kalau penduduk-penduduk di Kelantan boleh memberi kepercayaan semula kepada Kerajaan Barisan Nasional saya boleh beri jaminan di Dewan ini bahawa dalam tempoh masa 5 tahun ini kita boleh turunkan angka 19.2% ini ke-7%. *[Tepuk]* Ini terpulang kepada penduduk Kelantan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya setuju tadi jawapan daripada wakil kerajaan. Sebenarnya negeri-negeri yang miskin ini, saya pun membuat kajian, negeri-negeri yang miskin ini sudahlah miskin parti pembangkang memainkan peranan sehingga pemikiran rakyat dipengaruhi dan sebahagian daripada rakyat bersikap negatif, pembangunan susah untuk kita laksanakan.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu program khusus kepada negeri-negeri yang dikenal pasti sebagai negeri yang termasuk di dalam lingkungan termiskin, di dalam angka-angka yang disebutkan tadi, lebih daripada 10% penduduk di negeri yang berkenaan masuk dalam golongan termiskin.

Keduanya, saya ingin bertanya adakah program perumahan yang pernah dilaksanakan oleh kerajaan dalam rancangan PPRT ini akan terus dilaksanakan oleh kerajaan? Terima kasih.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang kedua, rancangan ini akan diteruskan, rumah PPRT akan diteruskan.

Bagi soalan pertama, kerajaan sedang memberi penekanan terhadap negeri-negeri yang tertentu. Kita ada juga rancangan-rancangan khas. Semalam, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat baca dalam surat khabar, kita ada sistem di mana kita mempunyai agensi kerajaan yang prihatin terhadap rakyat termiskin untuk memberi bantuan kepada mereka iaitu RISDA dan FELDA. FELCRA telah memberi bantuan kepada lebih kurang 7,000 ribu peserta yang termiskin dan dalam tempoh masa satu bulan ini RISDA akan memberi 1,000 orang dan juga FELDA akan memberi kepada 5,000 orang. Kita juga wujudkan satu ladang ternakan ayam di Teluk Emas dan juga kita ada satu ladang orkid dan juga ternakan ikan yang terbesar yang kita hantar ke Jepun. Kita dapat berjuta-juta ringgit pelaburan atau return dan kita gunakan wang-wang ini, dikhaskan ketiga-tiga projek ini diletakkan di Kelantan. Selain dari RISDA, FELCRA dan FELDA, ketiga-tiga rancangan ini adalah di Kelantan. Oleh sebab itu saya berani berkata bahawa kita boleh elakkan daripada 19% ke-7% dalam jangka masa lima tahun.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kelantan belum lagi mengeluarkan proses minyak manakala Terengganu telah pun mengeluarkan proses minyak dan Terengganu merupakan negeri yang kaya dengan pemprosesan minyaknya. Soalan tambahan saya, mengapa perbezaan antara Kelantan dan Terengganu dari segi kemiskinannya hanya 2% lebih sahaja?

**Dato' K. Kumaran:** Mungkin sikap, oleh sebab itu kita mengadakan kursus yang khusus meminda orang-orang termiskin ini, cukup Kelantan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 66 akan dijilid dalam buku yang berasingan)*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN (PEMBUBARAN) 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. (27 Julai 1999)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

**11.11 pagi.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula penggulungan di dalam membentangkan rang undang-undang ini. Pada petang semalam saya ada menyebut bahawa pembubaran dana ataupun Tabung Buruh India Selatan ini dilakukan secara terancang dan ada sedikit kekeliruan, yang mana saya cuba membetulkan tetapi masa sudah cukup. Saya ingin meneruskan pembedulan ini iaitu walaupun pembubaran ini dibuat untuk menukar bentuk pembangunan ekonomi khususnya dan pembangunan sosial di kalangan masyarakat buruh India Selatan namun segala projek yang lain tidak ditinggalkan. Ini sebagai respons kepada saranan Yang Berhormat Zainal Rampak berhubung dengan kes gaji bulan, kes perumahan pekerja-pekerja ladang dan lain-lain infrastruktur yang patut diadakan di ladang-ladang.

Saya ingin menyatakan bahawa di dalam hubungan ini projek-projek untuk meningkatkan kualiti hidup (quality of life) di kalangan pekerja estet di negara ini

sedang terus dilakukan misalannya di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Asas Pekerja-pekerja Ladang. Kita telah membaiki lebih daripada 8,000 labour line ataupun rumah-rumah pekerja ladang dan akan diteruskan lagi seperti mana yang diusahakan ataupun ditentukan di bawah akta ini. Majikan-majikan ladang sedang digalakkan untuk membina rumah-rumah yang boleh dibeli oleh pekerja-pekerja ladang dan setakat ini lebih 8,000 rumah-rumah ini telah pun disediakan. Kementerian sedang terus menggalakkan proses ini iaitu baru-baru ini kementerian telah menghubungi kerajaan-kerajaan negeri supaya mempercepat dan memberi kemudahan di dalam proses hal tanah untuk majikan-majikan dan kementerian akan terus bekerja keras di dalam hal ini.

Jadi, pembubaran ini adalah terancang dan ianya dirancang oleh pemimpin-pemimpin India sendiri iaitu seperti mana Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu sebutkan semalam. Saya ingin sebutkan lagi bahawa ianya diinisiatifkan oleh pemimpin utama orang-orang India iaitu Presiden MIC sendiri, Dato' Seri S.Samy Vellu di dalam hal ini dan Kabinet telah bersetuju. Jadi, ianya terancang kerana kerajaan sedar pentingnya rakyat daripada masyarakat India Selatan dibawa ke dalam arus perdana pembangunan, ekonomi dan sosial negara.

Jadi, di sini saya ingin menekankan bahawa banyak lagi kumpulan-kumpulan yang duduk di pinggir arus perdana pembangunan negara. Satu usaha di dalam pembangunan kaum India khususnya orang-orang daripada India Selatan yang dirangkumkan di bawah tabung ini ialah untuk menukar bentuk tabung yang pada masa ini tidak berfungsi lagi. Penyumbangan kepada tabung ini berhenti pada tahun 1941 dahulu, sudah tidak ada wang yang masuk dari segi sumbangan, majikan pun tidak membayar dan permintaan berhenti pada tahun 1994. Pada hari ini, hanya ada 16 orang di dalam rumah orang-orang tua yang telah dipindahkan dari Nibong Tebal ke Bidong dan juga ke Selangor dan 43 orang di luar rumah orang-orang tua yang menggunakan wang dari tabung ini. Boleh dikatakan kesemua mereka itu berumur lebih daripada 70 tahun.

Seandainya mereka meninggal dunia, tabung ini tidak ada beneficiary lagi melainkan pendaftaran-pendaftaran baru dibuat tetapi pendaftaran untuk menggunakan wang ini telah berhenti semenjak tahun 1993, 1994 lagi. Kalau itu berlaku, bermakna bahawa aset RM2.36 juta dan 14 ekar tanah di Nibong Tebal itu akan masuk ke dalam trustee kerajaan. Apabila Yang Berhormat Dato' Seri S.Samy Vellu bersama-sama Menteri Sumber Manusia mencadangkan supaya ianya dibubar dan dimasukkan ke dalam arus pembangunan, ekonomi dan sosial kerajaan, ini adalah inovasi yang sangat baik kerana apabila ia dibubar bermaksud aset ini dan orang-orang India Selatan, pewaris-pewaris buruh India Selatan yang mana tabung ini diwujudkan asal dahulu, akan mendapat satu bentuk pembangunan yang melebihi daripada nilai eset.

Maksudnya apabila kerajaan membubarkan dan memasukkan aset ini ke dalam pemegangan kerajaan, kerajaan telah dengan sendiri membuat satu komitmen yang jelas kepada masyarakat India Selatan bahawa kerajaan akan membesarkan aset ini dan sekarang pun kerajaan telah berjanji untuk menggunakan tanah di Nibong Tebal itu membina satu pusat latihan khas industri yang dikhaskan kepada pewaris-pewaris orang-orang India Selatan yang datang membuka ataupun menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaya dan Malaysia pada hari ini.

Jadi, jikalau kerajaan sudah membuat iltizam ataupun komitmen itu maka mengapa harus dipersoalkan lagi, mengapa harus ada polemik lagi. Jadi, apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Seri S.Samy Vellu yang memimpin MIC adalah satu usaha yang akan memberi manfaat kepada kaum India Selatan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tidak terjebak di dalam kontroversi yang mengatakan kerajaan akan mencuri RM2.36 juta dan merampas 14 ekar tanah ini. RM2.36 juta pun kerajaan mahu mencuri? Kerajaan tidak mencuri, setiap sen wang dan tanah itu akan dilaporkan ke dalam Parlimen mengikut saluran biasa iaitu setiap perbelanjaan kerajaan, setiap perolehan kerajaan dibentangkan di dalam Parlimen melalui proses budget setiap tahun. Yang Berhormat boleh mempersoalkan, menyoal kerajaan mengapa wang ini pergi ke situ dan ke sini

apabila sampai masanya nanti. Ini saya guarantee kerana apabila wang itu masuk di dalam consolidated account kerajaan dan tanah masuk di dalam amanah kerajaan ianya akan dijamin akauntabilitinya, jangan bimbang tentang hak orang-orang India Selatan.

Jadi, persoalannya di sini, masyarakat India Selatan dan masyarakat India pada umumnya mestilah menerima cadangan kerajaan ini dengan penuh kesyukuran kerana ianya dibawa oleh pemimpin India sendiri. Ini bukan dibawa oleh pemimpin UMNO ataupun pemimpin lain, ini dibawa oleh pemimpin MIC sendiri yang mempunyai visi yang cukup positif, yang cukup luas untuk pembangunan orang-orang India Selatan sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai hak-haknya tertentu.

Ini yang saya hendak tegaskan, apa yang berlaku sekarang ialah polemik dan kontroversi yang diwujudkan oleh orang yang tidak tahu-menahu tentang tabung ini. Orang yang tidak tahu langsung, tidak pernah jenguk muka pun ke rumah orang-orang tua di Nibong Tebal. Pada hal kita tahu bahawa perkara yang dilakukan melalui tabung ini ialah oleh orang MIC sendiri, Dato' Seri Arumugam Pillay adalah Pengerusi MIC Pulau Pinang, Ketua MIC Cawangan Nibong Tebal. Mengapa orang lain hendak bising-bising, ini MIC dan MIC juga yang membawa perkara ini untuk ditukar bentuk memberi manfaat kepada masyarakat India umumnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak patut dibangkit-bangkitkan lagi. Saya harap dengan memasukkan aset-aset ini ke dalam akaun kerajaan, kerajaan telah dengan sendiri membuat komitmen kepada masyarakat India Selatan yang dahulu hanya duduk di pinggir arus arus perdana ekonomi yang hanya mengharapkan RM2.3 juta dan 14 ekar tanah. Jadi, kerajaan telah membuat komitmen. Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin mempersoalkan komitmen ini dari masa ke semasa melalui Dewan yang mulia ini dan juga Dewan Rakyat.

Jadi, di sinilah ingin saya menyatakan bahawa saya hendak sebut di dalam Dewan Rakyat dahulu ada yang mengatakan jangan beri MIC mendapat manfaat. Saya tanya balik di dalam Dewan Rakyat, apakah orang-orang MIC bukan orang India Selatan. Kebanyakannya adalah orang India Selatan. Jadi, dia tidak mahu beri kepada MIC. Benda ini terang-terang telah dipolitikkan. Pada hal ianya adalah satu perkara ekonomi dan sosial orang-orang India Selatan. Tetapi oleh sebab dekat pilihan raya ianya telah dipolitikkan dan dibawa NGO-NGO yang tidak pernah menjengok di rumah orang-orang tua di Nibong Tebal dan mereka telah melakukan satu, dengan izin, storm in a teacup.

Jadi, di sini saya berbanyak terima kasih kepada cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak, Yang Berhormat Profesor Marimuthu, Yang Berhormat Dato' Krishnan, Yang Berhormat Jaya Partiban dan Yang Berhormat Parasuraman juga akan diterima untuk membaiki perjalanan dan teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan ambil notis.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Saya harap perkara ini dapat diperluaskan penjelasan yang saya buat. Pihak kementerian akan memperjelaskan lagi kepada mana-mana pihak yang ingin penjelasan mengenai hal ini. Saya setujulah bahawa kontroversi dan polimik yang berlaku sekarang adalah hasil daripada kurang jelas tentang tujuan-tujuan kerajaan. Saya pasti Ahli-ahli Yang Berhormat pemimpin MIC di dalam Dewan ini akan dapat menjelaskan lagi berasaskan kepada apa yang saya cakap tadi. Dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.



Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) 1999**

### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.27 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM556,752,300 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 1999 adalah berjumlah RM556,752,300. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) tambahan sebanyak RM150 juta di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membantu Indah Water

Konsortium Sendirian Berhad (IWK) menampung kos operasi bagi tahun 1999;

- (ii) tambahan sebanyak RM80 juta di bawah Maksud B.18, Kementerian Perusahaan Utama bagi memulakan pelaksanaan Skim Pembelian Getah (SPG) untuk jangka masa roll over selama enam bulan. Mulai SPG pembelian getah daripada pekebun kecil dibuat secara langsung oleh pihak kerajaan dengan harga 'farm gate' yang lebih berpatutan;
- (iii) tambahan sebanyak RM70 juta di bawah Maksud B.50, Kementerian Pembangunan Usahawan bagi penubuhan Tabung Pemberian (Endowment Fund) untuk membiayai perbelanjaan mengurus British Malaysian Institute (BMI). BMI adalah salah sebuah institusi kemahiran MARA tinggi yang dijangka akan beroperasi mulai tahun 2000;
- (iv) tambahan sebanyak RM60.1 juta di bawah Maksud B.52, Kementerian Kerja Raya untuk membiayai bayaran pampasan tol kepada syarikat-syarikat konsesi penswastaan lebuhraya berikutan dengan keputusan kerajaan tidak menaikkan kadar tol mengikut perjanjian konsesi kenaikan tahunan kadar tol yang dikenakan;
- (v) tambahan sebanyak RM49.3 juta di bawah Maksud B.25, Kementerian Pertahanan untuk perbelanjaan berikut:
  - (a) sebanyak RM38.4 juta bagi memenuhi kontrak dukungan lanjut MFPJAT Support Services pesawat FA 18D yang ditandatangani dengan harga RM116,532,279. Peruntukan tambahan yang diperlukan setelah mengambil kira aliran tunai bagi tahun 1999 dianggarkan RM50 juta. Manakala peruntukan sedia ada hanya sebanyak RM11.6 juta.
  - (b) sebanyak RM10.1 juta untuk membiayai bayaran kerja-kerja pembaikan rawatan aset MALCOM 5 yang dibawa balik ke Malaysia setelah misi Bosnia tamat. Aset terdiri daripada

kenderaan peralatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan British;

- (c) sebanyak RM0.8 juta untuk membiayai alat reader untuk tujuan penguatkuasaan pemasangan kotak hitam ke atas kenderaan lori ATM.
- (vi) tambahan sebanyak RM43 juta di Maksud B.26, Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:
  - (a) sebanyak RM12 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kos pengurusan kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Labuan. Kampus ini ditempatkan di Kompleks Persekutuan dan Kompleks Perumahan Kakitangan di Kiasam, Labuan. Program pengajian mula ditawarkan pada sesi 1999/2000;
  - (b) sebanyak RM30 juta untuk menampung tambahan kos penyediaan makanan pelajar-pelajar di kampus utama ITM Shah Alam dan kampus-kampus cawangan di negeri-negeri seramai 78 ribu orang;
  - (c) sebanyak RM1 juta untuk Universiti Islam Antarabangsa (UIA) bagi menampung keperluan perpindahan pelajar-pelajar matrikulasi dari Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA) ke kampus induk UIA di Gombak yang baru siap.
- (vii) tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan pinjaman Jepun dikeluarkan bagi penyediaan pelajar-pelajar tajaan JPA belajar di negeri Jepun di bawah Program Dasar Pandang Ke Timur.
- (viii) tambahan sebanyak RM26.5 juta di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian untuk perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak RM7.5 juta untuk pembelian vaksin dan kos kerja-kerja pemusnahan babi bagi mencegah wabak Japanese Encephalitis (JE);
  - (b) sebanyak RM14 juta untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan mengurus Bank Pertanian Malaysia (BPM) berikutan keputusan kerajaan menangguhkan penswastan Bank Pertanian Malaysia;
  - (c) sebanyak RM5 juta mewujudkan dana pusingan pekebun kecil di bawah kelolaan Lembaga Pertubuhan Peladang dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil di kawasan Padang Terap. Pekebun kecil tebu akan diberikan pendahuluan bagi mengusahakan ladang tebu dan dikehendaki membayar balik selepas penuaian dan penjualan tebu.
- (ix) tambahan sebanyak RM19.8 juta di bawah Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan berikut:
- (a) sebanyak RM8.8 juta untuk membiayai bayaran elaun kakitangan kontrak bagi kakitangan bahagian kemajuan masyarakat, KEMAS yang sedia ada dan kakitangan baru seramai 1,511 orang;
  - (b) sebanyak RM11 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus pihak berkuasa pekebun-pekebun kecil getah, RISDA. Peruntukan tambahan ini diperlukan kerana sumber dalam RISDA tidak cukup untuk menampung belanjawan semasa.
- (x) Tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan mengurus Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).
- (xi) Tambahan sebanyak RM7 juta di bawah Maksud B.21 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk bayaran emolumen dan lain-lain perbelanjaan bagi pegawai dan kakitangan

Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diberi opsyen berpindah dari Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara, Kementerian Pertanian. Tarikh kuat kuasa perpindahan ialah pada 1 April 1999.

- (xii) tambahan sebanyak RM6.5 juta di bawah Maksud B.36 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk pembelian alat reader bagi PDRM menguatkuasakan pemasangan kotak hitam ke atas lori, bas ekspres dan bas persiaran.
- (xiii) tambahan sebanyak RM3 juta di bawah Maksud B.4 – Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai sebahagian perbelanjaan bagi urusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah pada 12 dan 13 Mac 1999 yang lalu.
- (xiv) tambahan sebanyak RM1.3 juta di bawah Maksud B.47 – Kementerian Pengangkutan untuk membiayai pembelian alat reader bagi Jabatan Penguatkuasa Jalan menguatkuasakan pemasangan kotak hitam ke atas lori, bas ekspres dan bas persiaran.
- (xv) tambahan sebanyak RM0.3 juta di bawah Maksud B.17 – Kementerian Belia dan Sukan untuk menjayakan penawaran Kuala Lumpur sebagai tuan rumah kepada Sukan Asia 2006 seperti mengadakan majlis pelancaran penawaran Sukan Asia 2006 dan mengadakan taklimat kepada duta-duta negara Asia yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1999 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9, Tahun 1999 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A, Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar Taib]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat.

**11.36 ptg.**

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Kewangan khususnya kerajaan yang telah dapat membentangkan satu rang undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1999 yang berjumlah melebihi RM556,750,230 sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi yang dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan.

Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kita mempunyai pengurusan yang amat baik dalam menjana pengurusan wang kerajaan. Sebab itulah di mana-mana sekalipun memang ada kerajaan tetapi lebih daripada 100 negara membangun Malaysia telah dijadikan sebagai satu contoh kalau tidak dinamakan sebagai negara maju pun. Kita telah dapat menguruskan negara kita dengan baik dan akhirnya kita dapat menjana pertumbuhan ekonomi kita walaupun pada pertengahan tahun 1997 kita telah berhadapan dengan masalah kegawatan ekonomi yang dicituskan melalui spekulator mata wang dan kita telah bincang panjang dan banyak di antara strategi dan pendekatan kerajaan yang telah dilaksanakan melalui MTEN telah dapat sedikit-sebanyak memulihkan ekonomi kita. Semua ini harus dilihat oleh kita dan rakyat seluruhnya sebagai satu bentuk pengurusan kerajaan melalui pimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang mana ianya adalah dapat mempertahankan daulah dan maruah negara kita akhirnya kita dapat menyempurnakan tugas-tugas tradisi membela rakyat melalui gerakan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa, kita dapati dalam pergolakan semasa di negara kita, kita nampak mutakhir ini seolah-olah berlaku satu kedudukan di pertengahan ataupun di akhir sesi Parlimen kita yang mana di semua peringkat parti politik membicarakan masalah kita berhadapan dengan pilihan raya dan kita mahu memberi amaran khususnya kepada parti-parti pembangkang yang diketuai oleh DAP, PAS dan PRM, kemudian ditumpangi sama oleh sebuah parti KeADILan yang telah beria-ia benar berjuang dengan memberi ceramah di mana-mana sekarang ini tetapi yang lebih penting kepada kita pada hari ini ialah kita mahu satu bentuk pendekatan kerajaan bahawa ada sebahagian atau segelintir masyarakat kita seolah-olah terbawa-bawa dengan pendekatan kefahaman yang boleh merosakkan kedudukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya ialah selepas kita merdeka lebih daripada 40 tahun, kemudian kita telah melalui kontrak sosial di antara pelbagai kaum yang diketuai dan ditunjangi oleh UMNO dan orang Melayu didokongi kuat oleh MCA, MIC dan sekarang ini kita mempunyai banyak parti dalam gagasan Barisan Nasional dan kita telah berjaya setakat hari ini tetapi mutakhir ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita nampak seolah-olah ada segelintir masyarakat kita yang tidak menyedari hakikat pembangunan negara kita, hakikat keselesaan yang dinikmati oleh rakyat telah diputarbelitkan oleh beberapa parti politik. Itu sebahagian daripada gerakan parti-parti politik pembangkang yang bercita-cita besar untuk menjadi kerajaan tetapi hakikatnya melalui program-program yang telah sedia ada, melalui pendekatan dan kaedah-kaedah pengurusan negara, apatah lagi perkara-perkara yang telah diusahakan oleh pimpinan negara dan kerajaan, sesungguhnya ia telah melahirkan satu perubahan besar kepada masyarakat di negara kita.

Dalam perkara-perkara seperti ini kita ada dua bentuk masyarakat yang harus diberi fokus kepada kerajaan supaya mereka dapat menilai semula pemikiran dan pendekatan mereka. Kumpulan-kumpulan yang saya maksudkan ialah

kumpulan belia dan ahli politik yang menggunakan agama sebagai alat untuk mendapatkan kuasa dalam sistem demokrasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mencadangkan kepada kerajaan dan memberi notis kepada pimpinan negara supaya mengkaji dengan sesungguhnya penggunaan perkataan 'Islam' di dalam semua badan sukarela dan parti politik kerana sebagaimana kita tahu bahawa semua umat Islam di negara kita dan juga bukan Islam di negara kita telah menerima di dalam Perlembagaan Bahagian 1, Perkara 3(1) bahawa agama Islam adalah merupakan agama rasmi di negara kita dan saya mencadangkan supaya perkataan 'Islam' yang digunakan sebagai agama ini telah menjadi asas pembinaan kehidupan kita di dalam negara kita kerana sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan tadi, Islam telah kita letakkan di tempat yang amat mulia sehingga agama Islam ini menjadi agama rasmi dan ianya telah diterima sebagai satu daripada agama untuk kesejahteraan dan sebagai daulat untuk negara kita dan negara kita memang terkenal di kalangan negara-negara Islam di seluruh dunia melebihi daripada 50 buah negara meletakkan pendekatan bahawa pengurusan negara kita memang berorientasi kepada pengurusan secara Islam walaupun tidak secara total.

Maksud saya di sini ialah saya mencadangkan supaya perkataan 'Islam', sebagai contohnya dalam gerakan belia. Kita nampak banyak di antara gerakan belia di negara kita ini, Gerakan Belia 4B, MAYC dan sebagainya tetapi ada satu gerakan belia yang dinamakan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) seolah-olah menggambarkan kepada satu golongan belia yang belum mempunyai pendedahan yang cukup sebagai mempunyai pandangan yang berbeza dengan maksud kita membina sebuah negara yang berdemokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah kalau ABIM ini diterima sebagai golongan belia yang memang kurang mencukupi dari segi ilmu dan pendedahannya, maka ramai di antara belia kita akan menganggap perjuangan ABIM ini adalah perjuangan atau satu gerakan belia untuk mengislamisasikan sekurang-kurangnya belia ataupun negara. Jadi, perkara ini disalah tafsir dan



disalahgunakan oleh segelintir masyarakat kita dan saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menilai semula perkataan ini. Tidak salah kita menggunakan 'Angkatan Belia Malaysia' umpamanya dengan tidak mengislamkan perkataan 'Islam' tetapi perjuangan belia-belia di negara kita yang memang berorientasikan kepada Islam ini diteruskan melalui pendekatan dan perjuangannya sama seperti kita memperjuangkan umat Islam di negara kita dengan tidak meletakkan label dan perkataan 'Islam'. Islam itu sebenarnya sebuah agama sebagai cara hidup yang harus dilihat dalam bentuk yang lebih tinggi dan lebih mulia dan tidak harus dipolitikkan dan disalahertikan oleh setengah-setengah masyarakat kita.

Kita tahu bahawa semua lapisan masyarakat belia kita mempunyai pendekatan-pendekatan tertentu dan golongan belia adalah golongan yang akan menjadi satu kumpulan katalis dan penggerak untuk kepentingan negara kita di masa hadapan dan semua ini apabila ada satu angkatan belia yang dinamakan seperti ABIM ini, memberi kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan perjuangan yang digagaskan oleh kerajaan sendiri, maka belia secara totalnya dapat disalahertikan dan menerima seolah-olah ABIM ini memang berjuang untuk Islam dan seolah-olah kumpulan belia atau organisasi belia-belia yang lain tidak memperjuangkan Islam.

Jadi, saya bukan anti-Islam tetapi saya mahu meletakkan perjuangan rakyat kita khususnya golongan belia ini harus melihat dalam bentuk yang lebih terbuka tetapi tidak terdedah seperti yang berlaku sekarang ini. Kita tahu bahawa seolah-olah ada satu komplot kepada gerakan belia yang seolah-olah apa yang dilaksanakan oleh kerajaan ini disalahertikan oleh kumpulan belia. Jadi, saya memberi notis kepada kerajaan supaya mengkaji dengan mewujudkan satu panel yang sesuai supaya perkataan 'Islam' dalam mana-mana badan pertubuhan belia ini digugurkan walaupun badan-badan mereka ini harus memperjuangkan Islam dalam gerakan belia mereka.

Saya terpaksa berhati-hati bercakap perkara ini kerana saya tidak mahu dituduh sebagai salah seorang daripada ahli Dewan Negara yang anti-Islam dan

kita mahu supaya masyarakat kita khususnya golongan belia dapat melihat perpes....perpek....[Disampuk] Ah, payah hendak sebut pekataan orang Putih ini... supaya melihat Islam sebagai agama, cara hidup, Islam sebagai satu kaedah kita menghayati dan menjunjung kebesaran Allah dan Tuhan. Jadi, tidak menyempitkan pemikiran kita, Islam sebagai sebuah agama dan disempitkan lagi, digagaskan di bawah satu gerakan belia yang kecil yang tidak mencerminkan keseluruhan kedudukan belia kita. Ini termasuk kepada agama-agama lain yang saya rasa pun harus dibuat kajian oleh kerajaan. Umpamanya, kalau ada 'Angkatan Belia Buddha Malaysia' umpamanya, apakah kumpulan belia Buddha yang lain tidak memperjuangkan agama Buddhanya? Serupalah juga dengan angkatan, umpamanya kalau ada 'Pertubuhan Belia Hindu SeMalaysia', umpamanya, kalau ada pun harus dilihat bahawa perkataan agama harus dikaji dengan serapi-rapinya, dengan sebijak-bijaknya oleh kerajaan kerana kita tidak mahu apabila 'nasi telah menjadi bubur'.....Sebenarnya perjuangan kita masih baru, kita baru memerdekakan negara kita, baru hampir lebih kurang 40 tahun lebih dan kita telah dijajah lebih daripada 400 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kepada orang Melayu, selepas kita merdeka, kita hanya ada lebih kurang 11 doktor Melayu. Sekarang ini kita ada lebih kurang 5,000 doktor Melayu. Saya tidak tahulah doktor-doktor Melayu yang ada ini kebanyakannya baik-baik tetapi ada segelintir doktor Melayu yang bekerja dengan kerajaan dan sebahagian besarnya telah menjadi doktor-doktor yang mempunyai klinik-klinik sendiri dan ada segelintirnya telah menentang kerajaan. Saya rasa tidak berapa boleh terima dengan pendekatan-pendekatan sebahagian daripada profesional Melayu terutama sekali doktor kerana kita tahu bahawa melalui gagasan Barisan Nasionallah, kerana kita bertembung di antara kaum kerana kedudukan ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera dalam tahun 1969, maka dalam tahun 1970 kita menggubalkan satu pendekatan dalam Dasar Pendidikan Negara.

Saya hendak maklumkan kepada bangsa saya, bangsaku, orang-orang Melayu khususnya, bahawa yang telah mendapat nikmat seperti sebahagian kecil doktor ini memikirkan semula, apakah mereka seorang anak Perdana Menteri? Apakah mereka seorang anak orang kaya? Apakah mereka ini berasal daripada anak-anak ahli korporat dan saya pasti doktor-doktor yang sedia ada ini, 90% adalah daripada golongan masyarakat Melayu yang secara totalnya adalah petani, nelayan, penyadap pokok...saya tidak tahulah di Kuala Lumpur panggil apa, di kampung saya dia ini yang panjat pokok kelapa untuk buat manisan dipanggil penyadap pokok dan kita tahu bahawa mereka ini dibayar atau diongkosi oleh kerajaan tidak kurang daripada RM½ juta untuk menamatkan pengajian mereka di antara lima ke-enam tahun. Saya ingat kerajaan ada maklumat dan data ini dan daripada cadangan rang undang-undang ini sendiri pun banyak memperuntukkan masalah-masalah pendidikan dan majoritinya adalah untuk kepentingan pelajar-pelajar Melayu.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya membuat satu gerakan semula supaya mereka ini harus diberi pandangan bahawa mereka lahir sekarang ini dengan sebahagian daripada mereka bercakap mendabik dada, menentang usaha-usaha kerajaan dan tidaklah kita tidak menerima kritikan tetapi sebagai orang yang mempunyai faedah kerana golongan profesional khususnya doktor dan apa lagi golongan yang kedua ialah golongan kelas menengah Melayu yang menjadi pensyarah di universiti-universiti dan secara khususnya saya ingin bercakap berkenaan dengan pensyarah-pensyarah kanan dan pensyarah-pensyarah yang telah mempunyai imbuan. Dia menjadi pensyarah pada tahun 1970 di ITM –dengan menghormati rakan-rakan saya daripada kaum Tionghua dan sebagainya – di ITM, 90% pensyarah dalam tahun 70-an awal Tuan Yang di-Pertua, bukan di kalangan bumiputera tetapi dengan persetujuan kaum Cina, dengan pakatan di antara pemimpin Melayu dan Cina, kerana kita telah melalui pertumpahan darah pada tahun 1969, kerana perbezaan minda dari segi pendidikannya dan dengan kedudukan ekonominya yang tidak seimbang, maka DEB dilancarkan dalam tahun

1970 dan berlakulah beberapa pendekatan pragmatik oleh kerajaan pada ketika itu. Maka di ITM hari ini saya yakin lebih daripada 90% adalah orang-orang Melayu. Kita tidak menidakkan bahawa kaum Cina diberi peluang yang agak sama dengan menubuhkan kolej-kolej lain tetapi saya fokus kepada orang Melayu pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita mengenang kembali bahawa pensyarah yang ada di ITM sekarang ini sebahagian kecil daripada mereka apabila dia berkahwin sesama pensyarah mereka dalam tahun 70-an walaupun tidak mendapat pendidikan yang at par dengan rakan-rakan kita dari bangsa lain tetapi demi dasar yang dipersetujui supaya orang Melayu dapat diseimbangkan kedudukannya dari segi pendidikan, maka dihantarlah orang-orang Melayu ini dengan ongkos dan biasiswa kerajaan dan mereka pulang menjadi pegawai ataupun menjadi pensyarah-pensyarah di ITM.

Saya memberi amaran kepada kerajaan, kita tidak dapat menyalahkan sesiapa dalam hal ini. Mungkinkah pembinaan negara kita telah siap dari segi fasa pertama kerana kelas menengah Melayu yang ada di negara kita mengikut catatan dan rekod Kementerian Pembangunan Usahawan telah melebihi 40,000. Itu dari segi rekod Kementerian Pembangunan Usahawan. Di dalam menterjemahkan Dasar Pembangunan Negara, kita telah lahir melalui data dan maklumat kita melebihi 40,000 dan saya yakin kita mempunyai lebih daripada 500,000 orang-orang Melayu yang dapat diklasifikasikan sebagai golongan kelas menengah Melayu dan golongan ini telah mendapat rahmat dan nikmat serta sokongan dan dukungan, pengongkosan daripada kerajaan sehingga mereka menjadi profesional-profesional Melayu di dalam agenda pembangunan ekonomi kita. Ada sebahagian kecil mereka mendabik dada kerana kebijaksanaan mereka, tidak kerana ruang dan peluang yang digagaskan melalui dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Saya ingin memberi pandangan kedua kepada kerajaan pada hari ini supaya mengkaji institusi-institusi pengajian tinggi kita khususnya di universiti kita, institut-institut pengajian tinggi kita dan mungkin juga di sekolah-sekolah menengah. Anak-anak kita yang hadir pada hari ini sebenarnya seperti 'kain yang

putih' dan saya juga kebetulan ada anak-anak yang sekarang ini belajar di institut pengajian tinggi, di sekolah asrama penuh dan sebagainya. Semua ini tidak dapat dinilai oleh kerana ada segolongan guru kita yang mempolitikkan jawatan mereka sehingga ada setengah daripada pelajar-pelajar kita taksub kepada pendekatan kerana hendakkan agama, maka menentang kerajaan. Seolah-olah kalau tidak menentang kerajaan, kita seolah-olah lari daripada agama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara-perkara ini harus dinilai semula oleh kerajaan supaya kelas menengah Melayu ini walaupun menjadi dasar kerajaan melahirkan mereka, sebahagian daripada mereka dilihat sebagai rakus dan sombong. Mungkin kerana mereka sudah ada satu, dua kereta Mercedes, sudah ada Proton Satria dan Proton Perdana. Mungkin anak mereka sudah mendapat pendidikan yang agak selesa, mereka sudah dapat pukul rata RM10 ribu ataupun RM8 ribu sebulan, mereka tidak harus bergantung kepada kerajaan.

Kita mahu beritahu bahawa masih ramai di antara orang-orang Melayu yang berada di luar bandar dan di kampung-kampung memerlukan penjagaan kerajaan supaya generasi mereka yang dilihat agak miskin dan sederhana ini harus dibangunkan kualiti mereka melalui pendekatan kerajaan supaya anak-anak mereka yang belum mendapat peluang ini, supaya mereka mendapat peluang seperti golongan kelas menengah Melayu yang berada dalam masyarakat kita pada hari ini telah mendapat peluang, didikan dan dokongan oleh kerajaan. Apakah ini bukan daripada dasar kerajaan?

Ada segelintir pegawai kerajaan, kalau dahulu saya bela pegawai kerajaan dalam mesyuarat kita dahulu supaya menilai kedudukan gaji dan sebagainya. Tetapi hari ini saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini ada segelintir pegawai kita bekerja dengan kerajaan umpamanya di hospital, ada setengah-setengah hospital kerajaan kita, jururawat, doktor yang saya katakan tadi, dengan sewenang-wenangnya bercakap menentang kerajaan. Golongan H.A. dan sebagainya ada sebahagian, segelintir. Apakah kita sebagai kakitangan kerajaan tergamak mencerita dan mencerca masalah kita. Kita sebagai kakitangan kerajaan

sepatutnya menterjemahkan hasrat dan cita rasa kerajaan kerana kita berkhidmat kepada kerajaan.

Saya minta kerajaan kaji betul-betul perkara ini dan ketua-ketua jabatan harus diberi satu pandangan baru, pemikiran baru. Kita ini hendak ke alaf baru jadi kadang-kadang model kita fesyen lama. Saya minta kerajaan di dalam menaikkan pangkat mereka, di dalam memberi ruang dan peluang kepada kakitangan kerajaan ini kerana majoriti kakitangan kerajaan adalah daripada kakitangan kerajaan yang baik dan bertanggungjawab. Janganlah ada segelintir pegawai kerajaan – ini kita ‘blacklist’ dia, kalau perlu tukar, kita tukarkan dia ke tempat yang jauh-jauh sedikit. Kita bukan hendak seksa dia tetapi kita mesti ada satu pendekatan, seolah-olah kita ‘loose’ sekarang ini dari segi pelaksanaan dasar ini.

Kalau dahulu umpamanya, seorang hendak menjadi guru besar, dia mesti faham, walaupun dia seorang pentadbir yang baik, kalau dahulu mesti dia seorang yang menjadi aktivis masyarakat yang mendukung usaha-usaha kerajaan, dia jadi guru besar. Sekarang ini dia kata dia jadi guru besar kerana kualifikasi, kerana dia sudah layak, maka senang. Jadi, mesti ada satu pendekatan baru oleh kerajaan dalam menjarangkan semula kedudukan prestasi kakitangan kerajaan kita kerana kita tahu sebahagian besar kakitangan yang ikhlas dan bekerja bersungguh-sungguh, kadang-kadang mereka tidak mendapat tempat yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kelas menengah Melayu tadi. Tadi saya pun tidak faham apakah ini kegagalan negara kita? Oleh kerana keghairahan Perdana Menteri, keghairahan kerajaan, keghairahan Parti Barisan Nasional mahu melihat Melayu ini ‘duduk sama rendah, berdiri sama tinggi’ dengan rakan-rakan dalam negara supaya pengagihan kek, kehidupan dan ekonomi ini dapat diseimbangkan, maka kerajaan terlampau ghairah sehingga meninggalkan ciri-ciri kenegaraan, ciri-ciri kebangsaannya, ciri-ciri kesyukuran yang ada pada mereka. Setengah daripada setengahnya pakai kopiah, sembahyang tidak tinggal dan sebagainya, bercakap menentang kerajaan, dia itu makan gaji dan dari segi sifat keadilannya, kita semua rakyat khususnya golongan kelas menengah Melayu ini.

Saya memberi pandangan supaya kerajaan menilai beberapa 'input' baru supaya dalam meletakkan mereka ini dalam golongan kelas ini supaya mereka mempunyai ciri-ciri yang kuat di dalam meletakkan diri mereka dari konsep kenegaraannya, konsep cinta kepada bangsanya dan mengamalkan agamanya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, jadi semua ini relatif pula dengan kedudukan sebuah parti politik - Parti PAS, sebagai contoh sahaja ini. Tetapi kalau hendak highlight besar-besar pun 'highlight'lah, kalau pihak akhbar tidak ada, dia tidak payah 'highlight'lah.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan negeri saya Terengganu berjiran dengan negeri Kelantan dan sekarang ini boleh dikatakan tiap-tiap malam, oleh kerana pilihan raya sudah hampir, maka PAS ini menurunkan muslimatnya, menurunkan belia dan pemudanya. Saya melihat ada dua golongan masyarakat kita yang saya kasihan kepada golongan ini kerana silapnya silap kita iaitu PAS ini menggunakan agama Islam sebagai wadah perjuangannya. Tetapi kefahaman kepada dua golongan, pertama kepada golongan yang amat taksub kepada agama, sedangkan ilmunya tidak banyak mana, amalnya tidak tinggi dan sebaik mana dan kita kenal satu persatu. Kalau kita duduk di kampung kita faham dan perangnya tidaklah sebaik mana tetapi oleh kerana dia mempunyai satu pendekatan kerana ramai di antara ulama-ulama PAS ini meletakkan seolah-olah ini sebahagian daripada fatwa.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan sekali lagi supaya golongan ini diberi fokus dan ada kumpulan satu lagi iaitu kumpulan yang baru-baru hendak faham agama. Jadi, apabila dia melihat seolah-olah PAS itu adalah agama, maka dia terus menyokong. Mungkin ini agak luar biasa di sebelah Pantai Barat tetapi di sebelah Pantai Timur seperti negeri Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah, sebab itulah PAS menggunakan apa jua pendekatan untuk menyatakan bahawa apa yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kalau dahulu timbul masalah Ayatollah Khomeini di tiap-tiap rumah orang-orang PAS, ada gambar Ayatollah Khomeini kerana berlaku satu revolusi agama Islam di Iran ketika itu. Sekarang ini sudah

tidak ada gambar Ayatollah Khomeini. Kemudian ada Fatwa Hadi pun, baru-baru ini ada pertikaian, tidak mengaku juga dan baru-baru ini kita nampak ada gagasan memodelkan gerakan alternatif parti-parti pembangkang ini hendak memodelkan seperti Gagasan Barisan Nasional.

Saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa PAS hendak memperjuangkan negara Islam. DAP hendak memperjuangkan Malaysian Malaysia, Keadilan mungkin memperjuangkan – seolah-olah kawan kita yang memang terjerumus dengan masalah peribadinya kerana perjuangan kepada seseorang dan PRM kita tahu sebuah parti yang berorientasikan sosialis. Jadi, saya tidak tahulah bagaimana pakatan, saya dengar daripada rakan-rakan dan kawan-kawan saya dalam kumpulan ini nampaknya PAS telah leading dan saya tidak yakin PAS boleh bekerjasama dengan baik dalam pengagihan kerusi.

Sebelum saya masuk ke dalam Dewan yang mulia ini ada seorang kawan saya yang berada di luar sana menceritakan kepada saya beliau baru lepas berjumpa dengan Saudara Anwar Ibrahim. Saya tidak mahu beritahu nama kawan saya ini, dia kawan rapat. Jadi, dia cerita dia kata, *“Bagaimana anta, Pak Sheikh”*. Dia kata, *“Ana okay, duduk dalam ini okay tetapi yang luar sana teruk kerana PAS begitu sombong dan rakus, kerusinya dia hendak bolot semua, DAP pun hendak bolot, base-base kawasan Cina, Keadilan pening sekarang ini. Saya tidak tahu”*. Jadi, gabungkan kepada kenyataan daripada rakan kita Saudara Anwar Ibrahim sendiri dan oleh kerana kita taksub, kita kadang-kadang tidak adil kepada diri kita.

Tengok rakan kita, Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain, saya baca buku, majalah apa, dia kutuk Perdana Menteri, dia kutuk kerajaan dan sebagainya. Baru masuk Keadilan. Jadi, saya hendak usul kalau boleh kerajaan nilai baliklah kedudukan Tuan Haji Hamzah kerana saya tahu perlantikan kedua sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain ini ialah melalui dirinya sebagai seorang pemimpin UMNO iaitu pemimpin parti kerajaan. Saya sebenarnya kawan rapat tetapi dari segi prinsip politik kerana dia menentang parti



kita, kita pun mesti ada tindakan serius supaya kalau sahabat saya Tuan Haji Hamzah mempunyai maruah dan sifat keadilan, dia letak jawatanlah.

Saya tidak mahu cakap banyaklah, kalau ditakdirkan saya pun begitu, maka saya atas dasar prinsip dan sebagainya, kalau kita sudah menentang ketua kita, tempat kita bernaung dan berteduh, kita mesti mempunyai prinsip-prinsip sendiri. Jadi, kalau sahabat saya ini hendak memperjuangkan Keadilan, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menilai sendiri bagaimana kedudukan sahabat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menilai dengan sungguh-sungguh supaya perkataan 'Islam' dalam PAS ini harus dikaji oleh Pendaftar Pertubuhan, khususnya Kementerian Dalam Negeri. Walaupun dalam ini tidak ada peruntukan Kementerian Dalam Negeri tetapi secara totalnya kerajaan mesti menilai semula sebelum 'nasi menjadi bubur'. Kalau tidak, gerakan PAS ini memang kita tahu bahawa dia hendak memperjuangkan Islam tetapi ia sebenarnya telah mengadu-dumba kedudukan suasana ini dengan menggunakan Islam sebagai slogan dan wadah mereka, sehingga ada segelintir rakyat yang telah mendapat – macam saya bercakap awalan tadi dari segi pendidikan, telah mempunyai pendapatan tinggi dan hidup mewah melalui perjuangan Kerajaan Barisan Nasional dan mereka kadang-kadang lupa kepada jasa.

Saya tidak kisah sekiranya orang Melayu tidak mahu menyokong kerajaan, parti Kerajaan Barisan Nasional. Dari dahulu pun ada segelintir masyarakat Melayu mendapat faedah tetapi tidak pernah menyokong kerajaan. Tetapi saya tidak mahu kegagalan pengurusan yang baik oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini oleh kerana kelembutan dan ketidak penyusunan semula kerajaan kita kerana kita ada tanggungjawab mempertahankan dan mendaulatkan agama tetapi kita membiarkan sahaja sebuah parti politik menggunakan agama ini sehingga memporak-perandakan setengah-setengah perkara ini. Jadi, saya tidak tahulah di mana kedudukan sebenar ulama-ulama kita. Kalau ulama PAS ada yang baru masuk PAS pada hari ini semuanya mendapat 'track record'nya daripada sokongan dan dukungan kerajaan.

Saya tidak hendak bercerita panjang berkenaan PAS ini, cuma sekadar menyatakan pendirian peribadi saya selaku seorang yang bersama-sama dengan pimpinan kerajaan memberi notis kepada kerajaan pada hari supaya sekurang-kurangnya dua organisasi iaitu belia dan parti politik iaitu ABIM dan PAS mesti digugurkan perkataan Islam dalam organisasi mereka. Kalau Pendaftar Pertubuhan tidak buat, saya berkeyakinan mereka ini akan membuat gerakan di luar daripada norma-norma dan batasan biasa sebagai sebuah masyarakat bangsa Malaysia yang amat berbudaya.

Kita tengok banyak kurang ajar cakupnya, rakusnya, sombongnya. Ini kadang-kadang anak-anak kita, dia pun tahu ini, bila saya bercakap, dia bercakaplah balik dalam kelas. Anak saya pun ada di Tingkatan V, jadi ketua pelajar kolej, kadang-kadang dia balik. Ada guru agamanya, kerana dia guru agama dia menentang kerajaan, ada pensyarah di ITM, satu dua. Jadi, kita tidak mahu, kerana suasana ini, kita disalahertikan.

Jadi, saya menasihati anak-anak, kita ucap tahniah anak-anak mempunyai peluang pada hari ini dapat menziarahi Dewan Negara yang diperjuangkan oleh bapa-bapa yang telah pernah berjasa kepada agama dan bangsanya. Jadi, adik-adik dan anak-anak mesti melihat ini sebagai satu proses pendewasaan diri.

Saya, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, ingin mencadangkan kepada kerajaan berkenaan dengan penswastaan. Kita sebenarnya kurang faham banyak di antara pandangan-pandangan kita tadi, berkenaan dengan perbezaan di antara penswastaan, pengkorporatan dan persyarikatan Malaysia dan ada belasan konsep ataupun pendekatan yang dibuat oleh kerajaan. Kita kadang-kadang campur, apabila kita koporat kita ingat itu.

Jadi saya melihat syarikat-syarikat gergasi kerajaan seperti Telekom, TNB dan sebagainya. Negara kita telah membangun dengan menyiapkan pembinaan bangsa dan negara dalam fasa pertama dan kita akan menemui satu alaf baru, apakah persediaan-persediaan kita. Jadi, saya minta kepada kerajaan supaya inti pati perjuangan kita mesti meletakkan dalam perasaan dan minda seluruh

masyarakat Malaysia bahawa cinta kepada negara adalah maha penting di samping menjalankan kehidupan hari-hari mengikut tata susila, cara hidup dan budaya Malaysia dengan tidak meninggalkan asuhan dan pendidikan dalam agama masing-masing. Kalau Islam dengan cara Islamnya, kalau Hindu dengan Hindunya kerana dalam semua ini kita sebenarnya lupa satu perkara anugerah Allah melalui pakatan dan berkat kerajaan Barisan Nasional iaitu keamanan, kemakmuran dan juga kedamaian yang kita ada. Kalau kedamaian, kemakmuran ini tidak dapat berada dinikmati oleh kita, kita tidak payah ada Dewan Negara, kita tidak payah pergi sekolah, kita tidak payah ada hospital dan sebagainya.

Kita bercakap pada hari ini adalah kerana untuk meningkatkan kualiti dan mutu hidup kita sebagai sebuah ahli masyarakat yang bertanggungjawab kepada negara. Kita berharap masyarakat dan rakyat kita dapat menilai dengan sesungguhnya bahawa kedamaian dan kemakmuran yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada kita hari ini adalah melalui usaha-usaha gigih, usaha-usaha cerdik dan kebijaksanaan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Kita mahu sekali lagi Barisan Nasional akan diberi mandat oleh rakyat bahawa tradisi membela rakyat, tradisi kita membangunkan negara, tradisi kita membela rakyat semua serata masyarakat, semua kaum dan kedamaian yang kita nikmati pada hari ini harus terus dinikmati, ya Allah, ya Tuhan ku, marilah sama-sama kita menginsafi bahawa bangsa kita dahulunya adalah satu bangsa yang papa kedana. Mungkinkah kita begitu berjaya pada hari ini, apakah persediaan kita sebenarnya untuk menghadapi alaf baru.

Saya serah kepada kebijaksanaan pimpinan negara dan saya serah satu kedewasaan kematangan fikiran dari seluruh masyarakat, ya Allah, marilah kita sama-sama bergabung tenaga bahawa kita memohon keamanan dan kedamaian ini supaya negara kita dapat diurus dan dijayakan sekurang-kurangnya hasrat dan cita-cita pejuang bangsa kita sebelum ini dapat kita pertahankan.

Semoga pandangan saya pada hari ini dapat sedikit sebanyak memberi input kepada kerajaan. Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang

Akta Perbekalan Tambahan (1999) 1999 yang dibentangkan oleh kerajaan sebentar tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi.

**12.15 tgh.**

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1999) 1999.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan yang telah membentangkan dengan jelas dan memberi fokus kepada perkara-perkara yang penting. Yang amat menarik saya ucapkan tahniah khusus kerana memberi penekanan dan keutamaan kepada syarikat konsesi untuk mengelakkan naik tol. Dalam masa masyarakat menghadapi terlalu banyak masalah, saya rasa ini satu langkah bestari oleh pihak Kementerian Kewangan dalam meredakan keadaan walaupun dalam kegawatan dan mempunyai masalah-masalah yang lain.

Saya juga turut memberi tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan kerana terus memberi bantuan kepada sebuah syarikat yang bernama Indah Water Konsortium yang saya tahu mempunyai banyak masalah dan terus akan menghadapi masalah kalau sekiranya tidak mendapat pertolongan kerajaan kerana usaha ini adalah satu usaha besar pihak kerajaan untuk melakukan sesuatu yang terutama di dunia. Memulakan sesuatu yang pertama di dunia bukanlah usaha senang.

Tahniah juga kerana memberi penekanan kepada bidang pendidikan dalam berbagai-bagai peruntukan yang telah disebut kerana pendidikan menjadi perkara utama dan teras tunjang untuk kemajuan masa depan kita dalam menghadapi alaf masyarakat bermaklumat.

Saya juga ingin mengucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana usaha untuk bercakap tentang hal kewangan ini terpancar dengan jelasnya dalam satu 'Langkawi International Dialogue' yang baru berlangsung selama empat hari. Kita

melihat daripada keputusan Langkawi International Dialogue ini, kali ini adalah kali yang keempat.

Tuan Yang di-Pertua, kerana usaha pihak kerajaan, kita telah diterima oleh dunia sebanyak hampir 40 negara-negara luar khususnya negara membangun di Afrika Selatan telah menerima model kejayaan kita dan kata cara terang-terang yang kita akan mengikut bentuk Malaysia. Saya amat tertarik kenyataan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kerana memberi penekanan tentang playing level field, saya rasa ini satu pendekatan dan pengkhususan yang amat strategik kerana dalam usaha kita membangunkan lagi negara kita, bukan setakat playing level field, dengan izin, yang kita hendak tetapi juga sama besar saiznya hendaklah diambil kira dan saya rasa kalau pendekatan yang amat strategik, yang disampaikan dengan begitu jelas dan dihujahkan dengan begitu terang dan meyakinkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita harap ini akan menjadi signal kepada pemimpin-pemimpin lain di pihak kerajaan, masyarakat dan sebagainya. Kalau ini dijadikan landasan untuk kita terus merancang secara strategik dan terus mengambil langkah tindakan, saya rasa negara Malaysia kita akan terus maju dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkara Kementerian Kesihatan yang agak hebat dibincangkan awal tadi, semasa timbul soal jawab khususnya mengenai program memperbadankan hospital agak menggalakkan perbincangan itu. Tetapi dalam masa saya memberi tahniah dan pujian, kalau ada masa ruang yang kita boleh membuat teguran, saya juga ingin mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk membuat teguran sedikit.

Yang saya hendak tegur sedikit ialah, jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mewakili pihak kerajaan ini, di antaranya disebut, bila ditekan dengan begitu banyak bertubi-tubi oleh wakil-wakil rakyat meminta supaya dihentikan sahaja, dibuat jaminan supaya tidak ada kos tinggi yang akan membebankan rakyat, jawapannya ialah, *'oh! itu saya tidak boleh cakap, sebab ini bukan keputusan saya'*. Saya rasa dengan penuh ikhlas tegurannya ialah – kita semua

tahu Ahli Dewan Rakyat yang dalam Dewan yang mulia ini, kita tahu seorang wakil kerajaan tidak boleh membuat keputusan dia sendiri, tetapi yang lebih meyakinkan ialah mengatakan bahawa pandangan-pandangan itu kita akan mengambil kira dengan berat dan akan dimasukkan dalam perbincangan-perbincangan. Peringkat kementerian akan sentiasa di 'review'kan dan jika perlu diubahsuaikan dan akan diangkat ke pihak kerajaan, Kabinet untuk membuat keputusan, insya-Allah keprihatinan kerajaan terhadap masyarakat mengenai kos yang tinggi akan tetap dipertahankan dan sentiasa diberi keutamaan.

Jawapan ini yang kita hendak, kita tidak mahu orang luar mendengar, masyarakat mendengar jawapan yang begini, yang tidak begitu meyakinkan. Ini saya ingin mem'balance'kan teguran saya, yang baik kita kata baik tetapi yang tidak baik juga kita harap akan dapat dibaiki pada masa hadapan kerana kita tidak mahu yang ini juga dijangkiti oleh orang lain. Bila kita rasa terdesak untuk menjawab itu jawapannya. Memang jawapannya senang tetapi saya berharap jawapan itu juga hendaklah lebih berkesan dan lebih meyakinkan.

Bercakap berkenaan Kementerian Kesihatan, soal pengkorporatan ini saya juga ingin bertanya pihak kementerian walaupun tidak ada peruntukan di sini tetapi ada kaitannya daripada segi perbelanjaan mengurus kewangan, daripada segi implementasi satu aplikasi perdana tele-medicine dalam bidang hospital. Saya harap kita dapat maklumat terkini mengenai perkara ini kerana kemajuan-kemajuan dalam bidang ini juga akan ada implikasi kosnya sebab setakat yang kita faham bukan senang hendak melaksanakan tele-medicine dalam bidang hospital. Kalau kita ghairah juga untuk mengimplementasikan teknologi terkini tele-medicine dan ini akan membawa kesan yang tidak baik kepada masyarakat. Kita juga berharap pihak kerajaan memberi penekanan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang hendak saya sebut ialah mengenai peranan syarikat sederhana dan kecil dalam bidang IT. Saya melihat peruntukan juga diberi kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan peruntukan yang terbanyak dalam perkhidmatan am perbendaharaan.

Saya memberi penekanan ini kerana kita selalu bercakap kita hendak menyediakan masyarakat keseluruhan negara kita juga dalam bidang perniagaan untuk menghadapi masa depan alaf baru. Alaf baru tidak boleh disangsi lagi artinya masyarakat berilmu, masyarakat digital, ekonomi digital.

Kalaulah itu kita tidak dapat elak dan hadapi mari kita fokus kepada kumpulan syarikat sederhana dan kecil. Apakah persediaan kita dalam bidang ini. Mungkin saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan dalam perkara ini kerana akhir-akhir ini saya difahamkan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil daya usaha untuk memberi fokus kepada perkara ini.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan yang saya harap pihak Kementerian Kewangan juga akan dapat dilibatkan dengan dekat. Walaupun pada hakikatnya menteri sama tetapi secara rasminya saya ingin mencatat, memberi notis supaya pihak Kementerian Kewangan juga mengambil peranan yang sama penting dalam menentukan peranan syarikat-syarikat tempatan dalam bidang IT.

Kita tahu syarikat-syarikat besar gergasi luar negara banyak telah mengambil bahagian yang saya fikir ialah yang masih agak kesunyian dari segi program yang dapat kita tahu ialah penggunaan kes-kes yang telah berjaya yang diamalkan oleh pihak Kementerian Kewangan sendiri.

Umpamanya kita melihat ada program syarikat berwibawa dalam Kementerian Kewangan, ada program francais oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, ada program vendor dalam MITI dan sebagainya. Kes-kes ini adalah pada saya keseluruhannya kes berjaya.

Kita telah mencapai tahap penglibatan syarikat dengan lebih tinggi. Tetapi yang agak sunyi pada saya ialah apakah dalam kita mengejar bidang IT, kita menggunakan model-model kerajaan kita ini untuk menjayakan syarikat-syarikat tempatan dalam bidang IT. Saya memberi ingatan ini supaya kita tidak terlupa seperti dahulu. Dahulu kita mengajak syarikat-syarikat besar ini, 30 tahun yang kemudian untuk datang membuat pelaburan di negara kita. Kita amat senang hati

kerana banyak kebaikan. Di antaranya ialah memberi peluang pekerjaan. Lepas itu kita melihat kesemuanya menggunakan resources kita dan akhirnya kita juga beli barang-barang itu dan setelah dinilai setelah beberapa tahun barulah kita sedar bahawa penglibatan kita secara dalaman untuk kita mendapat teknologi dan pengalaman tidak ada. Saya harap perkara ini akan diambil perhatian yang serius oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang hendak saya bercakap, saya hendak beri penumpuan lagi tentang masyarakat berilmu. Rakan saya tadi juga menyebut secara keseluruhan kita mesti bersedia. Dalam kita meminta untuk bersedia, saya harap pihak kerajaan juga akan melakukan sesuatu yang menampakkan betul-betul komitmen untuk mengajak masyarakat bersedia.

Saya bagi contoh dalam untuk memasyarakatkan IT dengan masyarakat berilmu. Yang kita lihat, yang kita dengar, di radio, televisyen lagu budaya IT, 'sayanglah IT', 'cintalah IT' dan sebagainya. Apakah lepas itu saya bercakap bagi pihak masyarakat umum yang saya selalu berdamping di peringkat setinggan, kampung dan luar bandar. Masyarakat yang ini tertanya-tanya apa itu sayang IT, cinta IT. Hendak sayang dengan sesuatu kena masuk terbuku dalam hati, terbayang-bayang, hendak cinta dalam IT kena betul faham dan termasuk dalam hati, tertawan hati setelah kita kenal. Pepatah Melayu kata "Sebab tak kenal maka tak cinta, setelah berkenalan kasih menjelma" oleh kerana itu kita hendak adakan program yang menimbulkan pengenalan sehingga menyedarkan tumpang jatuh cinta IT keseluruhan masyarakat. Barulah kita menyediakan masyarakat dalam menghadapi dunia IT.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada peluang strategik di sini. Kita mengucap tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato'Seri Mohd. Khalil Yaakob yang menjadi Menteri Penerangan yang baru. Saya melihat langkahnya strategik membuat pengumuman-pengumuman yang agak terkawal dan strategik. Saya ucapkan tahniah kepada beliau, baru-baru ini saya sendiri mengucapkan tahniah personally.



Baru-baru ini dalam satu rancangan *Anugerah* saya nampak Yang Berhormat Menteri Penerangan baru, kakak dengan kot warna kuning. Sebab malam itu temanya warna biru, kuning, hijau, merah latar belakang. Bila saya nampak bapa menteri baru dengan kot kuningnya yang canggih, ah! Saya melihat ini sebagai satu pembukaan minda yang amat baik menandakan membawa pembaharuan dan beraneka warna dalam bidang Kementerian Penerangan. Dan saya melihat ini, saya mencadangkan supaya di sinilah peluangnya pihak Menteri Penerangan akan dapat memberi pengkhususan kepada program membudayakan IT kepada masyarakat. Kerana bila kita memberi tumpuan membudayakan IT pada masyarakat umum maka timbullah cerita aplikasi perdana macam mana yang kerajaan hendak pakai. Timbullah di belakangnya program Koridor Raya Multimedia, timbullah program di mana adanya Putrajaya, timbullah program tajuk ada Cyberjaya maka adalah perkara-perkara Cyberjaya, Putrajaya, Koridor Raya Multimedia dan sebagainya yang diceritakan dalam konteks yang meaning full yang bermakna kepada orang kampung. Kemudian barulah mereka boleh menghayati dan menerima baik program-program besar ini.

Saya terlalu amat yakin yang dibuat oleh kita adalah terlalu amat tepat mengenai program Koridor Raya Multimedia, Putrajaya, Cyberjaya dan sebagainya. Tetapi kita kena ada landasan, kita kena ada program yang bridging programme yang boleh mewujudkan satu jambatan supaya kita berwawancara, atau berkomunikasi dengan rakyat dalam bahasa rakyat dalam program yang rakyat boleh terima.

Pada saya, ini peluang baik bagi Menteri Penerangan yang baru dan kalau diajak rakan-rakan di sini pun yang mungkin mempunyai banyak komen dan cadangan, kita akan tetap membantu Menteri Penerangan dalam program-program ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya membicarakan perkara menyediakan masyarakat yang berilmu ini, satu perkara pokok yang kita patut sedari ialah kita sebenarnya mengajak masyarakat untuk menguatkan lagi apa yang dia ada. Tuhan

menganugerahkan manusia dengan akal fikiran. Akal fikiran ini sebenarnya adalah sebuah komputer yang amat hebat. Pendedahan ilmu merupakan program-program yang dimasukkan dan berdasarkan program itulah yang akan menentukan setelah diproses, perilaku kita di masa hadapan.

Soal harta intelek ini hendak ditekankan kerana kalau rakyat diyakinkan bahawa harta intelek itu boleh dibina dan sudah ada pada kita, maka, barulah timbul kesedaran keseluruhan masyarakat untuk mencari ilmu. Perkara harta intelek yang saya hendak sebutkan ini adalah kerana ada hubungannya [Disampuk] Saya tidak mahu touch itu lagi, itu dari segi kewangan. I will focus on this. Maafkan saya.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan dari segi harta intelek ini ialah kekuatan yang paling kuat yang ada pada kita ialah mengenai pemikiran. Pemikiran kalau tidak diguna dengan betul, tidak akan menghasilkan sesuatu. Kita selalu mengajak orang untuk berfikir kreatif. Pada saya, mungkin sebagai satu contoh, yang saya teringat ada saya catat di sini ialah kalau kita mengadakan kempen selain daripada lagu *Cintai IT*, *Sayanglah IT*, kalau dikatakan kempen besar-besaran dalam negara mengatakan ‘masyarakat berfikir, negara terus belajar’. Sebagai contoh, translationnya, dengan izin, *thinking society*, *learning nation*. Bayangkan apa yang pemimpin-pemimpin masyarakat boleh bercakap kalau ini dilabelkan sebagai satu kempen. Lagu sudah kata cinta dan sayang tetapi kempen sehari-hari kata *thinking society*, masyarakat diajak berfikir, negara terus belajar, a *learning nation*, what mean this, it is tremendous. Saya tidak mahu panjangkan ini sebab saya hanya hendak memberi point-point besarnya kerana hendak bercakap tentang bab ini, tiga, empat jam, lima hari pun tidak habis.

Kerana inilah yang boleh diselaraskan dengan program-program lain oleh kerajaan. Kalau benda-benda lain yang dibuat oleh kerajaan itu baik secara persendirian tetapi tidak ada satu program yang dapat menyatupadukan, mengintegrasikan ini, me network kan kesemua ini dengan satu daya yang boleh menghasilkan sesuatu yang baik, maka kesannya kurang. Di dalam dunia IT,

kekuatan yang paling kuat ialah networking. Linking of million of computers, dengan izin, menjadikan Internet.

Samalah dengan kaedah yang kita ada. Kerajaan menghasilkan banyak program yang baik, cerita kejayaan banyak, yang masih mempunyai ruang yang agak besar ialah pemikiran strategik yang boleh menghubungkan success story oleh kerajaan ini dengan baik supaya mengajak masyarakat sedar. Bab sedar ini bukan satu perkara yang senang. Oleh kerana kita tidak boleh, hanya setakat, awak itu sedialah, oleh kerana itu siaplah. Tidak boleh. Kita dengan masyarakat hendak tunjuk resepinya. Buat tomyam, ini resepinya. Buat kari laksa, ini resepinya. Kemudian dalam masa hendak buat itu pun, walaupun sama resepi, taste nya kurang. Sekurang-kurangnya kita menerima tomyam, tomyamlah tetapi berbeza sedikit dari segi kesedapan dan keselesaan.

Tuan Yang di-Pertua, catatan saya lain adalah bab IT. Bila saya sebut bab IT, sayang IT, cinta IT, rakan-rakan di kampung, khususnya kaum wanita, ada juga program IT yang pernah dibangkitkan di sini. Katanya, adakah IT itu, ibu tunggal? Program sayang ibu tunggal, cinta ibu tunggal.

Baru-baru ini saya ke Kelantan, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke sana, saya berbincang dengan orang Kelantan. Ini cerita betul. Dan saya telah belajar dan mendapat ilmu baru mengenai IT. Saya kenal orang itu dan dia perkenalkan pada saya dan orang ini seorang pemimpin masyarakat yang hebat, yang insya-Allah, masa depannya baik kerana dia bercakap tentang IT ibu tunggal dan dia introduce kan pada saya pada 'ITM' dan 'ITT'. Saya ingat ITM itu Institut Teknologi Mara dan ITT itu syarikat telegraf yang besar di Amerika. Dia kata, tidak. ITM ialah ibu tunggal muda, ITT ialah ibu tunggal tua.

Jadi, dia kata dalam program untuk kita menyelesaikan masalah IT ini dalam bidang dia, kita mengklasifikasikan kepada ITM dan ITT. Saya kata, syabas! Pendekatan ini amat strategik. Jika boleh, kita hendak perhebatkan program ini dan menyelesaikan masalah ITM dan ITT. Jangan tanya yang mana hendak diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah yang ada kaitan dengan pendidikan di sekolah. Oleh kerana masyarakat berilmu, intellectual capital, kita hendak kaitkan dengan pendidikan di sekolah. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana baru-baru ini telah mengumumkan bahawa program memberi bantuan kewangan kepada 90 buah sekolah akan tetap dilaksanakan walaupun saya ingat, dalam sebulan lepas, saya mengikuti satu pelancaran sekolah bestari di Dengkil, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan peruntukan sebanyak RM17.5 juta untuk 200 buah sekolah. Tetapi peruntukan ini hendak diberi lagi supaya semua sekolah akan dapat diberikan bekalan komputer.

Saya ucapkan tahniah ini kerana rakyat memang tertunggu-tunggu tentang perkara ini. Cuma saya ingin memberi penekanan bahawa yang pernah saya sebut dulu sedikit di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pengkhususan mengenai pemberian komputer adalah satu cerita. Tetapi, menyediakan minda keseluruhan sekolah di peringkat gurunya, di peringkat pentadbirannya dan di peringkat kanak-kanak sekolah mulai daripada kindergarten patut bermula sekarang. Saya katakan ini kerana ada kena-mengena dengan masyarakat yang berilmu seperti yang saya cakap tadi. Bukan hanya masyarakat tetapi di kindergarten pun patut dibuat sekarang, program umpamanya, pemikiran kreatif atau panggillah apa sekalipun sebab bekal kuat ialah pemikiran.

Kita hendak menggunakan teknologi itu untuk menolong, hanya membantu. Orang lain sudah fikir bagaimana hendak buat, dia bantu tetapi hendak menggunakan pemikiran kita. Jadi, kalau di peringkat muda, kita mengajak kanak-kanak di sekolah, dari kindergarten sampai ke sekolah rendah dan sekolah menengah walaupun tidak ada alat untuk menghasilkan sesuatu lagi, dia sudah prepare the mind, dengan izin, untuk berfikir ke arah itu. Dan saya rasa ini adalah satu langkah strategik.

Kalau pihak kementerian menyediakan ini ke arah itu dan menggalakkan keseluruhan PIBG, umpamanya, menjalankan program begini, jadi, keseluruhan PIBG ada modal, ada tajuk besar untuk melakukan program yang agak integrated.

Jadi, ibu bapa pergi ke PIBG, dia dengar ini dia faham, dia dengar secebis. Dia pergi program lain, dengar cebisan lain. Jadi, dalam kepala dia sebenarnya seolah-olah kita menggunakan jigsaw puzzle. Daripada  $A+B+C+D$ , dia kata, oh! ini rupanya. Bila sampai kepada peringkat "Aa! rupanya itu, that is the discovery level, dia dah fahamlah tu. Kalau dia dah faham, barulah dia teringat masa depan anak-anak, barulah dia ingat program-program yang hendak menentukan kejayaan kita masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah masalah kelemahan pelajar-pelajar khususnya bumiputera di universiti yang juga dibangkitkan sedikit. Oleh kerana saya sebutkan bidang pendidikan daripada kindergarden kena sedia sampai ke peringkat universiti maka kita fokus kepada peringkat universiti. Ada masalah besar, dalam akhbar banyak ditulis. Saya terbaca salah satu universiti hendak buat satu kajian khas untuk mengenal pasti apa masalah, walaupun kita boleh teka tetapi kalau masalah agak begitu mendalam dan ada kaitannya pula dengan aktiviti-aktiviti yang tidak baik dan ada pula usaha kerajaan untuk memasuki bidang IPTA dan IPTS ini dengan program-program tertentu, pada saya, saya ucap tahniah kepada universiti yang berkenaan untuk melakukan kajian secara saintifik dan ilmiah.

Cuma yang saya ingin cadangkan ialah universiti berkenaan akan dapat menghebahkan maklumat sebenar, terhad atau tidak terhad, terpulanglah tetapi saya ingat senate boleh bagi sebab tidak berat. Kita boleh dapat ini untuk menghayati apa sebenarnya masalah. Kalau lebih ramai orang melihat masalah dan lebih ramai mendengar cara penyelesaian yang dibuat oleh kumpulan pakar yang buat ini, sekurang-kurangnya kumpulan lain akan memikirkan apakah ini solution yang sebenar, apakah ini mencukupi? Apakah tidak ada jalan lain untuk memberi penyelesaian, maka kita terdedah dan didesak lagi dengan pemikiran kreatif dan

hasil dari pemikiran kreatif itulah sebenarnya menjadi solution kepada bangsa kita, kepada negara kita dan kalau ini ditukar kepada perancangan yang boleh diimplementasikan, insya-Allah, hasilnya ialah realiti, hasilnya ialah kejayaan yang konkrit yang kita ada.

Saya hendak bercakap tentang perkara ini kerana masalahnya nampak rumit. Pendekatannya kalau dilihat dari segi usaha bidang politik berlaku perdebatan sama ada hendak ada debat atau tidak. Berlaku perkara-perkara bila program dibuat oleh Akta Universiti sampai pelajar belum dengar dah boo, mengacau satu program yang baik, program yang boleh dinamakan program ilmu, 'non-formal education'. Kalau masuk kelas dengar kuliah, itu formal tetapi di bidang mengadakan seminar, forum, dialog dan sebagainya berbentuk non-formal education, menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kita masih tidak matang sampai ke tahap, bila datang terdedah dengan non-formal education, mereka misbehave d, dengan izin, of course, this is serious, terlalu amat serius dan kita mesti jangan hanya melompat, jump to conclusion, dengan izin. Kita hendaklah melihat ini dengan tenang dan mengambil perkiraan yang waras dan penuh kebijaksanaan.

Oleh kerana itu, saya ucap tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan yang telah memulakan program memasuki IPTA, menghadapi pelajar-pelajar baru. Itu satu bidang. Tetapi yang pelajar-pelajar lama ini, macam mana kita hendak tackle sekarang. Apakah kita kata biarlah dia akan baik, tidak boleh biar. We must do something.

Dalam perkara inilah saya ingin berkongsi pendapat dan pengetahuan dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, dengan usaha pihak Kerajaan Negeri Selangor yang saya tahu usaha ke arah ini yang pada saya nampak positif dan berbentuk program. Bukan kita hendak adakan debate dengan pelajar, bukan hendak masuk dalam gelanggang dia hendak cerita sama ada pelajar hendak berpolitik atau tidak, sebab itu tajuk yang hangat lagi menghangatkan. Kalau kita masuk gelanggang dengan tajuk yang hangat lagi menghangatkan maka hasilnya juga agak buruk seperti mana yang telah berlaku.

Oleh kerana itu, program Kerajaan Negeri- Selangor yang saya dapat tahu, dengan mewujudkan sebuah, ini hasil idea Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri, saya boleh sebut, walaupun dia tidak umum. Hari ini kita sudah buat benda ini dengan mengadakan satu sekretariat khas di peringkat Kerajaan Negeri Selangor dan dengan membuat program yang two-pronged attack, sebagai contohnya, satu,. oleh kerana program membudayakan pemimpin-pemimpin di Selangor dengan budaya "MB – Murni dan Bersih", yang sebenarnya adalah nilai-nilai murni ala Islam tetapi dilabelkan sebagai budaya Murni dan Bersih hendak di bawa ke gelanggang pelajar untuk dibincangkan melalui buku dan kaset yang telah dikeluarkan.

Tetapi di samping itu kita hendak mengadakan satu program di mana kita mengajak pelajar untuk menggunakan daya pemikirannya, ilmu pengetahuannya, kita hendak adakan satu pertandingan di antara pelajar-pelajar supaya pelajar IPTA dan IPTS, diadakan kumpulan-kumpulan kecil membincangkan, apakah peranan dan persediaan pelajar IPT untuk menjadi pemimpin negara yang berwibawa menjelang abad 21- persediaannya, cabarannya dan harapan.

Cuba kita fikir sejenak apa hikmah dari segi pendekatan ini. Pendekatan ini kita masuk gelanggang dia, kita mengajak dia berfikir. Kita mengajak dia berfikir, bagaimana pelajar IPT ini hendak sedia diri untuk jadi pemimpin masa depan, kerana itu tanggungjawab dia. Kita hendak suruh dia form into group sebagai kumpulan kecil, hendak buat satu cadangan kertas kerja, bentangkan sebagai satu proposal dan masa dia buat penyampaian itu, kita hendak menyampaikan dengan menggunakan kaedah-kaedah IT di mana yang dia boleh.

Sepintas lalu, kita memberi cabaran kepada mereka untuk berfikir, memberi cabaran kepada mereka untuk bekerja sebagai satu pasukan, memberi cabaran kepada mereka untuk mengeluarkan idea-idea yang baik, bagaimana hendak menyediakan diri sebagai pemimpin berwibawa, memberi cabaran kepada mereka untuk menggunakan kemahiran bertulis dalam report, memberi cabaran kepada mereka untuk menyampaikan secara lisan yang ada dalam debate adalah ciri-ciri

itu dan bila penyampaian lisan ini hendak menggunakan IT. Dalam serangkup ini kita boleh dapat tujuh perkara yang kita beri challenge kepada pelajar.

Saya harap bila program ini dilaksanakan di peringkat-peringkat IPTA/IPTS, pertama sekali, keseluruhan kepimpinan universiti hendaklah memberi sokongan yang kuat kepada program ini kerana sokongan yang kuat kepada program ini menentukan bahawa kita mengajak pelajar untuk menggunakan pemikiran dan pengetahuan mereka. Kalau dia bijak sangat menegur kerajaan, ini tidak betul, itu tidak betul, ini salah, ini teruk, ini tidak baik, maka inilah peluang dia untuk bercakap dengan secara positif. Bila rakan-rakan ini semua mengambil bahagian, rakan-rakan inilah yang akan menjadi rakan kongsi usaha bersama dengan sekretariat tetap ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah mengenai sokongan kewangan kepada industri khususnya SMI. Kita banyak bercakap tentang bantuan kewangan dan usaha baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan juga memberi pengumuman supaya kalau bank tidak dapat beri bantuan, ambil balik, very good action.

Kalau teruk sangat syarikat yang tidak dapat bantuan kewangan dari bank, suruh menulis surat maklumat ini kepada beliau dan beliau akan mengambil tindakan. Saya rasa ketegasan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini amat meyakinkan dan amat perlu di saat-saat ini sebab masih rata-rata menyebut bermasalah. Di antara masalah mendapat kewangan ini yang lebih teruknya dan tidak mendapat perhatian ialah syarikat-syarikat SMI dalam bidang IT. Saya pernah dengar dalam perbincangan-perbincangan yang formal dan tidak formal. Kadang-kadang kita mendengar ini rasa teruk benar kalau dalam perniagaan biasa pun teruk, dalam perniagaan IT ini lagi teruk.

Saya cuba memahami masalah bank. Kebetulan Dato' Setiausaha ada di sini, saya hendak share sedikit tentang perkara ini. Pada saya mungkin masalah pengurusan bank tidak menerima dan menilai idea dalam bidang IT kerana bidang itu sendiri dia pun tidak berapa faham. That the first one, dengan izin, with due



respect, kerana bidang ini ialah bidang baru. Dia didedahkan dengan kaedah dan cara membuat penilaian dari segi pinjaman dan cara kaedah perniagaan cara lama, the traditional way. I called it bentuk perniagaan tradisi, IT ini bentuk perniagaan moden, kita kata begitulah. Jadi kalau orang yang hendak menilai ini dia dengar yang moden, dia kata apa benda ini, dia ini tengah mimpi, dia ini di awang-awangan, dia ini anak Mat Jenin, mungkin dalam hati dia. Jadi susah dia hendak bagi. Apabila saya cuba menyelidiki secara persendirian perkara ini, pada saya kesimpulan yang saya buat ialah dengan izin, back to the understanding, of intellectual capital.

Berlandaskan satu buku, saya tidak ingat author dia, saya boleh cek kemudian, mengenai intellectual capital sebenarnya, ia memberi definisi intellectual capital sebenarnya ialah jumlah di antara human capital, modal manusia dengan modal struktur. Dan diberi definisi apa dia modal struktur? Modal struktur yang syarikat beli benda-benda ini, the hardware, software dan alat peralatan lain. Modal manusia ini ialah kemahiran fikirannya, inovatifnya, ilmunya dan pengetahuannya. Jadi bila kita tengok syarikat IT dia pergi bercakap dengan kawannya dia menceritakan tentang kekuatan modal manusianya (human capital). Jadi yang dengar ini kata ini tidak berguna dan kalau kita lanjutkan dengan lebih jelas model yang saya cerita ini dari segi penyata kira-kira (balance sheet). Penyata kira-kira ini tidak memberi penilaian kepada harta intelek, yang kita beri ialah kepada hardware, software, aset, land dan sebagainya.

Rata-rata pemikiran mengatakan bahawa zaman teknologi maklumat, modal bukan lagi dari segi wang, land, labour yang kita cakapkan itu. Modal ialah intelek. Jadi oleh kerana ahli-ahli bank mempunyai latar belakang pendidikan, balance sheet cara lama atau tradisi, oleh kerana ini menyampaikan masalah maka timbullah venture capital. Tetapi venture capital ini pun ada permasalahannya sendiri kerana terlalu limited.

Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan mengapa tidak kalau pihak kerajaan boleh wujudkan menukarkan Bank Pembangunan kepada bank

infrastruktur yang baru-baru ini diumumkan. Pada saya sudah sampai masanya mungkin kita dahulu daripada orang lain untuk mewujudkan satu bank khusus untuk IT. Panggillah apa pun, hendak kata harta intelek, hendak panggil ITkah, hendak panggil apa pun, tetapi sekurang-kurangnya kita ada penekanan bahawa bank ini hendaklah membuat persediaan dan penilaian yang lain.

The whole mine set of managers kena tukar. Barulah dia ready untuk terima. Kalau kata saya beli video recorder yang boleh main VHS cassette tapi saya bawa Beta masuk, mana boleh? Memang tidak boleh. Jadi kalau tidak faham teknologi, dia kata, “celaka, aku beli RM2,000 tidak boleh pakai.” Datang orang yang berilmu kata, “betul awak tidak boleh pakai. Awak pakai Beta, yang ini VHS”. Kalau dalam dunia digital ini sekarang daripada VHS ini sudah tukar yang A&M video. Sekarang sudah ada DVD. Kalau salah pakai, itu tidak betul. Ada bezanya antara CD, VCD, DVD dan sebagainya. Tetapi benda machine itu nampak serupa sahaja. Ini permasalahan pada sayalah, dengan izin, masalah yang berlaku dalam perbankan kita.

Oleh kerana itu, ini menimbulkan keresahan di peringkat masyarakat umum. Masyarakat umum hentam hamba Allah itu. Saya kata sebenarnya jangan hentam dia. Sebenarnya dia membuat keputusan berdasarkan ilmunya. Jadi kalau tidak pun bank khas untuk itu, pada saya tidak salah kalau diwujudkan unit khas.

Kita melihat model bank perbankan Islam umpamanya. Bila diwujudkan Bank Islam, ditunjukkan dengan kaedah-kaedah yang baik dan manfaatnya baik maka bank-bank lain akan turut mengamalkan perbankan Islam secara kaunter, unit, seksyen dan sebagainya. Pada saya dengan kegagahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menonjolkan Koridor Raya Multimedia dengan kepintaran kita untuk menarik pelabur-pelabur luar melalui IAP (International Advisory Panel) yang baru-baru ini mengukuhkan lagi yang kita di landasan yang betul. Dengan kecemerlangan adanya Multimedia University yang ada pada kita yang begitu hebat, semuanya ke arah masyarakat berilmu, semuanya ke arah ekonomi digital maka agak kosong kalau kita tidak menyediakan institusi kewangan kita

yang strategik untuk mewujudkan perbankan ala IT. Nama terpulanglah, panggillah nama canggih apapun asalkan prinsipnya ialah kenalah memberi penekanan kepada harta intelek yang ditakrifkan sebagai human capital + structural capital.

Ini yang syarikat-syarikat bising sebab human capital misalnya saya bekerja dalam satu-satu syarikat, bila dia keluar human capital dia bawa keluar - habis. Dia bawa segala ilmu dan pengalaman dia, yang tinggal hanya structural capital. Jadi dari segi pengurusan moden ini ialah bagaimana syarikat untuk memanfaatkan bila dia sudah invest banyak dalam pekerja, kakitangan, training, pengalaman dan sebagainya. Macam mana kalau Yang Berhormat Dato' Zuki bekerja dalam satu conglomerate besar menentukan apa yang ada dalam otak pemikiran komputer kecil yang diberi oleh Tuhan yang dipunyai oleh Dato' Zuki itu masih boleh tinggal sedikit dalam syarikat.

Saya ingat pemikiran-pemikiran begini adalah pemikiran yang luar daripada tradisi yang baru yang saya tahu tidak begitu banyak syarikat yang buat dalam dunia ini tetapi oleh kerana pembacaan dan contact, saya mendapat sedikit maklumat dan ilmu. Saya ingin berkongsi pendapat dan membuat cadangan supaya sekali lagi peluang diambil oleh negara kita untuk menguatkan lagi kekuatan dan peranan kita dalam dunia yang serba moden ini.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan sedikit sebab dia sebut nama saya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat dia panggil 'Bill Gate', bukan Mohd. Zuki. Dia refer Bill Gate dengan Amerika.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Oh, bukan saya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat juga.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya kagum, Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan dan syarahan Yang Berhormat sahabat saya Dato' Ghazi yang mempunyai otak IT bergeliga. Inilah yang kita kena jaga sekarang ini. Baik, saya hendak minta penjelasan bagaimana kita hendak meninggalkan Dato' Ghazi

punya otak bergeliga tadi dalam IT kepada warisan kita. Apabila syarikat dia ini diambil alih, ditukar, habis dia punya pemikiran dan otak tadi pergi bersama. Jadi bagaimana kita hendak mengagihkan otak-otak Yang Berhormat tadi kepada anak-anak muda kita, dengan izin, technological transfer. Patut diadakan sekarang ini supaya maklumat-maklumat canggih ini dapat disalurkan kepada pemuda-pemuda kita yang mempunyai ilmu IT sedikit. Macam saya ini IT kurang sikit sebabnya anak saya lagi pintar. Ini yang susah.

Jadi hari kelmarin dulu baru beli VCD, DVD tidak ada, cuma VCD. Bawa balik ke rumah, anak tidak ada. Jadi saya cuba hendak main VCD ini. Baru beli tidak tahu apa pun. Baca sedikit di situ, baca, baca, bolehlah, 'error' tulis di situ. Tiga empat kali 'error'. Telefon anak saya, dia kata, "papa, you tidak cabut skru di bawah itu". Di bawah VCD itu rupanya ada skru. Cabut semua itu barulah dia boleh jalan. Alamak, saya kata macam mana tidak tahu. Jadi masalah ini banyak sangat orang yang tidak tahu tentang IT, termasuklah orang yang sudah berumur. Computer literate, saya boleh sikit-sikit. Dato' Chet Singh mungkin lagi boleh, Datuk Sairin lagi boleh, Tuan Haji Abdul Wahid barangkali dari segi mengira duit dia boleh tahu IT. Jadi masalahnya macam mana gayanya.

Yang keduanya, saya harap benarlah Tuan Yang di-Pertua, apa yang diucapkan oleh sahabat saya ini patut keluarlah dalam surat khabar. Khususnya Dewan Negara ini tidak ada benda yang keluar dalam kertas surat khabar, Dewan Rakyat sahaja. Saya pernah mengatakan main-main sahaja hari itu tetapi sekarang ini jadi satu perkataan 'Upper House'. Bila sebut 'Upper House' bukannya saya mengatakan 'Upper House' itu tinggi tetapi kedudukannya 'Upper House-Lower House'. Sebenarnya dalam perlembagaan orang putih pun ada begitu. Jadi kalau hendak buat 'upper chamber, lower chamber' ataupun Dewan Rakyat, Dewan Negara. Jadi dimainkan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat kepada saya sekarang ini – 'Upper House, Upper House'. Jadi bermaknanya kalau betul-betul 'Upper House' mestilah bagi keutamaan untuk siaran berita. TV tidak ada, sepatutnya mesti ada TV sedang mengambil sekarang ini. Macam Dato' Ghazi sedang bercakap tadi

mesti ada TV focus on him. So that with your permission, the whole rakyat will know what his talking about. Know he is talking to only one deputy parliamentary secretary. All the time I want to go out just now I got very important matters to do, banyak perkara di luar, bila nampak Dato' Ghazi memandang kepada saya sahaja, saya tidak berani hendak keluar.

Dengar ucapan terpegun betul saya tidak boleh hendak keluar. Kalau dia tidak pandang saya, dia pandang Yang Berhormat Dato' Chet Singh ini, lain tidak ada. Kakitangan kerajaan di belakang, memanglah mereka mendengar, jadi kepada siapa dia hendak pandang kalau saya tidak ada di sini. *[Ketawa]* Pandang Tuan Yang di-Pertua sahaja. Oleh itu, pemberita-pemberita tolonglah apa yang kita ucapkan di sini ada isi. Saya berucap dua hari lepas dan buat research selama dua hari, tetapi satu benda pun tidak keluar dalam surat khabar. Saya jumpa pemberita fasal apa tidak keluar. My speeches was a bit intellectual, saya kata, itu fasal tidak keluar. Sampai begitu rasa hendak marah rasanya. Jadi ucapan macam ini, macam mana tidak masuk dalam surat khabar supaya rakyat tahu apa yang berlaku dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara khususnya. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, fasal masa sudah sampai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh sambung selepas makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini dtempohkan sehingga 2.30 petang ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi sambung ya.

**2.31 ptg.**

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pembentangan saya untuk mengambil bahagian

dalam perbahasan mengenai rang undang-undang yang amat mustahak ini, Akta Perbekalan Tambahan 1999.

Tadi di peringkat akhir kita sama-sama telah mendengar pertanyaan dan komen daripada Yang Berhormat sahabat saya Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan terus beliau memberi pendapat-pendapatnya mengenai apa yang telah saya sampaikan saya mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana ini memberi galakan dan keyakinan kepada saya untuk lebih memikirkan tentang tajuk ini. Yang lebih menyeronok dan memberangsangkan ialah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki ialah seorang Senator yang lama orangnya, malah mungkin inilah sesi yang terakhir, saya baru dapat jemputan malam ini, jamuan makan malam kerana dia sudah habis 'hayat' dia dalam, maaf saya habis perkhidmatan dia selaku, maksud saya bunga bahasa ini bahaya sedikit, hayatnya dalam kehidupan di Dewan Negara maksud saya.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perkhidmatan beliau dan kalaulah di antara lain yang dahulu saya belum ada, saya melihat pemikiran dan pengiktirafan beliau dan sokong ataupun permintaan, rayuan beliau terhadap media umpamanya adalah satu sumbangan yang amat bermakna daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, kerana beliau keluar bercakap dengan saya dia kata sekarang dia nampak angle itu dengan lebih jelas. Pada saya kalau pemimpin-pemimpin Ahli Dewan ini nampak yang agak susah hendak nampak, walaupun ada yang bisik kepada saya tidak semua orang faham apa Dato' cakap. Saya kata tidak apa, ada juga yang faham. Pada saya ini adalah memberangsangkan kerana kita menghendakkan pemimpin-pemimpin yang seperti ini insya-Allah yang lain juga akan terus mempromosikan pemikiran ini kepada masyarakat umum. Dan cara inilah kita membuat perkhidmatan sumbangan kepada masyarakat. Cara inilah masyarakat melihat bahawa pemimpin bertanggungjawab dengan penuh iltizam memikirkan sesuatu sebagai garis panduan untuk mereka mengikuti. Pemimpin ertinya berani membuat sesuatu yang baru. Macam Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad buat, ini pada saya amat baik dan

memberangsangkan, malah saya teringat pula bila sebut Yang Berhormat Dato' Zuki sebagai simbolik orang lama dan berpengalaman. Beliau beberapa kali dengan ahli-ahli rakan saya Ahli Dewan yang lain menyatakan tentang perlantikan duta. Saya nampak tidak salah dan kena pada masanya kalaulah cadangan hendak melantik Ahli Dewan Negara selaku seorang duta pada saya dengan penuh rendah diri saya mengatakan calon terbaik ialah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Setuju, bunyi sedikit. Ini cadangan kita, terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa komen dan pendapat yang telah disampaikan kepada saya semasa kita keluar tadi amat memberangsangkan dan ada yang menyebut perkara-perkara yang saya agak menyakinkan dan menguatkan perasaan saya bahawa kita patut terus menerima ini sebagai satu gagasan di peringkat nasional, di peringkat kebangsaan. Yang saya lebih tertarik Yang Berhormat Puan Jamilah pun turut menyokong apa yang saya cakap mengenai ilmu pemikiran dan sebagainya. Pada saya kalau boleh kita cakap sesuatu tajuk kaitkan di antara ilmu IT bawa sampai ke Putrajaya, Cyberjaya, Koridor Raya Multimedia dan sebagainya ini disokong oleh PAS saya tabik kepada Yang Berhormat kerana melihat kenyataan dan kebenaran dan saya ucap tahniah kepada dia. Dan saya percaya kalaulah kita dedahkan dengan program ini secara besar-besaran di peringkat kebangsaan melalui televisyen, akhbar, majalah dan sebagainya. Pada saya kita boleh menawan hati orang-orang PAS.

Dia turut sumbang sebagai seorang muslimat pemimpin gerakan muslimat dalam PAS. Dia kata Dato', dia tidak ada di sini tetapi saya hendak sebut. Dia tolong sumbang beri saya satu ayat Quran. Saya hendak tengok, dia bagi pada saya dan saya terus pakai CD-room Al Quran Surah Al Israh, ayat 1 saya ingin baca, ini datang daripada dia, dia komen dia bagi modal tetapi saya balik tengok CD-room juga untuk mendapat keratan ini dan print-outnya. *[Membaca sepotong ayat Al Quran]* maksudnya "Maha suci Allah yang telah menjalankan hambanya Muhammad pada malam hari dari Masjid Al-Haram di Mekah ke Masjid Al-Aqsha

*di Palestin yang kami berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran kami, sesungguhnya Allah jualah yang maha mendengar lagi maha mengetahui".* Yang saya petikkan ini dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang bagi petikan ayat Al Quran ini ialah kerana ia menunjukkan sekali gus bahawa Islam menunjukkan kehebatan, kekuatan, kelajuan, kepintaran ada Ilmnya dalam Islam, kalau kita melihatnya dengan kaca mata yang betul, kerana apa dilakukan mengikut Israk dan Mikrak sampai naik ke Arash sesuatu benda yang tidak terfikir oleh manusia, tetapi telah diceritakan dalam Al Quran dengan panjang lebar menandakan bahawa kekuasaan Tuhan yang diberikan kepada kita melalui akal, ilmu, fikiran ini kalau kita pergunakan dengan baik insya-Allah kita akan dapat menjelajah ke dunia lain, dunia baru yang kita tidak terfikir pun oleh manusia.

Saya teringat, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya sempat juga catat satu quotation lain yang ada kaitan dengan pemikiran ini dan kreativiti yang hendak saya tekankan lagi, sempat saya cari. Tadi saya bercakap tentang pemikiran - saya ingat saya komen kemudian. Yang ini relevan untuk masa lain, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah tentang apa yang sebut tadi tentang kempen, 'Masyarakat berfikir, negara terus belajar'. Saya mendapat komen daripada rakan-rakan apabila saya berjalan keluar dan oleh kerana itulah saya cari cepat-cepat ilham hendak mengukuhkan lagi dengan catatan, ini tajuk saya. Bukan atas tajuk ayat Al-Quran tadi. Tajuk ini sebenarnya saya hendak komen. Petikan (quotation) yang saya dapat ini mengukuhkan lagi bahawa kita berada di landasan yang betul. Kalau kita betul-betul berazam dan serius untuk mengajak masyarakat menerima benda yang baru melalui ilmu dan pemikiran.

Saya ingin petik kata-kata Henry Ford yang berkata begini dengan izin, "Thinking is the hardest work there is (pemikiran itu adalah satu kerja yang paling susah) which is the probable reason why so few engaged in it". Mungkin oleh kerana itulah agaknya sedikit sangat orang yang betul-betul berfikir. Maksud



Henry Ford di sini ialah bidang pemikiran yang serius, menyeluruh dengan erti kata yang sebenarnya berfikir, not the casual way of thinking, yang kita selalu guna. Dalam usaha kita untuk hal ini, saya sempat petik juga apa yang dikatakan oleh Bill Gates dalam buku terakhirnya, *Business at the Speed of Thought*. Kata Bill Gates, kita kenal siapa Bill Gates tidak payah diperkenalkan, "Microsoft is a company that managers imagination"(Microsoft ialah sebuah syarikat yang menguruskan imaginasi) Pemikiran masa hadapan, kerana kita kena terlebih dahulu bayangkan masa hadapan yang kita hendak, kemudian kita menuju ke arah itu.

Berlandaskan ini - saya terfikir during lunch break tadi, berlandaskan kempen yang saya sebut tadi, 'Masyarakat berfikir, negara terus belajar', 'Thinking society learning nation', saya rasa mungkin ini boleh dijadikan tajuk program baru RTM yang boleh diketengahkan menjelang abad 21. Saya ingin mencadangkan terus kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan, kalau ada pegawai dari Kementerian Penerangan harap catat dan sampaikan supaya program ini dijadikan satu program yang berbentuk baru, bukan hanya talk show tetapi dicampurkan dengan dokumentari dan drama. Selalu ada "docu drama" (dokumentari dan drama) Sekarang kita masukkan sedikit talk show. Jadi tidak salah mungkin tidak ada lagi, mungkin Kementerian Penerangan kata, "Eh! Kita tidak ada, kalau kita ada dokumentari, kalau ada sekarang talk show". Talk show sahaja. Tetapi pembaharuan yang kita boleh mengikut imaginasi kita. Yang berani buat benda baru ialah tajuknya baik saya rasa oleh kerana terpicat dan terpanggil untuk meneruskan tajuk ini kerana mendapat sokongan dan bisikan yang baik, bagus kita jadikan ini sebagai talk docudrama show, what's wrong?. dengan izin.

Pada saya, kalau kita berlandaskan ini, yang kita mulakan dengan diri masyarakat sendiri yang berfikir, dia selalu fikir dia kata, "What's there to fikir?" Kita hendak dedahkan cara pemikiran. Yang hendak learn, everybody kata learn. Kita hendak dia faham the context of long life learning, dengan izin. Sudah kita menuju ke arah itu. Kementerian Pendidikan sudah pun mengumumkan baru-baru

ini amat baik, saya ucap tahniah tentang program mengambil SPM secara terbuka. Pada saya itu langkah yang amat baik. Yang sebenarnya ada kaitan dengan life long learning. Ertinya sudah kita dedahkan pembelajaran peringkat asas SPM ini kepada sesiapa sahaja yang ingin belajar dan kalau kita promote kan, tunjukkan betapa mustahak life long learning dan tidak hanya didedahkan kepada pelajar, anak-anak muda sahaja belajar, pada saya semua ini boleh diketengahkan dengan lebih bermakna. Bila kita ada bab mengajak berfikir ini, samalah boleh kita ketengahkan idea bagaimana mereka mesti melihat semua jumlah success story - cerita-cerita kejayaan Malaysia, cerita penswastaan, cerita Dasar Ekonomi Baru, cerita Dasar Pembangunan Negara, cerita itu dan cerita ini semua kita tahu. Tetapi hendaklah kita bercerita itu dalam konteks yang realistik, menyeronokkan, entertaining, meaningful dalam keadaan hari-harian.

Kalau drama mesti tunjuk cinta antara lelaki dengan perempuan. Bercinta ada masalah bawa pergi ke pejabat. Kalau buat perniagaan mesti pakai coat all the time. Who say so?. Ahli Dewan Negara kena pakailah dalam ini. Jadi bila masyarakat melihat ini masyarakat terdidik dengan sendiri, terpanggil dan terajak untuk memikir dengan kaedah-kaedah yang betul dan memikirkan balik bahawa, "Oh! Rupanya yang kerajaan buat memanglah baik". Seperti mana yang saya sebut, kalau kita menyampaikan sesuatu berlandaskan ilmu, berpemikiran dan sebagainya orang-orang dari barisan pembangkang pun akan bersetuju dan susah untuk mereka menidakkan. Kalau hendak menidakkan pun, nampak terlalu jelas bahawa mereka tidak menerima kenyataan.

Pada saya ini satu langkah strategik yang saya fikir Yang Berhormat Menteri Penerangan boleh initiate terus, dengan orangnya baru, hendak masuk alaf baru dan pemikirannya baru, menyediakan keseluruhan rakyat untuk memikir cara baru dan ada agenda-agendanya dan ada program-program yang realistiknya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang hendak saya bangkitkan di sini ialah kemuncak sistem pendidikan dalam menentukan yang kita bersedia untuk

menempuh dunia digital, dunia maklumat, dunia ilmu ini ialah penubuhan Universiti Multimedia.

Saya lagi sekali mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan amat bersyukur kepada Allah s.w.t kerana membolehkan pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad khususnya memikirkan untuk mewujudkan Universiti Multimedia, the first in the world, masih terunggul. Saya bayangkan kita sudah ada UUM (Universiti Utara Malaysia) yang khusus untuk business (perniagaan), kita ada khas untuk IT Multimedia. Inilah persediaan yang real. Saya bayangkan kalau kita kata Koridor Raya Multimedia itu berlandaskan Silicon Valley or lebih hebat lagi daripada itu yang fokus the Cyberjaya itu. Cyberjaya itu ialah Silicon Valley, Putrajaya itu ialah Washington, Kuala Lumpur itu ialah New York dan baru-baru ini, ..... nanti kejap saya hendak sebut itu dahulu nanti hilang pula tajuk pendidikan. Kalau itu semuanya sudah ada dan Multimedia University di tengah-tengah Cyberjaya ini adalah kewujudan Stamford University dalam Silicon Valley. Ertinya kita telah mengambil ciri-ciri terbaik dalam dunia yang telah maju walaupun ada kelemahan-kelemahan yang tertentu dan kita buat di tapak yang baru dengan pendekatan sendiri, dengan acuan kita sendiri, dengan kekuatan kebudayaan dan nilai Melayu kita sendiri, ini dia.

Bila saya bercakap tentang kekuatan nilai, sebenarnya bila saya bercakap tentang intellectual capital, human capital, structural capital, core nya, pokoknya ialah sistem nilai dan budaya. Sistem nilai dan budaya menjadi teras pada segalanya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi menyebut, kalau hendak menangani masalah Internet hendaklah menangani dengan ilmu, akhlak dan disiplin. Itu yang menjadi benteng, Internet tetap Internet, apa boleh buat. Ini relevannya tentang apa yang saya cakapkan. Oleh kerana itu, pada saya, mengaitkan balik dengan benda-benda baru yang kita hendak buat ini, saya rasa sudah sampai masanya Multimedia University sebagai simbol kilang mengeluarkan pengurus atau tenaga manusia mahir dalam bidang IT dan

multimedia ini memelopori hal-hal dan kaedah-kaedah baru yang telah saya sebutkan tadi. Kalau universiti tidak peloporikan ini, agak susah orang lain hendak mengikutinya tetapi kalau Multimedia University menjadi champion untuk mempromosikan idea tentang yang saya sebutkan tadi, masyarakat berfikir, dia boleh kupas, apa yang kena fikir lagi kalau kita sudah ada fikir, beri orang universiti bercakap, beri orang politik lain memberi sokongan tambahan (complementary exercise) untuk menyakinkan lagi masyarakat dengan bahasa masyarakat.

Jadi, kalau ada kumpulan akademik membuat analisa yang lebih terperinci dalam bidang menyediakan masyarakat berfikir, negara belajar, saya rasa ini boleh dijadikan simbolik permulaan di peringkat atas sekali, di peringkat pusat pengajian tinggi dan terus di bidang-bidang persatuan PIBG dan di rumah tangga sendiri akan dapat menerima ini dengan lebih meaningful. Soalnya ialah kita hendak membudayaan IT, apabila hendak membudayakan ertinya menerapkan hingga masuk ke dalam sistem darah kita, nervous system kita, yang disebut 'digital nervous system' oleh Bill Gates, akan tercapai di kalangan masyarakat orang-orang Melayu dan masyarakat-masyarakat majmuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik sebagai akhirnya, bagi mengukuhkan lagi perkara-perkara yang saya cakapkan mengenai pemikiran yang berani, yang baru, yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kadang-kadang beberapa pihak tidak memahami dan tidak menghayati, khususnya apabila kita mencari idea untuk membuat sesuatu yang baru. Sayangnya rakan-rakan sampai [*Sambil menunjuk kepada pelajar-pelajar yang baru masuk ke Galeri Awam*] Saya sudah habis kupas perkara-perkara yang mustahak kepada anak-anak muda yang datang melawat di dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada anak-anak muda lelaki dan wanita yang ada di sana, yang mengambil keputusan untuk berkorban masa datang masuk ke dalam Dewan Negara ini, saya tidak tahu dari mana mereka datang kerana

program-program seperti ini adalah juga merupakan satu program ilmu. Apabila balik, tolong beritahu kepada pensyarah, pengurus atau sesiapa sahaja yang menganjurkan, tahniah, bukan sahaja tahniah, kita mesti lanjutkan hubungan, networking kita, walaupun tidak secara real physical, kita sudah ada satu virtual communication di antara kumpulan pelajar yang saya nampak anak-anak muda dengan rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang mengambil bahagian di sini.

Saya rasa peluang ini adalah peluang terbaik untuk anak-anak muda didedahkan dengan apa yang berlaku di dalam Dewan kerana Dewan ini kita memikirkan hal masyarakat, kita memikirkan hal pelajar, kita bercakap bagaimana kita hendak berdamping dengan pelajar supaya pelajar boleh mengetahui apa yang kita hendak buat. Kita hendak mengajak pelajar untuk berfikir bersama kita. Kita ini sudah lanjut sedikit tetapi kita tahu juga sedikit bidang yang mungkin pelajar belum didedahkan. Kita juga mengakui bahawa pelajar-pelajar pun terdedah dengan ilmu, pemikiran dan pengalaman melalui pembacaan dan konteks dan sebagainya.

Oleh kerana itu, sekiranya ada program-program baik yang dibuat, yang dianjurkan oleh mana-mana badan, saya berharap melalui wakil-wakil delegasi daripada institusi pengajian, saya agak, saya tidak tahu dari mana, akan dapat .... [*Terganggu*]. Dia kata saya masuk territory dia, sampai ke mari berjalan, kalau tidak ada begitulah dia berjalan sedikit. Apa yang saya katakan tadi ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan dapat.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengambil kesempatan simbolik bercakap dengan pelajar. Symbolic exercise ini di antara imaginasi yang kita kena ada, apabila saya bercakap dengan pelajar-pelajar yang datang, saya melihat ini sebagai mewakili duta (ambassador) generasi muda, kita menghargainya sebab anak-anak muda inilah yang hendak menjadi pemimpin, mengambil tempat kita. Kita bukan lama lagi, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sudah hendak habis, saya alhamdulillah ada lagi; dua, tiga orang lagi hendak habis. Selepas itu siapa lagi hendak datang mengisi tempat ini? Anak-

anak muda, kalau hendak datang ke sini, boleh tetapi kenalah lengkapkan diri dari sekarang.

Kalau duduk hendak belajar, orang beri scholarship, belajarlah dengan cemerlang sebab kekuatan kecemerlangan itulah akan menentukan kekuatan tenaga manusia. Kekuatan ilmu itulah yang akan menentukan kejayaan negara. Apakah anak-anak muda tidak hendak melihat Malaysia terus cemerlang? Jawabnya tentu ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat memadailah setakat itu address kepada wakil generasi muda dan tolong beritahu sekiranya menghendaki Abang Ghazi – saya selalu tersalah dengan ‘Abang Ghazi’ – ‘Uncle Ghazi’ .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua pun boleh.

**Dato’ Ghazi bin Haji Ramli:** Dua-dua boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, ini yang syok Tuan Yang di-Pertua ini. [Ketawa] Sekiranya anak-anak ingin mengetahui lebih lanjut, takut kalau dengar hujung-hujung, dia kata, ‘apa yang dia bercakap ini. Aku masuk sahaja dia bercakap begitu’.

Kalau hendak kita lebih memahami di antara satu sama lain, saya rela untuk pergi ke tempat anak-anak muda, anytime just name it, if you need support, we will support you, apa macam? Angguklah sedikit, terima kasih.

Saya minta kepada pihak pentadbiran Dewan Negara untuk memberitahu saya dari mana anak-anak muda ini datang supaya terwujud satu hubungan, mungkin melalui ini ada hikmahnya. Saya baru sahaja memetik ayat al-Quran tadi, sebelum anak-anak datang, bukanlah petikan ayat al-Quran ini domain atau territory hak mutlak orang PAS sahaja, orang-orang macam saya pun boleh juga melihat kekuatan al-Quran dan menimba ilmu dan hikmah daripada ayat suci Al-Quranul Karim.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak membaca tadi, terkeluar sedikit, yang saya hendak membaca tentang imagination - saya belum baca lagi, ini sebagai akhirnya, bagus juga mendengar. Saya memetik daripada Michael Micaco, ini dari segi mencari idea, petikannya berbunyi .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa Micaco ini?

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa Micaco ini?

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Wallahualam, tetapi saya memetik daripada satu buku yang dia memetik. Buku lain memetik hamba Allah ini, jadi saya pun tidak boleh hendak memberitahu, buku itu saya boleh beritahu Tuan Yang di-Pertua. Bunyinya seperti ini, dengan izin, “Sometimes, searching for ideas is like being a mosquito in a nudist colony”. Maksudnya, kadang-kadang apabila kita hendak mencari idea ini - kita selalu bercakap idea, kreatif dan sebagainya - seolah-olah seekor nyamuk dalam dunia yang semuanya orang berbogel.

Jadi, nyamuk pun pening kepala juga. Apa kata dia, “You know what you want to do but don't know where to begin”. Nyamuk ini kalau dia duduk dalam dunia yang semuanya orang berbogel, dia tahu apa dia hendak buat, dia hendak pergi check sedikit, ia hendak ketip tetapi ia tidak tahu di mana hendak mula, di sanakah, di sinikah atau di situkah?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak habis itu.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tidak habis?.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habiskanlah quotation tadi.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Saya ingat sudah habis. [Ketawa] Oh, nampaknya quotation semacam ini Tuan Yang di-Pertua pun suka. [Ketawa] Sebenarnya saya sudah habis. Quotation ini menandakan bahawa hendak mencari idea memang susah sebab kadang-kadang idea datang bila tengok ke atas. Oleh kerana itu, di mana hendak mula. Ertinya, susah, kita kena fikir lebih, kita kena menerima hakikat bahawa hendak berfikir, hendak mencari idea adalah satu kemahiran yang kita kena pelajari.

Jadi, kalau satu kemahiran yang kita kena pelajari seperti kemahiran kita hendak menulis alif, ba, ta, A, B, C, bukan main susah, macam kita baru belajar bawa motokar, susah. Bila sudah buat, bila sudah belajar, senang. Dahulu saya

pernah kondem motokar bila hendak belajar kereta gearnya lama dahulu, hendak tekan. Bila tekan clutch dia berbunyi sebab tidak synchronize di antara tekan clutch dengan masuk gear. Orang di sini – Ahli Yang Berhormat yang lama kata bahaya masuk-masuk clutch apa ini.

Jadi, maksud saya susah sebab kita baru hendak belajar. Kita terpaksa kena pergi sekolah belajar macam mana hendak bawa kereta. Walaupun bila kita sudah bawa kita tidak payah fikir banyak, tangan kita boleh buat kerja lain semasa kita bawa, boleh tekan radio, boleh main kaset, boleh pegang telefon, boleh itu, boleh ini dan sebagainya terpulung kepada imaginasi. Itu yang kita hendak tekankan dari segi ini. Itulah maksud saya dari segi idea untuk kita memberi fokus.

Yang mustahaknya di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah kita kena melihat ini sebagai sesuatu yang amat mustahak, yang pokok untuk kita perkuatkan diri kita di semua masyarakat. Sebab selalu orang sebut kita kena ada idea baru, kena kreatif tetapi kita tidak ada kekuatan untuk mengeluarkan sesuatu. Oleh kerana itu, saya memberi penekanan ini dalam usaha saya untuk memyampaikan.

Bila sebut tentang kerja, satu lagi, ini bagus juga Tuan Yang di-Pertua sebut tadi. Saya ada satu lagi oleh petikan George Benard Shaw, ini biasa kita dengar, kaitannya ada. Kata George Benard Shaw, dengan izin, imagination is the beginning of creation, imaginasi itu adalah permulaan untuk kita mencipta sesuatu. Oleh kerana itu, kalau kita ingin melibatkan diri dengan creative thinking, dengan pemikiran secara kreatif hendaklah pertama kali kita boleh adakan imaginasi. Seperti mana pengalaman kita dahulu dan sekarang anak-anak kita pun bila kita terbayang sesuatu yang kita suka maka malam-malam ternampaklah gambaran yang indah, di bawah pohon yang begitu rendang, angin sepoi-sepoi bahasa, dengan bulan terang bersinar, dengan alunan bunyi binatang dan haiwan yang amat natural.

Jadi, pada saya ini saya hendak juga sampaikan mesej kepada generasi muda bahawa melengkapkan diri dengan skill kemahiran yang begini yang tidak straight forward adalah kerja generasi muda sekarang as a twin responsibility selain



daripada pergi mendengar lecture dan tulis note. Ini dunia IT, dunia maklumat. Dahulu pergi dengar lecture tulis note kemudian kita muntahkan balik. Sekarang tidak, pergi dengar lecture, balik dan berfikir, dapatkan maklumat banyak-banyak, timbang tengok yang mana baik dan yang mana tidak baik. Jangan hanya dengar dakwah songsang. Kalau kita boleh menggunakan pemikiran betul kita tahu apa yang baik dan apa yang tidak baik. Kita cuba hendak melengkapkan diri. Oleh kerana itulah, saya sudah hulur tangan, saya hendak tengok ada response atau tidak daripada rakan-rakan lain, kerana pada saya ini agak sungguh bermakna kerana kalau lebih rapat kita boleh berkongsi pendapat, kita boleh mencapai sesuatu dengan lebih baik. Saya harap tawaran terbuka saya ini akan dapat diterima oleh institusi yang berkenaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berterima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dan saya terus menyokong dengan kuat rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih di atas ceramah filosofi oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi. Lain-lain Ahli ada lagi hendak bercakap?. Semua sudah tenggelam fikiran. Yang Berhormat Tuan Marimuthu.

**3.04 ptg.**

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini akan jadi satu ucapan filosofi juga. *[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu:** Saya ucap tahniah kerana kagum dengan ucapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut strategi Kementerian Kesihatan Malaysia terdapat 2,960 ladang di negara ini. Di ladang-ladang ini ada 64 hospital, 328 pusat kesihatan dan 262 dispensari. Kekurangan kakitangan dan pembantu perubatan di ladang-ladang ini adalah satu masalah yang diketahui umum. Tahun 1998 wang sebanyak RM3.2 juta telah diperuntukkan untuk 182 klinik ladang dan lima hospital ladang. Ini adalah satu hal yang harus saya alu-alukan tetapi ini sahaja

tidak cukup. Mengikut Kementerian Kesihatan bekalan ini hanya cukup untuk satu tahun sahaja. Oleh itu, saya berharap kemudahan-kemudahan ini ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, secara khusus di ladang-ladang ini tiada bekalan air yang mencukupi, perkhidmatan kesihatan juga tidak memuaskan. Akibatnya ramai orang dijangkiti penyakit kulit dan pelbagai masalah kesihatan yang lain. Mereka tidak berkemampuan untuk datang ke bandar selalu bagi mendapatkan rawatan. Sebab itu, perkhidmatan kesihatan di ladang perlu ditingkatkan. Jika kerajaan bercadang untuk menswastakan hospital kerajaan maka apakah yang akan terjadi kepada nasib orang-orang berpendapatan rendah. Saya bukan sahaja mewakili orang-orang di ladang tetapi semua orang di Malaysia, terdiri dari penduduk-penduduk kampung, orang-orang tua dan semua orang yang tidak berkemampuan.

Beberapa NGO telah membidas mengenai kekurangan perkhidmatan kesihatan di ladang-ladang. Kerajaan tidak harus marah dengan mereka. Kerajaan harus mencari jalan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di ladang-ladang dan kampung-kampung. Hanya jika perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang baik akan menjamin generasi muda bekerja di ladang pada masa akan datang. Hospital-hospital kerajaan memberikan harapan kepada rakyat berpendapatan rendah. Kerajaan juga telah memperuntukkan bekalan yang banyak pada masa lalu untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan. Saya ingin mengucap syabas dan terima kasih tetapi ini perlu diteruskan lagi kerana mereka adalah merupakan tulang belakang negara khasnya parti-parti komponen Barisan Nasional.

Walaupun kerajaan mengalami masalah kegawatan ekonomi tetapi mereka harus meneruskan perkhidmatan kesihatan seperti sediakala. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diswastakan oleh kerajaan setakat ini pun menjadi beban kepada rakyat Malaysia. Saya berpendapat kita tidak harus bersetuju untuk menanggung lagi beban. Saya sedar bahawa perbelanjaan untuk menyediakan perkhidmatan kepada rakyat makin bertambah. Kerajaan harus mencari jalan menyelesaikan yang lain untuk terus subur.

Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambalan (1999) 1999 ini. Terima kasih.

### **3.10 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang iaitu Akta Perbekalan Tambahan (1999) 1999. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk, yang pertama sekali, mengucapkan selamat bersidang kepada Yang Berhormat senator yang baru dilantik dan kepada senator yang akan tamat tempoh termasuklah Yang Berhormat Dr. Yeoh yang namanya tidak tercatat di sini, pada bulan November ini. Saya ucapkan kepada mereka supaya mereka ini terus memberikan perkhidmatan kepada rakyat bukan sahaja semasa menjadi Ahli Parlimen tetapi apabila mereka tamat tempoh pun mereka boleh berkhidmat dengan cara terlibat di dalam badan-badan NGO dan sebagainya. Tentulah perkhidmatan mereka ini sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar, anak-anak dan adik-adik kita yang sama-sama di dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu petanda yang amat baik bagi saya sebab pada masa-masa lepas, kita dapati ramai pelajar dan anak muda terlibat dengan gejala yang kurang menyenangkan dan kita kebanyakannya sentiasa mempunyai pandangan yang agak negatif tetapi apabila pelajar-pelajar ini sanggup datang ke Parlimen dan mendengar perbahasan, ini pada pandangan saya adalah satu perubahan. Kita tidak menafikan anak-anak muda yang dalam lingkungan umur belasan dan puluhan tahun ini sudah tentulah mempunyai perspektif ataupun pandangan yang berbeza-beza dan kita tidak boleh menghalang mereka daripada meneroka dan mencuba sesuatu yang baru tetapi yang penting di sini kita perlu memberi panduan supaya mereka dapat membuat pilihan yang mana betul, yang mana salah, yang mana baik dan yang mana tidak baik.

Saya yakin penuh mereka ini lama kelamaan akan sampai ke tahap kematangan diri dan insya-Allah mereka tidak akan terlibat dengan perkara-perkara yang akan menjejaskan dan merosakkan keadaan negara kita ini yang mana mereka sendiri sedar dengan adanya peluang-peluang mereka belajar di pusat pengajian tinggi, maka mereka akan dapat memberi sumbangan bukan kepada diri dan keluarga mereka sahaja, malah kepada masyarakat umum dan kepada negara ini. Bayangkanlah mana rakyat di sesebuah negeri ataupun negara yang tidak sayangkan negara mereka. Cumanya bila berlaku sedikit salah faham ataupun ketegangan, biasalah perkara itu mencetuskan suatu kegelisahan, maka kita biarkan mereka melepaskan perasaan mereka. Sekurang-kurangnya ada alternatif atau jalan keluar dan selepas itu insya-Allah mereka ini akan kembali semula. Yang penting kita jangan pisahkan mereka, kita mesti bawa mereka ke arus yang boleh membina. Ini adalah penting dan saya mengucapkan syabas dan kita berharap pelajar-pelajar ini akan balik ke tempat masing-masing dan menyampaikan mesej ini kepada rakan-rakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara. Yang pertamanya, bersangkutan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Kita tahu peruntukan tambahan yang berjumlah RM556,752,300 ini adalah suatu peruntukan tambahan yang biasa di dalam mana-mana kerajaan sekalipun apabila berlaku sesuatu keperluan. Peruntukan yang diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebanyak RM3 juta dan kita yakin masyarakat pun sudah tentu boleh mengagak bahawa ini adalah hampir dengan pilihan raya, maka sudah tentu peruntukan ini lebih ke arah sebagai persiapan untuk mengadakan pilihan raya. Kita bersyukur amalan demokrasi di negara kita ini, setakat ini Perlembagaan kita telah menetapkan kita mengamalkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan sehingga kini kita masih boleh terus berjalan dengan baik dan diterima oleh masyarakat antarabangsa dan sehingga ini tidak ada pihak boleh mempertikaikan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya ini dalam menjalankan tugasnya. Kalau tidak

masakan kawasan Parlimen Arau, parti pembangkang boleh menang. Ini menunjukkan ketelusan dan kebebasan SPR itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya pengundi-pengundi -sebab timbul beberapa dakwaan, misalnya banyak terdapat pengundi hantu yang tidak dapat dikesan sehingga ini melebihi ratusan ribu dan ada juga pengundi-pengundi yang katanya dipindahkan daripada satu kawasan ke satu kawasan. Kita tidak mahu hak mengundi ini disekat, itu kebebasan yang patut diberi kepada pengundi-pengundi sebagai individu. Dalam masa yang sama kita tidak mahu ada pihak-pihak yang mengeksploitasikan hak mengundi ini semata-mata untuk hendak menjatuhkan kerajaan dan hendak merosakkan sistem demokrasi itu sendiri. Demokrasi tidak akan bermakna sekiranya hak itu disalahgunakan sehingga rakyat yang tidak memahami konsep dan prinsip demokrasi itu menjadi mangsa akibat daripada pelaksanaan demokrasi oleh parti-parti politik, orang-orang yang memimpin parti-parti politik semata-mata memikirkan kepentingan politik parti dan individu itu sendiri. Inilah hakikat yang perlu diperjelaskan dan kita berharap pihak SPR akan memelihara hakikat itu. SPR akan lebih telus, SPR akan lebih bebas dan saya yakin setakat ini rakyat Malaysia yang berfikiran rasional termasuk sama ada mereka bersimpati dengan pembangkang ataupun dengan pihak kerajaan akan menerima hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap pihak SPR terutamanya pegawai-pegawainya apabila memilih penolong-penolong pengurus, pegawai-pegawai yang akan mengendalikan urusan pilihan raya, mereka juga mesti memastikan supaya mereka ini tidak memihak kepada mana-mana pihak sebab di dalam pilihan raya di Sabah baru-baru ini dan termasuklah di Parlimen Arau, Perlis baru-baru ini, kita mendapati ramai juga orang yang diberi tanggungjawab mengendalikan urusan pilihan raya itu terang-terang menunjukkan mereka memihak kepada parti politik yang tertentu. Caranya banyak sekali, semasa bertugas di situ dengan membenarkan ada pihak yang boleh masuk, ada pihak yang tidak boleh masuk. Dalam masa yang sama memberi kebenaran kepada pihak-pihak parti politik

menggunakan kemudahan seperti komputer dan sebagainya di dalam lingkungan kawasan larangan. Ada pula pihak yang cuba memanggil pengundi-pengundi pergi ke pondok tertentu dan bila masuk pula ada yang seolah-olah memberi satu-satu signal supaya mereka mengundi mana-mana pihak. Ini adalah perkara-perkara yang boleh mengelirukan pengundi-pengundi itu sendiri.

Oleh yang demikian, kita berharap unsur-unsur yang begini yang boleh mengelirukan pengundi-pengundi itu sendiri hendaklah dielak dan begitu juga pihak anggota polis yang pada hakikatnya untuk memelihara keadaan keselamatan di kawasan-kawasan itu. Mereka juga mesti dipastikan, diberi latihan terlebih dahulu supaya dapat menjalankan tugas dengan cara adil dan boleh diterima oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan RM10 juta kepada Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mengumumkan iaitu pembinaan Putrajaya ini adalah merupakan suatu mercu tanda pusat pentadbiran kerajaan yang baru, yang akan dijadikan ibu negara Malaysia. Saya percaya penukaran ibu negara dari Kuala Lumpur ke Putrajaya ini seharusnya dibuat dengan segera supaya rakyat boleh dengan jelas lagi memahami bahawa pentingnya sesuatu pusat pentadbiran kerajaan dari segi menyesuaikan keadaan perkembangan negara Malaysia ini sebagai sebuah negara yang maju, sebuah negara yang akan menuju ke arah kerajaan elektronik, kerajaan digital dan kita sudah nampak sekarang ini, saya ada membawa satu analisis daripada akhbar berkenaan dengan Putrajaya bukti Malaysia mampu jadi negara maju. Kita tidak mahu setelah merdeka lebih daripada 42 tahun, kita tahu sesebuah negara maju itu mempunyai perancangan, mempunyai visinya sendiri. Sekarang ini pihak-pihak pembangkang terutamanya telah membawa isu Putrajaya ini sebagai suatu pembaziran, suatu pembinaan bandar, bangunan yang menjadi 'gajah putih', kononnya dan kita pernah mendengar pemimpin-pemimpin pembangkang sendiri menyebut bahawa sekiranya mereka dapat berkuasa mereka akan melelong

Putrajaya, mereka akan keluaran sesebuah negeri dari Malaysia, mereka menyebut dalam surat khabar *Harakah* [*Mengeluarkan surat khabar Harakah*] seperti yang saya tunjukkan semalam, di dalam ini ada mengatakan, bukan sahaja parti pembangkang hendak melelong Putrajaya, mereka juga akan melelong Dato' Seri Dr. Mahathir. Ini kata-kata yang cukup kejam, cukup tidak munasabah, seorang yang sepatutnya tidak layak menjadi pemimpin sebuah parti politik yang hendak bertanding dalam pilihan raya yang akan berkemungkinan boleh berkuasa di kawasan-kawasan tertentu dan kemungkinan hendak memerintah negara itu setakat ini kalau ikut analisis, saya dengan izin Allah, saya rasa mereka tidak boleh berkuasa sebab mengikut analisis pilihan raya tahun 1990, tahun 1995 dan insya-Allah pilihan raya tahun 2000, kalau bukan 1999, kalau dengan kedudukan sekarang sebelum bertanding pilihan raya lagi mereka tidak boleh buat satu pakatan seperti dalam Barisan Nasional. Kadang-kadang kita nampak seolah-olah mereka ini terlalu gelisah, kelam-kabut dan tidak mempunyai satu haluan, satu wawasan, satu visi yang jelas, yang boleh menyakinkan.

Cuma yang kita ragu kadang-kadang pengundi-pengundi ataupun pengikut-pengikut parti-parti pembangkang ini tidak boleh nampak hakikat yang sebenar. Apa yang saya sebut tadi, misalannya, dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas, parti-parti politik ini misalannya PAS, mereka hanya bertanding sekitar 40 dengan 45 kerusi sahaja. Kita perlu ingat, untuk memerintah negara ini yang ada 192 kerusi Parlimen campur satu tambahan di Sarawak iaitu 193 kerusi, kita perlu memenangi hampir-hampir lebih daripada 100 kerusi. Kalau hendak majoriti 2/3 mestilah 160 lebih, kalau hendak memerintah lebih separuh daripada 90 kerusi. Ini bermakna barulah logik kita sebut hendak memerintah dan hendak lelong itu, hendak lelong ini. Ini dalam pilihan raya kita masuk 45 kerusi atau 50 kerusi, itu pun pilihan raya yang lepas, dalam masuk 45 kerusi, menang 7 kerusi Parlimen. Begitu juga DAP, masuk 50 kerusi boleh menang 8 kerusi, begitu juga parti lain, Semangat 46 tidak kesahlah dia sudah masuk Barisan Nasional. Ini KeADILan, bandingannya lebih kurang samalah dengan Semangat 46, kalau sekiranya keadaan

begini lepas itu kita buat kenyataan-kenyataan yang boleh mengelirukan orang, mengelirukan pelajar-pelajar, saya percaya pemimpin-pemimpin yang begini tidak harus kita beri tempat dan pemimpin yang macam inilah yang membuat kenyataan hendak lelong Putrajaya. Bukan sahaja hendak lelong Putrajaya seperti yang saya sebut tadi, hendak lelong Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad – cuba kita bayangkan! Mereka ini daripada dahulu sampai sekarang tidak langsung menunjukkan jasa memerdekakan negeri ini, membangunkan negeri ini, menyediakan kemudahan pendidikan kepada pelajar-pelajar, menyediakan kemudahan kesihatan kepada pelajar-pelajar, usaha-usaha membasmi kemiskinan orang-orang di luar bandar sedangkan mereka bercakap seolah-olah lagu - itu belum berkuasa.

Selepas itu baru-baru ini pula kita dengar dia beri amaran kepada media, kepada *Utusan Malaysia, TV3 dan The New Straits Times* – “Kalau kami memerintah besok, kami akan tutup media ini”. Kemudian dia tanya pula “Macam mana hendak meniaga besok kalau kami ambil alih pemerintahan? Cuba bayangkan, belum lagi berkuasa hendak tutup media, hendak lelong itu, hendak lelong ini. Ini pandangan pemimpin-pemimpin politik yang bercanggah dengan prinsip pembangunan.

Kita akui bahawa dalam pemerintahan demokrasi memanglah perlu ada parti pembangkang tetapi pembangkang yang sihat, bukan pembangkang yang tidak sihat. Saya yang bercakap bagi pihak Senator yang dilantik oleh kerajaan pun saya kritik tetapi kritik pada tempatnya. Kritik bukan hendak mengelirukan, kita timbulkan isu yang sebenar, isu rakyat. Inilah tanggungjawab yang harus dilakukan tetapi tidak parti pembangkang ini dia gunakan Internet, gunakan komputer yang seharusnya kita guna untuk kebaikan diri, kebaikan keluarga, kebaikan dari segi pendidikan untuk menyampaikan maklumat. Tetapi sebaliknya saya ada bawa satu risalah. [*Mencari risalah*] Saya bubuh di tempat mana tidak tahulah, satu risalah yang saya sempat ambil daripada Masjid Negara semasa rombongan dari Perlis datang tempoh hari 700 orang dan malam ini ada 200 orang. Mereka pergi ke Masjid Negara semasa menunaikan ibadat Maghrib waktu itu, mereka dapat



kumpul. Saya perhatikan di situ kononnya risalah ini dikeluarkan oleh satu kumpulan yang saya berani katakan kumpulan yang menyokong Dato' Seri Anwar bin Ibrahim - Kumpulan reformasi.

Ada pula dalam Internet, macam-macam dakwaan dalam itu dari segi politik, ekonomi, macam-macam, tuduh pemimpin, terang-terang, kerajaan dan sebagainya. Malangnya saya sudah bubuh di mana saya tidak tahu, kalau tidak saya boleh bacakan. Saya bukan membuat satu tuduhan yang melulu tetapi ada pengesahan.

Inilah kerja-kerja yang saya rasa boleh meracuni fikiran rakyat terutamanya kepada pelajar-pelajar dan golongan-golongan yang ada sedikit sebanyak tidak puas hati dalam masalah pentadbiran negara kita ini. Kita akui seperti yang saya sebutkan, tidak ada bumi yang tidak ditimpa hujan, tidak ada manusia dalam urusan pentadbiran sehari-hari ini tidak membuat kesilapan. Itu perkara biasa dan lumrah. Malah di dalam keluarga kita sendiri pun, bukan semua anak dan isteri yang boleh bersetuju dengan pendapat ayah atau bapa, ada perbezaan. Tetapi jangan jadikan perbezaan itu untuk merosakkan institusi keluarga itu. Jangan jadikan perbezaan pendapat itu untuk merosakkan institusi pengajian tinggi itu. Ini penting dan kita perlu pelihara apa yang saya sebutkan tadi.

Sekarang ini kita dapati sudah ramai pelajar ataupun golongan-golongan yang pada satu masa dahulu memang terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang mengatakan kerajaan zalim, mengatakan pemimpin itu korup, rasuah, mengatakan orang itu zalim dan sebagainya. Tetapi alhamdulillah akibat atau kesan daripada usaha-usaha pihak kerajaan terutama pihak-pihak menteri, menteri besar, pemimpin-pemimpin masyarakat kita pergi berjumpa dengan pelajar-pelajar ini. Cuma ada beberapa insiden yang kita kurang senang apabila pemimpin pergi berdialog dengan sebuah pusat pengajian tinggi berlakulah – tidak sempat lagi orang hendak bercakap, hendak terang, mereka sudah mula ‘boo’. Ini bukan orang yang bertamadun. Kita dengar pandangan orang dahulu, lepas itu baru kita membuat kesimpulan. Tidak sempat orang hendak bercakap, hendak beri

pandangan, tiba-tiba kita sudah mula 'boo'. Ini maknanya niatnya sudah tidak betul, tidak mahu beri dan kita suka berdialog.

Saya berpeluang pergi ke ITM di Arau kerana dipanggil oleh pentadbiran di situ untuk memberi sedikit ceramah kepada pelajar-pelajar tahun akhir lebih kurang 100 orang lebih. Alhamdulillah, saya beri kebebasan kepada mereka untuk duduk dan bersoal jawab serta beri pandangan. Kemudian buat, jawab soalan yang saya buat. Hendak tahu bagaimana pendirian mereka? Saya tengok cukup positif, majoritinya boleh menerima hakikat. Inilah yang kita mahu, apa yang saya sebut tadi kita tidak boleh sekat mereka daripada melahirkan perasaan, melahirkan pandangan dan mereka juga mesti menerima maklum balas (feedback) yang kita beri. Soal keputusan hendak buat apa, itu terserah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung berkenaan dengan Putrajaya tadi. Putrajaya ini sebenarnya kalau kita perhatikan sistem pentadbiran di negara-negara maju seperti di England, Amerika dan di Jepun sendiri, mereka mempunyai pusat-pusat pentadbiran yang cukup lengkap, sempurna. Sebuah negara maju mesti mempunyai sesuatu pusat pentadbiran yang sesuai dengan keadaan kemajuan negara itu sendiri.

Sekarang ini seperti yang disebut berkali-kali Kuala Lumpur sebenarnya adalah sebuah bandar raya ciptaan penjajah pada suatu masa dahulu. Dengan kedudukan pembangunan yang sekarang ini kita perhatikan tidak bersistematik, dibunuh ikut 'dan', Parlimen tempat ini, bangunan itu di sini, sebab itu jadilah perkara-perkara yang kita sudah buat sekarang ini apabila sampai pada satu keadaan, satu ketika, ia tidak begitu sempurna keadaannya sebab kita bina sebuah pusat bandar yang telah ada dan kita ubahsuai daripada keadaan itu. Ini sudah tentulah dia tidak boleh jadi suatu keadaan yang lebih sempurna, lebih-lebih lagi melibatkan kos yang agak banyak. Tetapi alhamdulillah, hasil daripada usaha pihak kerajaan walaupun kita pindah pergi ke Putrajaya, Kuala Lumpur sekarang ini tidak lagi berlaku kesesakan jalan raya. Jalan-jalan sekarang ini sudah hampir pulih sebab kita ada LRT dan sebagainya. Saya dapati setiap kali saya datang ke

sini keadaan kesesakan itu sudah hampir boleh diatasi. Cuma sekarang ini di Jalan Tun Razak dan sebahagiannya keadaan masih belum siap lagi. Saya yakin apabila siap nanti keadaan akan menjadi bertambah baik.

Apa yang kita tekankan sekarang pemimpin mempunyai visi, mempunyai perancangan dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan kelulusan Kabinet. Kita kena ingat apa yang Dato Seri Dr. Mahathir buat sebagai pemimpin negara bukanlah kerana dengan kehendak dia sendiri seperti yang didakwa baru-baru ini bahawa penyelewengan yang berlaku di dalam PERWAJA, dia hendak letak kesalahan kepada Dato Seri Dr. Mahathir sahaja. Dato Seri Dr. Mahathir berkali-kali sebut keputusan yang dibuat mengenai dengan PERWAJA bukan dibuat seorang diri, dibuat dan diputuskan oleh Kabinet yang mana termasuk Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bersama-sama pada masa itu.

Oleh itu di dalam pentadbiran sesebuah kerajaan apabila berlaku sesuatu perkara di luar jangkaan kita tidak boleh lepaskan tanggungjawab itu kepada seorang sahaja. Mestilah diambil tanggungjawab bersama. Kita adalah pemerintahan kerajaan Demokrasi Berparlimen secara kolektif. Kita ada keputusan Kabinet dan lebih-lebih lagi pada masa itu Dato' Seri Anwar menjadi Menteri Kewangan. Kalau hendak ikut sistem Menteri Kewangan, seolah-olah ada kuasa lebih daripada Perdana Menteri. Dia boleh merancang, dia boleh meluluskan peruntukan dan sebagainya.

Kita amat kesal sekali apabila setengah-setengah pihak menyebut kerajaan membazir. Katanya membina mahligai Dato Seri Dr. Mahathir. Kita kena ingat masalah Dato Seri Dr. Mahathir umurnya sudah lebih 74 tahun, dia sudah menjadi Perdana Menteri belasan tahun. Sampai masanya Dato Seri Dr. Mahathir akan berhenti daripada menjadi Perdana Menteri dan dia sendiri sebut berkali-kali. Oleh sebab itu apabila dia berhenti, Kabinet tidak akan meluluskan rumah Perdana Menteri yang baru dibuat itu hendak diserahkan kepada Dato Seri Dr. Mahathir. Dia tetap menjadi rumah Perdana Menteri, siapa sahaja yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada masa itu akan menduduki rumah itu. Oleh sebab itu tuduhan

mengatakan rumah itu adalah rumah Dato Seri Dr. Mahathir, istana Dato Seri Dr. Mahathir, mahligai Dato Seri Dr. Mahathir adalah fitnah dan pembohongan yang cukup jelas.

Kita tidak mahu isu-isu yang sebegini mengelirukan pandangan rakyat terutama sekali pelajar-pelajar. Begitu juga perkara-perkara lain yang menyebut berkenaan dengan kroni dan sebagainya seperti yang pernah disebut oleh Dato Seri Dr. Mahathir sendiri, tiap-tiap perkara yang kita buat di Malaysia ini, kita beri hak kepada semua pihak. Siapa yang mampu, siapa yang sanggup menghadapi risiko, siapa yang sanggup melabur, maka sudah tentu mereka itu akan mendapat habuan yang lebih. Begitu juga prinsip Islam, kalau kita buat ibadat lebih, kita sembahyang tidak berhenti, kita buat kebajikan dengan cara lain, kita usaha lebih sedikit, maka hasilnya kita dapat lebih. Ini tidak, kita mempertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi contoh yang paling senang di dalam sesuatu keluarga kalau ayah itu ada harta, dia hendak beri anak-anaknya dia ada lima, enam orang anak. Dia beri seorang anak uruskan kalau dia ada estet, kalau dia ada perniagaan, dia buka kedai, dia kena tengok orang-orang yang mahir dalam bidang-bidang ini baru dia serahkan. Kalau tidak, dia serah hendak urus pasal perniagaan kedai, dia serah pada anak yang dok main bola ataupun yang minat dalam bidang lain, maka lingkuplah perniagaan itu. Begitu juga pengurusan ladang, kalau orang yang tidak ada ilmu bersangkutan dengan ladang, dia serah pada anak yang itu, maka sudah tentu dia tidak akan berjaya.

Oleh sebab itu Dato Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, sebagai pemimpin, apabila kita buat projek-projek yang akan menjana ekonomi, yang akan membantu ekonomi negara ini, yang secara tidak langsung memberi peluang bantuan kepada rakyat, dia kena pilih kelompok-kelompok yang mampu menguruskan sesuatu urusan itu. Oleh sebab itu pada pandangan saya tidak timbul sekali masalah kroni, masalah kroni tidak timbul. Saya tidak tahu bagaimana istilah ini disebut, kecualilah kalau kita nampak terang-terang dengan kuasa yang ada itu, dia arah, dia suruh orang. Kalau anak dia berniaga, anak dia rugi, makna

kata anak dia terpaksa menghadapi risiko. Tidak ada pihak, kalau ada pihak-pihak yang sanggup menguruskan syarikat perkapalan ataupun mana-mana syarikat besar, kita rasa bangga sekurang-kurangnya ada orang yang dapat mengurus. Tengoklah TingPek Khing yang dok urus sekarang ini. Dia pun apabila menghadapi keadaan kegawatan ekonomi di Syarikat Bakun, dia pun senyap begitu sahaja. Walaupun, katalah Dato Seri Dr. Mahathir pada mulanya ada kepercayaan sebab dia ada kemampuan tetapi apabila dia sudah tidak mampu, sudah tidak boleh ada perkara-perkara ini, maka dia akan berhenti.

Begitu juga di dalam PERWAJA – Eric Chia. Saya tidak yakin mengatakan Dato Seri Dr. Mahathir ataupun pemimpin-pemimpin kerajaan hendak mempertahankan Eric Chia. Tetapi sekurang-kurang kerana kita pilih Eric Chia, PERWAJA itu ada di situ. Ada di negeri Terengganu, ada di Gurun. Ini penting, inilah rakyat mesti fikirkan. Pemikiran secara global tanpa orang-orang ini yang memerlukan padangan, suatu approach yang cukup berani dan boleh ada contact. Dia tidak boleh buat. Hendak buat kilang besi yang begitu besar bukan satu perkara yang mudah kita hendak buat, benda yang kecil pun susah, tambah lagi yang memerlukan modal, memerlukan kemahiran dan sebagainya.

Oleh sebab itu kita mesti memikirkan lebih dalam dan kerajaan tidak akan mempertahankan mana-mana pihak yang terlibat dengan penyelewengan ataupun rasuah. Kalau ada bukti, insya-Allah, pelajar-pelajar dan parti pembangkang sendiri boleh beri bukti secara bertulis kepada BPR. Kerajaan tidak akan menyekat. Ini kita tidak mahu menuduh, kata Dato Seri Dr. Mahathir terlibat, orang itu terlibat dan sebagainya yang akhirnya akan memusnahkan sesebuah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Putrajaya tadi, saya yakin kalau kita pergi melawat, kita tengok sendiri ciri-cirinya, konsep pembangunannya dan keputusan Dato Seri Dr. Mahathir berpindah cepat ke tempat itu adalah satu keputusan yang cukup bijak. Kalau kita tidak pindah cepat, lagi parti pembangkang menyebut dengan mengatakan pembangunan yang membazir.

Apabila kita pindah cepat dengan sendirinya kita mula nampak pentadbiran yang akan menuju ke arah suatu zaman yang gemilang. Suatu suasana yang meyakinkan kita, bukan untuk 10 tahun, bukan 20 tahun, malah lebih daripada 100 tahun. Ciri-ciri pembinaan Putrajaya itu sendiri sudah mengkagumkan dan dunia luar yang melawat pun sudah nampak. Sebab kita tahu dalam zaman sekarang ini di kawasan sekitar Putrajaya itu terdapat kawasan-kawasan Multimedia Super Corridor, kawasan-kawasan pembangunan yang akan terus berkembang maju. Tanah di kawasan itu dahulu kalau tidak kerana pembinaan Putrajaya, saya yakin kalau hendak jual kepada orang pun orang tidak berani beli tetapi sekarang pembangunannya cukup cepat sekali.

Dengan adanya lapangan terbang yang berhampiran, malah negeri-negeri yang berjiran seperti Negeri Sembilan, Melaka dan sebagainya turut membangun. Orang sudah mula nampak, inilah suatu keberanian, satu pandangan pemimpin yang kadang-kadang kita tidak boleh fikir masa sekarang. Tetapi insya-Allah, suatu masa nanti kita akan tahu bahawa keputusan yang di buat oleh Dato Seri Dr. Mahathir dengan persetujuan Kabinet itu adalah tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan meneruskan berkenaan dengan peruntukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak RM30,017,800. Tuan Yang di-Pertua, bila menyebut perkhidmatan awam ini sudah tentulah melibatkan jentera pentadbiran kerajaan termasuklah institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Sudah sampai masanya kalau kerajaan menyebut bahawa keadaan ekonomi kita sudah pulih dan parti pembangkang mengatakan kita cuba membohongi rakyat, kita berpura-pura kata pulih tetapi keadaan yang sebenarnya memang rakyat sendiri merasai bahawa ekonomi kita telah pulih.

Apa yang ingin saya sarankan, kalau sebenarnya pulih kerajaan mestilah memikirkan masalah pendapatan perkhidmatan awam ini, pegawai-pegawai ini. Kalau boleh yang mana ada elaun-elaun dahulu, yang kita sekat, yang kita bekukan, sekarang ini kerajaan patut kena semak semula, kaji semula dan kita kena lulus semula kepada pegawai kerajaan sebab kita tidak mahu kalau ekonomi pulih,

pegawai-pegawai berkhidmat dengan keadaan yang sakit. Bila sudah pulih, biarlah gaji pun pulih sama. Kita berikan kemudahan, kita fikirkan kebajikan. Saya yakin penuh pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat sama ada di peringkat ataupun Persekutuan, sama ada di bahagian keselamatan, polis, tentera dan sebagainya mereka tetap akan sokong dan mereka tetap akan memikirkan bahawa sebenarnya ekonomi kita sudah pulih.

Bila kita beri wang yang banyak kepada tenaga pekerja perkhidmatan awam ini, dia bukan hendak rugi, mereka akan belanja lebih. Bila belanja lebih, orang yang berniaga nasi dapat, yang berniaga barang-barang pun dapat tambah. Yang terlibat dengan pengangkutan awam pun dapat, anak-anak sekolah pun boleh belanja lebih sedikit dengan sendirinya dia menjana ekonomi itu dengan lebih berkembang lagi.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat Tuan Zainal berdiri.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

Bolehkah Tuan Haji Abu Bakar bersetuju dengan saya, memohon kepada kerajaan supaya bila mana rang undang-undang dibentangkan, tambahan perbelanjaan bagi jawatan perkhidmatan awam yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, sambil Yang Berhormat menyentuh faedah-faedah yang harus dinikmati oleh kakitangan awam, adakah Yang Berhormat bersetuju jika kita cadangkan kepada kerajaan supaya kerajaan mengkaji semula kedudukan gaji kakitangan perkhidmatan awam dan diperbincangkan semula bagi membolehkan mereka ini dapat menikmati kenaikan gaji dan seterusnya dapat berkhidmat dengan baik demi untuk kepentingan negara, bangsa dan agama? Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju pada dasarnya dengan pendapat Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak tadi dan saya rasa bersyukur kerana Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak sebagai pemimpin Kesatuan Sekerja, pada suatu masa dahulu

hampir-hampir menyokong DAP tetapi sekarang ini nampaknya dia sudah sedar, dia tahu apa sebenarnya kerajaan buat dan dia banyak menyokong dasar-dasar kerajaan.

Jadi, kita patut ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak dan sudah tentulah, bila saya sentuh berkenaan dengan perkhidmatan awam tadi, sudah tentulah meminta kerajaan supaya mengkaji semula kedudukan gaji kakitangan kerajaan ini, sekurang-kurangnya kalau hak golongan berpendapatan yang agak tinggi itu diberi perhatian lewat sedikit pun tidak apa. Dia ambil yang pendapatan yang rendah, sederhana ini bagi perhatian dahulu dan dia fikirkan dari segi tambahan elaun, kemudahan-kemudahan pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, elaun perkhidmatan pengangkutan kalau tempat itu agak jauh sedikit, macam Putrajaya sekarang ini, buat sementara ini dia beri elaun kepada pegawai-pegawai ini, imbuhan dari segi pengangkutan.

Saya percaya sekarang ini, kalau kita tengok di dalam sistem pendidikan, kerajaan telah membuat kondominium, apartment dan rumah untuk guru-guru yang membolehkan mereka bukan sahaja setakat menyewa bangunan itu, mungkin membeli bangunan itu terus dan saya yakin penuh, kalau kerajaan itu adalah kerajaan yang stabil, kerajaan yang mempunyai kedudukan ekonomi yang baik, tidak ada kerajaan yang tidak mahu sokongan rakyat untuk hendak terus berkuasa memerintah dan berkhidmat kepada rakyat.

Jadi, sudah tentulah permintaan saya ini supaya kerajaan mengkaji kemudahan kakitangan perkhidmatan awam ini termasuklah semakan semula gaji yang ada sekarang ini. Sistem kenaikan pangkat dan sebagainya dan sistem SSB itu seperti yang pernah disebut berkali-kali, saya juga meminta kerajaan mengkaji semula. Kalau hendak dikekalkan sistem SSB itu tetapi ada bahagian-bahagiannya yang perlu dikaji semula, perlu dirombak semula, misalannya kadang-kadang kita perhati, kita kata kerajaan kroni tetapi orang di jabatan-jabatan pun ada kroni juga. Pernah seorang itu, dalam bertahun-tahun dok ulang-ulang, kalau dia ada isteri, keluarga dia, dia orang berpakat pusing, dapat melintang, menegak dan sebagainya.



Jadi, orang lain tidak ada peluang, sampai last, sudah tidak ada orang baru hendak beri. Sebab itu saya katakan sistem kenaikan pangkat, bagi melintang dan sebagainya perlu dikaji semula. Kalau hendak dikekalkan, fikirkan suatu formula yang tidak boleh menimbulkan keadaan seperti yang saya sebutkan tadi. Benda ini memang banyak berlaku, kita boleh dapat feedback balik dengan cara buat format borang, hantar kepada pegawai-pegawai suruh isi apa yang patut. Itu salah satu cara, daripada kita buat ramalan secara rambang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan awam, pegawai-pegawai ini. Saya juga pernah pergi ke pelbagai jabatan terutama di negeri Perlis termasuklah di Kuala Lumpur ini, saya minta maaf kalau ada mana-mana pihak terasa. Kadang-kadang pegawai-pegawai ini pun, kemudahan di pejabat itu berbagai-bagai, ada komputer, bilik berhawa dingin, tempat duduknya selesa, surau pun cukup elok, kantin pun ada, semuanya sempurna, tidak ada satu yang kurang tetapi yang kita nampak makin kurang sikap dia, pemikiran dia tidak ubah, tidak mahu hendak beri sama dengan kemudahan yang kita sediakan.

Ini satu perkara yang menjadi penghalang yang cukup besar. Kita dapati ada setengah-setengah itu, kalau dia balik ke rumah, dengan izin, calculate balik apa yang dia buat kerja pada hari itu sama atau tidak dengan gaji yang dia dapat, berbanding dengan buruh kasar yang terlibat dengan projek-projek yang dibuat itu. Saya yakin dan ini bukan kata termasuk pekerja itu sahaja, termasuklah wakil rakyat, menteri dan termasuklah semua. Kalau cakap macam itu, ha!, macam-macamlah dia kata, saya tidak mahu macam itu. Sebab itu, macam saya dok keluar-masuk kadang-kadang itu sebab bersangkutan urusan rombongan yang datang daripada Perlis, saya terpaksa pergi untuk beri perhatian sekurang-kurangnya takut sangkut di mana-mana, tidak ada bantuan.

Jadi, kalau seboleh-bolehnya, kalau ada Dewan bersidang ini, saya mahu ada di sini dan tiap-tiap kali saya mengambil bahagian, tetapi kadang-kadang orang Melayu kitalah, orang lain tidak kata, dia kata hendak tonjol diri dan sebagainya.

Kita hendak mengambil peranan, ada soalan yang kita rasa patut tanya, kita hendak tanya, tetapi kadang-kadang terasa juga, tanya banyak sangat ini, orang kata, apa ini.

Jadi, berbalik kepada masalah tadi, kita hendaklah berkhidmat secara ikhlas. Bekerja, memberi perkhidmatan yang boleh manfaat kepada negara, tempat yang kita kerja kepada rakyat. Kalau tidak kita cakap pasal agama dan sebagainya, kita sebut itu dan ini, pada hal kita buat lain, ini tidak seharusnya berlaku.

Saya meminta supaya kerajaan mengenal pasti pegawai-pegawai yang kadang-kadang selalu memberi alasan, biasa kadang-kadang bila kita telefon, kita berhubung, bila bercakap dengan dia, timbul satu perkara kerana dia hendak mengambil masa itu lambat, hendak semak balik di fail, dia jawab kata, pegawai tidak ada. Pegawai yang bertanggungjawab tidak ada, selepas itu senyap begitu sahaja. Kalau kita pergi sendiri pun, kadang-kadang kita berjumpa di sini, dia suruh pergi ke sana pula. Hospital pun kadang-kadang begitu juga. Ini adalah satu perbuatan yang bercanggah dengan prinsip.

Kalau tengok piagam di jabatan-jabatan cukup elok, khidmat sambil beri senyuman dan sebagainya tetapi bila kita berurusan dengan keadaan yang sebenar, keadaan seperti itu tidak berlaku.

Oleh sebab itu, kita minta supaya kerajaan mengenal pasti pegawai-pegawai yang jadi, orang kata, kambing hitam (scape goat) – yang menjadikan alasan untuk melindungi kesalahan dan kelemahan dia – banyak yang buat macam itu. Dia timbul isu, itu dan ini, kadang-kadang pergi masuk punch sekian jam, selepas itu masuk sekejap, dia keluar pergi minum, bercakap di telefon, kadang-kadang di perkhidmatan kaunter, sedangkan orang queue bukan main panjang, kaunter lima, enam, yang buka hanya dua.

Dua itu pula asyik bercakap, orang lain menunggu. Bila orang merungut, cuba bayangkan kalau pegawai itu sendiri menunggu di belakang queue itu, bagaimana perasaan dia. Sebab itulah kita hendak kena peka, sensitif, kita kena guna budi bicara, waktu-waktu peak hours yang memerlukan perkhidmatan yang

segera. Kita tidak harus membiarkan keadaan itu, bila orang marah, orang tidak marah kepada pegawai, dia kata kerajaan – kerajaan tidak berguna, kerajaan zalim, kerajaan tidak efisien dan sebagainya, tetapi yang tidak efisien pegawai itu. Sistem itu sudah bagus, hantar pergi kursus, hantar pergi sana, pergi sini, bagi kemudahan cukup pun tidak jalan juga. Hak yang macam ini kita beri dia jalan, kalau sudah tidak jalan juga, kena beri pegawai itu jalan.

Oleh sebab itu kerajaan hendaklah memberi perhatian, kenal pasti jabatan-jabatan yang berurusan dengan rakyat, kenal pasti pegawai-pegawai yang cuai ini dan mesti ada satu usaha untuk memberi satu kaunseling macam kita buat kaunseling dalam penjara juga. Tidak cukup, kita hantar. Jenis-jenis kursus ini kita kena buat macam-macam. Jangan buat hanya satu jenis sahaja, pergi macam itu balik tidak ada apa-apa.

Kita ubah, kalau pergi kursus macam ini tidak jalan juga cari kursus yang berlainan sedikit. Kalau tadi kita beri dia cuti, cuti bagi lama sedikit mudah-mudahan dia berubah. Kalau tidak berubah juga kita beri dia jalan, kita beri pampasan. Jadi saya percaya dalam keadaan sekarang ini tidak ramai pegawai yang bersikap demikian tetapi memerlukan pemerhatian yang lebih daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Rombongan dari Perlis.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Mungkin secara kebetulan, saya pun tidak tahu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Kementerian Belia dan Sukan, peruntukan tambahan yang diberi ialah RM326,700. Itu secara kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan pegawai-pegawai kerajaan, kebetulan saya sedang bercakap. Tetapi pegawai-pegawai kerajaan daripada Perlis ini buat kerja sungguh-sungguh sebab itu mereka ini sanggup dan saya sendiri pun pernah tengok dan orang yang datang semua ini orang yang tidak kira masa, bila ketua di atas perintah arah sahaja masa

kelam kabut pun mereka buat juga. Itu pastilah, tetapi pegawai di belakang pun samalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Hajah Mastika.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar memberi laluan kepada saya. Saya terpanggil untuk bangun. Pertamanya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar tadi bercakap mengenai pegawai-pegawai kerajaan. Yang keduanya, bersama-sama dengan kita pada hari ini adalah pegawai-pegawai kerajaan daripada negeri Perlis sebanyak dua buah bas, 200 orang ada bersama-sama kita, saya mengalu-alukan kehadiran mereka pada petang ini. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar adakah Yang Berhormat setuju dengan satu laporan yang merupakan ia juga pada pandangan saya, saya bersetuju bahawa pencapaian di negara kita ini bergantung kepada kecemerlangan pegawai-pegawai JabatanPerkhidmatan Awam yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai.

Namun memang ada sebahagian kecil daripada pegawai-pegawai ini menjadi 'kambing hitam' dan tidak bersama-sama dengan pihak kerajaan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa pembangunan kita selama ini dapat dicapai dengan adanya usaha gigih daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, cara Yang Berhormat Mastika tanya saya, dia khabarkan bahawa dia bersetuju dulu. Secara kebetulan memanglah saya cukup bersetuju. Apa yang saya sebut tadi saya tidak menafikan sumbangan pegawai-pegawai kerajaan. Sebab itulah awal-awal lagi saya minta kerajaan kaji semula gaji mereka, kemudahan-kemudahan mereka. Kalau saya tidak bersetuju masakan saya hendak suruh kaji itu. Saya sendiri pernah menjadi pegawai kerajaan dan memang kita akui pembangunan yang berlaku di Malaysia ini pada umumnya kerana sumbangan pegawai kerajaan.

Kita tidak nafikan dalam banyak ini ada orang yang cuai dalam menjalankan tugas, ini yang kita tengah cakap ini hak yang cuai, yang sedikit jadi macam itu.

Tetapi janganlah kerana yang sedikit ini, hak ramai pun tumpang rasa, inilah yang susah. Kalau orang yang buat kerja betul, yang berkhidmat secara cemerlang tidak payahlah rasa. Kita fikirkan ini tanggungjawab kita, kita dibayar gaji, bukan buat kerja sukarela. Kalau kita buat kerja sukarela pun dari segi agama kita kena buat secara ikhlas, secara bersungguh-sungguh baru dapat ganjaran. Ini lebih-lebih lagi kita buat dibayar dan saya percaya pegawai-pegawai yang ada dalam Dewan ini semua memang yang cemerlang, yang baik-baik termasuklah rombongan daripada Perlis. Kalau tidak, saya balik Perlis esok mereka akan kutuk sayalah kalau saya kata mereka ini tidak cemerlang. Saya bukan kerana takut dikutuk tetapi saya cakap apa yang realiti, yang sebenar dan kalau tidak betul itu yang saya katakan. Diri saya sendiri pun kalau saya tidak betul saya terima teguran dengan secara terbuka, dengan cara ikhlas. Tetapi cara hendak tegur itulah. Saya hendak cakap ini dalam Dewan, Dewan yang mulia, tempat mana lagi saya hendak tegur, jumpa tengah jalan tegur lagi tidak kena, lagi susah, kalau ada kursus bolehlah, tetapi ini dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Mastika pembangunan yang kita capai sehingga hari ini adalah sebahagian besarnya kerana sumbangan pegawai-pegawai di dalam sektor perkhidmatan awam. Ini harus kita beri satu tepukan kepada mereka. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan yang mendapat RM326,700. Saya rasa setakat ini Kementerian Belia dan Sukan nampaknya memang belia dan sukan. Banyak tertumpu kepada aktiviti sukan tetapi aktiviti yang hendak membangunkan minda belia itu kita nampak masih terawang-awang.

Kita berharap supaya pihak kementerian mengkaji semula kurikulum ataupun dasar kementerian itu sendiri supaya dia dapat menentukan keperluan untuk mengelompokkan belia-belia di dalam sektor-sektor yang mengikut kedudukan mereka sendiri. Sekarang ini kita tengok macam ada Rakan Muda dan

banyak lagi program-program yang dibuat. Tetapi yang penting di sini bukan program tetapi hasil program itu sendiri.

Kalau kita perhatikan dari segi sukan sekalipun berbanding dengan negara jiran pencapaian kita di dalam bidang sukan bukan setakat mana sangat. Badminton, bola sepak, dalam jurusan lain pun sama juga. Berbanding dengan perbelanjaan yang kita belanja dengan kemudahan yang kita buat stadium, badminton court dan sebagainya, kalau kita perhatikan pencapaian saya rasa masih kita ketinggalan dan kita masih lagi mengurus secara tidak profesional.

Kita ada Bukit Jalil sekarang ini kita nampak itu baru bermula, kita ada sekolah latihan sukan. Di peringkat negeri melalui kementerian kita ada sekolah yang kita agih-agihkan, budak-budak yang minat dalam bola sepak kita juruskan kepada satu sekolah, dalam bahagian olahraga kita jurus satu sekolah. Tetapi masih ada loophole yang melibatkan belia-belie yang tercicir, belia-belie yang tidak bersekolah. Ini yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sebab pelajar-pelajar yang terlibat dengan institusi pengajian tinggi, dengan sekolah-sekolah, dengan institusi sudah sedia ada itu tidak menimbulkan masalah.

Belia-belie yang bebas, yang ibu bapa mereka tidak menghantar ke sekolah lagi, yang bekerja sambilan, yang bekerja sendiri, yang bekerja di kilang mungkin tidak berpeluang melibatkan diri. Ini golongan yang perlu diberi perhatian, sebab sekarang ini kalau kita lihat yang terlibat dalam masalah dadah ramai belia-belie, yang terlibat dengan perlumbaan haram ramai belia-belie dan yang lebih memalukan lagi belia-belie ini kalau kita kategorikan dia jadi belia-belie yang terdiri dari 'MCI'. Kita tahulah golongan mana yang banyak.

Oleh sebab itu kementerian ini perlu memberi perhatian khusus, perlu mengenal pasti orang-orang yang perlu diberi perhatian maka peruntukan yang diberi itu hendaklah dibelanjakan dengan cara yang berfaedah yang boleh membimbing, membentuk belia-belie yang bermasalah ini supaya menjadi belia yang memberi sumbangan, belia yang bermanfaat.

Kita juga berasa perlu supaya Kementerian dan Sukan kalau boleh menumpukan perhatian ke arah memberi peluang kepada belia-belia ini pengalaman untuk boleh hidup. Misalnya mengadakan kursus-kursus yang memang Kementerian Belia dan Sukan boleh mewujudkan industri, kilang. Dalam masa memberi latihan mereka juga kalau besok tidak ada tempat boleh terus bekerja di situ, yang boleh mengeluarkan produktiviti-produktiviti yang berkaitan dengan sukan. Sekarang ini tidak. Kita terpaksa beli alatan sukan, sepak takraw, bola sepak, jersey dan sebagainya daripada syarikat-syarikat sedangkan Kementerian Belia sendiri mempunyai belia, boleh invest, buka kilang, buat joint-venture di peringkat negeri, peringkat daerah, kemudian keluarkan produk-produk ini, ambil belia-belia ini buat kerja sementara. Adakan latihan kepada mereka dan dengan sendirinya mereka membentuk belia yang lebih berdisiplin seperti di Korea dan di Jepun dan sebagainya.

Kita rugi kalau kita tidak gunakan tenaga belia ini yang kita biar melepak, pelumba haram, terlibat dengan dadah, gejala-gejala yang negatif, selepas itu kita hendak marah pula mereka ini, yang terlibat dengan reformasi dan sebagainya. Dulu, reformasi bagi RM50, RM30, belia mana yang tidak mahu pergi. Dia tidak ada kerja, dia duduk melepak sahaja, jadi katanya lebih baik aku terima duit dan tumpang sama menyokong reformasi. Mereka bukan menyokong, mereka menyokong membuta tuli sahaja. Bukan dia tahu apa cerita. Boleh makan, boleh pergi Kuala Lumpur, boleh jumpa orang ramai, akhirnya apabila polis tangkap, mereka tumpang kena. Memang itu realitinya.

Oleh sebab itu, Kementerian Belia dan Sukan bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mencari orang-orang ini supaya duduk. Ini tidak, apabila timbul kesilapan, hendak hukum mereka. Ini bercanggah dari segi prinsip membina satu generasi ke arah menjadi rakyat yang berguna. Oleh yang demikian, kita berharap Kementerian Belia dan Sukan akan mengkaji semula dan memberi perhatian ke arah jurusan ini. Saya juga ingin meminta melalui rang undang-

undang ini supaya Kementerian Belia dan Sukan mengenal pasti negeri-negeri yang belum ada lagi kompleks sukan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Sekarang ini jelas, di Perlis tidak ada. Negeri lain semua ada kompleks sukan yang tertutup. Di Sabah pun ada, negeri-negeri lain pun ada. Perlis masih belum ada. Oleh sebab itu, sampai masanya Kementerian Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semasa saya jumpa di Perlis hari itu memang dia kata peruntukan memang ada. Kalau ada peruntukan, eloklah buat satu perancangan, bagi peruntukan itu dan kita bina kompleks sukan di Perlis supaya apabila terbinanya kompleks sukan, stadium tertutup ini, di mana di dalam itu boleh diadakan pelbagai pertandingan, sepak takraw, badminton dan sebagainya, maka, tempat untuk dapat digunakan oleh belia-belia dengan lebih sempurna lagi.

Sekarang ini, kalau kita hendak buat jadi tuan rumah sepak takraw dan badminton, terpaksa buat di tempat yang agak panas. Air-cond tidak ada, tempat penonton hendak duduk tidak boleh, kena pecah-pecah, pergi ITM setengah dan di sana-sini setengah. Ini menunjukkan kita masih ada duit. Duit kita ada banyak. Kadang-kadang pergi buat di tempat yang sudah ada, tidak ada makna. Buatlah di tempat yang memerlukan. Pilih dan bagi keutamaan itu dan dalam keadaan sekarang, Perlis memerlukan stadium tertutup.

Seterusnya Kementerian Perusahaan Utama. Yang ini, saya juga menyebut Kementerian Perusahaan Utama ini, menterinya pemimpin Gerakan, komponen parti Barisan Nasional, saya ucap tahniah kepada Dato' Seri Lim Keng Yaik kerana dia seorang yang cukup dinamik, dia rajin bekerja dan dia bercakap berterusterang. Cuma, saya hendak minta Kementerian Perusahaan Utama ini lebih terlibat dengan balak, hasil-hasil galian, kelapa sawit dan sebagainya. Cuma yang menjadi confuse sedikit ini ialah pasal getah.

Pasal getah ini, kebun-kebun getah ini yang terlibat dengan pekebun-pekebun kecil ini adalah orang-orang luar bandar. Pekebun-pekebun kecil ini terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, Kementerian



Perusahaan Utama ini terlibat dengan hasil yang bersangkutan dengan kayu getah dan juga getah. Jadi, ada percanggahan sedikit, confuse. Apabila timbul isu-isu ini, kadang-kadang kementerian ini terasa. Kalau orang ini buat statement, kementerian lain pula terasa. Oleh sebab itu, minta supaya kerajaan memastikannya. Pada pandangan saya, elok urusan yang bersangkutan dengan pekebun-pekebun kecil ini dipindahkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Saya ingin menyebut di sini, saya mendapat aduan daripada ramai pekebun kecil, bantuan yang diberi oleh RISDA ini sebenarnya tidak memenuhi, tidak boleh menolong pekebun-pekebun kecil. Ada sesetengah pekebun kecil yang ada 5 ekar tanah. Bukan semua 5 ekar itu yang boleh diguna untuk tanaman getah, apabila hendak minta tanam semula, kalau getah itu ada 3 ekar, walaupun tanah 5 ekar itu dibubuh syarat dengan tanaman getah, dia hanya bagi 3 ekar itu sahaja. Lagi dua ekar, dia tidak bagi.

Sudahlah begitu, masa yang dia bagi bantuan itu, dia bagi pokok getah. Pokok getah itu, waktu kemarau dia bagi. Apabila orang hendak tanam waktu kemarau, hendak tanam macam mana, tidak ada air untuk jirus, maka matilah pokok getah itu. Selepas itu, hendak tanam semula kali yang kedua, tuan punya getah, pekebun-pekebun kecil ini kena beli sendiri dengan kos sepokok lebih daripada RM1. Mana dia hendak cari duit? Kalau dia hendak tanam dalam 3 ekar itu, katalah dia perlukan hampir 800 pokok. Sepokok RM1 lebih, jadi dia kena cari RM800.

Jadi, inilah yang kita minta supaya sesuatu kementerian ataupun agensi yang terlibat dengan sesuatu perkara itu, dia perlu fikirkan bentuk bantuan yang tidak menjejaskan urusan yang bersangkutan dengan sesuatu bab itu. Misalannya, kalau dia kata pekebun kecil hendak dibantu dengan getah, buat pagar, beri baja, buat sesuatu sampai dapat hasil balik. Kalau setakat bagi anak getah, selepas itu hendak tebang pokok getah, hendak buat pagar dan sebagainya, tuan punya kebun itu kena cari sendiri. Saya nampak ianya tidak kesampaian. Seperti orang kata, macam kita

ambil kain selimut, tarik ke kepala, nampak kaki, bila tarik ke..... , dia tidak boleh cover semua.

Jadi, kita tidak mahu cerita macam seorang bapa dan seorang anak naik unta. Apabila anak naik unta, jumpa satu tempat, orang akan bertanya kenapa beri anak naik tetapi bapa yang tua tidak naik. Selepas itu, dia bawa turun anak, dia naik pula. Bila dia pergi sana, orang kata anak ini buta perutlah kerana bagi bapanya berjalan kaki. Jadi, mereka ubah. Akhirnya, naik dua-dua orang sekali pun, mereka kata, orang tua dan anak ini tidak boleh fikirkah, unta itu bukannya larat. Jadi, sudahnya tidak kesampaian.

Sebab itu, kita jangan bagi cerita bantuan RISDA ini macam Pak Pandir. Macam tarik kain selimut pergi kepala, nampak kaki, tarik ke kaki, nampak kepala. Kita buatlah bagi sempurna. Kalau hendak bagi bantuan, biarlah bantuan itu boleh menghasilkan. Biarlah kita huraikan apa yang dia bagi bantuan, apa yang kita kena buat, apa yang pekebun kena buat. Sekarang ini masih samar-samar.

Saya terlibat dengan pekebun-pekebun kecil ini sendiri. Saya boleh bagi bukti di mana urusan bantuan RISDA ini tidak sempurna. Oleh sebab itu, wang peruntukan kita tengok setahun, RISDA sudah habis sekian banyak. Kononnya, kata dia, pekebun-pekebun kecil untung sekian banyak. Tetapi kalau kita tengok realitinya, tidak seperti yang dia beritahu. Oleh sebab itu, dia kena kaji semula, kena tengok semula cara pengurusan yang buat itu perlu diberi perhatian. Pokok pangkalnya, saya katakan tadi, kalau agak Kementerian Pembangunan Luar Bandar rasa sulit, ubahkan urusan pekebun kecil ini, letak di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Kementerian Pertanian, ia bersangkutan juga dengan perkara tadi. Apa yang saya pernah sebut tadi, kerajaan hendaklah memberi perhatian kepada pengurusan pertanian secara komersial, secara berkelompok dan secara pengswastaaan. Kita sudah sebut berkali-kali. Kita tidak mahulah walaupun Tan Sri Sanusi, Menteri Besar Kedah ada menyebut hendak membuat bendang petak bertingkat-tingkat,

atas bumbung dan sebagainya. Itu mesej sebenarnya bukan begitu, macam lain. Tetapi kita jangan bawa keluar sesuatu yang keliru, yang rakyat tidak boleh fikir.

Cari jalan supaya boleh tanam padi, bawa keluar hasil yang betul dan selepas itu cara mana hendak diurus. Sekarang ini, petani-petani dalam dilema. Ada bendang sikit, akhirnya orang yang membajak sawah dia dapat duit, orang yang dia mesin padi dapat untung, yang dia tinggal habuk. Bayar hutang di sana sini, tengok-tengok tidak dapat apa-apa pun. Orang lain yang dapat untung banyak.

Sama juga dengan nelayan. Nelayan buat kerja, dapat hasil, jual di Siam, Siam jual balik, akhirnya nelayan itu jadi nelayan seumur hidup. Dia tidak boleh untung di mana-mana pun. Dia jadi kuli sahaja. Begitu juga pesawah-pesawah, begitu juga pekebun-pekebun kecil. Jadi, ini perlu diberi perhatian dan difikirkan. Petani tidak mampu berfikir. Kita tidak mahu ada agensi seperti LPP, PPK kawasan, mereka hanya menjadi agensi yang ada pegawai yang buat kerja rutin. Selepas itu buat kenyataan.

Dia langsung tidak fikir cara swasta bagaimana, hendak bagi saham petani ini ada di situ, selepas itu mereka yang urus dan mereka kontrak balik siapa yang sanggup buat ini dan mereka upah semua. Akhirnya, petani-petani kalau dia tidak buat kerja pun tidak apa tetapi sekurang-kurangnya nilai tanahnya itu menjadi saham pelaburan dalam itu balik. Ini yang kita mahu. Konsep ini yang kita mahu. Bukan pergi cari jalan. Kadang-kadang tanam padi ini, tanam pokok-pokok ini, bukan tentu dapat hasil. Kalau banjir datang, habis. Kalau kena penyakit, lingkup.

Jadi, risikonya cukup tinggi. Oleh sebab itu, sampai masanya kerajaan perlu mengambil alih, uruskan secara lebih komersial dan secara swasta. Dengan cara itu, dengan sendirinya akan membantu kerajaan, membantu rakyat dan ekonomi itu akan menjadi.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Zainal Rampak mahu minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Tuan Haji Abu Bakar kerana memberi laluan. Saya sungguh tertarik hati bila mana Tuan Haji Abu Bakar mencadangkan betapa perlunya pekerja-pekerja yang farmer sector, petani diberikan perhatian yang berat oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan mengubah nasib mereka dan mengubah cara-cara kerajaan bertindak menangani dan menolong mereka. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat setuju atas pandangan saya supaya, oleh kerana nasib mereka ini kadang kala mengikut keadaan seperti mana kata Yang Berhormat. Kadang kala kita tahu pendapatan mereka tidak menentu, kadang kala baik, kadang kala tidak baik dan mereka kebanyakannya memang selalu mengeluh. Saya sendiri pun Yang Berhormat, datang dari orang kampung, dibela di kampung di kalangan anak petani. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak kalau kita mencadangkan supaya mereka ini dilindungi di bawah satu skim yang dinamakan skim PERKESO atau Social Security Scheme.

Oleh kerana keadaan yang menimpa kepada mereka bila banjir, tanaman mereka habis dan pendapatan tidak ada dan sebagainya, mengapa tidak mereka ini dilindungi di bawah skim yang berkenaan bagi membolehkan mereka mendapat pendapatan apabila keadaan-keadaan sedemikian menimpa mereka termasuk juga skim yang telah kami cadangkan iaitu Skim Penamatan Perkhidmatan sewaktu mana mereka tidak mendapat pendapatan, oleh kerana Yang Berhormat cadangkan ianya supaya ianya di 'commercialized' kan. Jadi, dengan lain perkataan Kementerian Pertanian harus bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia menggubal satu dasar baru demi untuk menolong rakyat kampung dari golongan dalam farmer sector supaya mereka ini dapat hidup dan berbangga dengan arus kemajuan yang dinikmati oleh sektor-sektor yang lain. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju 100%. Kalau tidak silap, satu masa dulu semasa membahaskan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dulu, saya ada menyebut dan menteri pun ada jawab, sekarang ini kerajaan sedang dalam proses

mengkaji untuk melindungi petani, nelayan untuk diletak di bawah PERKESO ini. Saya memang cukup setuju supaya mereka ini juga diberi perlindungan semacam dengan PERKESO itu kepada petani-petani dan nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin ...

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, jadi popular pula sekarang.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Yang Berhormat banyak memberikan pandangan tetapi kebanyakannya ialah apa yang diperkatakan ialah kita mahukan pihak kerajaan untuk mengambil pelbagai tindakan.

Jadi, apabila Yang Berhormat berkata tentang pekerja, nasib petani, nasib nelayan dan mereka yang melaksanakan tugas-tugas dan kerja-kerja yang ada bermusim atau perlu melalui risiko-risiko cuaca dan sebagainya, saya terfikir adakah kita pernah berfikir bagaimanakah pula mereka ini sendiri perlu memikirkan bagaimana hendak membaiki nasib mereka dan mereka itu sendiri memberikan cadangan kalau memerlukan bantuan tetapi daripada mereka itu sendiri saya masih belum lagi dapat baca atau mungkin saya silap, bagaimana mereka pula boleh katakan mereka boleh mempertingkatkan tahap hasil, contohnya petani, bagaimanakah mereka dapat menambahkan pendapatan mereka.

Kalau saya balik kampung, mereka kata mereka ada pisang tetapi mereka tidak dapat jual sebab buah itu akan jadi busuk cepat sebelum dapat dipasarkan. Bagaimana dengan pemasaran? Apakah cara-cara pemasaran yang boleh dibuat supaya mereka dapat pendapatan yang lebih tinggi sebab kalau kita bersetuju bahawa kita perlu memberikan perlindungan mungkin pada amnya kita rasa dia memang baik tetapi pada jangka panjangnya ia mungkin akan menjadi beban kepada kerajaan. Bila menjadi beban kepada kerajaan juga akan menjadi beban kepada pembayar cukai. Jadi, saya ingin mendapat pandangan juga dari Yang Berhormat, bagaimana kita boleh melihat daripada dua pihak supaya ada satu keseimbangan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Puan Kamilia binti Ibrahim. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebab itulah Dato Seri Dr. Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain menyebut, kita harus memikir secara global, pemikiran yang lebih terbuka. Saya yakin Yang Berhormat Puan Kamilia, seorang peguam, dia lebih faham, bila kita sebut melaksanakan sistem PERKESO yang meliputi petani, nelayan bukan bermakna sikap petani, nelayan itu tidak berubah.

Saya, seperti Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak juga, berasal daripada anak petani. Saya biasa terlibat dengan kerja-kerja ini semua. Kita kena lihat sistem itu sendiri, sistem pertanian itu sendiri, petani-petani itu sendiri, nelayan-nelayan itu sendiri. Jadi, setakat ini kita dapati mereka sendiri sudah berusaha tetapi oleh kerana sistem itu sendiri yang menghalang, oleh sebab itu kerajaan perlu menggabungkan, dia perlu mempunyai satu badan yang lebih besar. Daripada kerajaan ada Tabung Amanah Ikhtiar, TEKUN, keluar duit melalui PPK, pertubuhan itu, pertubuhan ini yang berselerak banyak tetapi tidak ada satu sistem, lebih baik kerajaan menggembelingkan satu badan yang kuat, longgok duit di situ, kita rancang dan kita jalankan.

Saya yakin penuh, tidak ada petani, nelayan yang tidak sanggup hendak ubah sikap untuk memperbaiki diri mereka sendiri. Kalau kita perhatikan sekarang pun, kita pergi ke merata-rata kampung, merata ceruk, semua orang baik orang Melayu, Cina, India, mereka sudah sedar. Kesedaran itu sudah ada tetapi sistem itu yang menjadi penghalang. Inilah yang kita katakan memerlukan satu kuasa pentadbir untuk merancang, membuat satu dasar untuk membolehkan sistem itu menggembelingkan mereka ini. Saya percaya kalau dibuat begini, macam pada suatu masa dahululah, dahulu ada banyak benda yang kita tidak nampak, tetapi bila berjalan sekarang baru kita nampak.

Jadi, macam misalannya, petani-petani, dia ada tanah, ada 5 ekar, ada 10 ekar, ada 15 ekar. Itu boleh dijadikan sebagai asas di mana kerajaan katakanlah, boleh memberi peruntukan ini dengan cara sahamnya dibenarkan diletak di situ

sebab dia tolong uruskan. Esok, kalau ada petani-petani sendiri yang sanggup bekerja balik dengan pihak swasta, dia akan dibayar gaji. Selain daripada keuntungan yang dia akan dapat di atas saham-sahamnya kemudian nanti. Pengurusan ini penting. Kalau kita pecah-pecahkan, yang ada 5 ekar urus sendiri, yang tanam sayur urus sendiri, pihak itu urus sendiri, tidak ada badan yang hendak tolong gembelangkan, ini yang menjadi sulit, yang saya sebutkan tadi, sistem yang tidak menuju ke arah globalization. Ini penting, konsep ini. Saya bukan belajar ekonomi tetapi saya nampak, ini yang penting sebab itu saya kata sistem itu penting.

Oleh sebab itu dari segi hendak ubah pemikiran, minda tidak begitu sulit sebab orang boleh nampak, bila ada keuntungan macam kita beli saham juga. Kita tahu market sedang naik, saham meningkat, kita tahu bila hendak beli dan bila hendak dijual. Begitu juga petani, sekarang ini ramai petani yang tahu main saham dan sebagainya. Sudah tentu mereka sendiri tahu dan begitu juga dari segi pemasaran. Sekarang ini kerajaan menguruskan mengikut sektor-sektor. FAMA ada buat pasar tani, memang berjaya. Tidak ada siapa yang kata tidak berjaya. Dengan ada pasar tanilah sekarang ini sekurang-kurangnya petani boleh dapat cash in hand. Benda itu bergerak, ada jual beli dan sebagainya.

Kalau ada pasar tani, orang dalam bandar sendiri pun, dia tahu dekat mana ada pasar tani, dia pergi beli, dia boleh dapat barang fresh, harga berpatutan, dia ada pilihan. Jadi, benda itu sudah ada, tetapi pasar tani itu pun kerajaan sendiri yang ambil inisistif organized, begitu juga hal-hal lain. Macam sekarang ini, kawasan-kawasan sawah, orang yang ada jentera, yang menggunakan jentera pembajak, masih dikuasai oleh orang-orang tertentu, orang tengah ini. Taukehnya yang ada banyak jentera pembajak, dia bagi keluar, esok dia tetapkan harga dan sebagainya. Kerajaan masih lagi tidak boleh kawal, sedangkan kita ada LPP, kita ada PPK, kita ada BERNAS yang sekarang ini lebih berfungsi.

Sekarang ini kita boleh combine LPP dengan BERNAS dan persatuan nelayan yang dikatakan dahulu boleh dijadikan satu badan Lembaga Pertanian Negara. Kemudian kita adakan satu jentera yang kerajaan sendiri menggerakkan.

Jadi, saya nampak, inilah yang saya katakan tadi pegawai-pegawai yang ada kemahiran dalam bidang itu kena rancang, buat satu dasar, satu sistem yang boleh menguruskan hal-hal yang bersangkutan dengan pertanian dan juga nelayan ini. Di dalam peruntukan ini memang kita tengok dibahagi sebanyak RM26,500 ribu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada minta laluan.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Saya sungguh seronok Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bercerita berkenaan isu peladang dan petani. Sebab itulah saya selalu bangun untuk menyokong beliau dan memberikan pandangan-pandangan yang lebih baik demi untuk kepentingan bangsa, negara dan agama.

Saya ingin untuk menjelaskan seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kamalia tadi iaitu inisiatif peladang itu sendiri. Saya ingat peladang di negara kita ini bukan peladang 30 atau 40 tahun dahulu. Kebanyakan peladang hari ini telah berpelajaran, mereka tahu membaca dan telah membuat analisa. Kalau kita pergi ke kampung-kampung, kalau dia baca suratkhobar dia boleh interpret kandungan surat khabar, apa yang terkandung di dalamnya. Mereka bukan lagi orang buta huruf tetapi orang berpelajaran dan mereka telah menyatakan berbagai-bagai pandangan tetapi pandangan ini tidak dapat disampaikan kepada pihak-pihak yang tertentu.

Seperti mana kata Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar tadi jika sekiranya, saya tidak cuba untuk menjelaskan soal kedudukan persatuan peladang, persatuan petani, saya tidak undermind, dengan izin kedudukan kedua-dua organisasi ini, tetapi jika sekiranya persatuan-persatuan peladang dan petani-petani, keahliannya atau wakil-wakil yang menjadi ahli-ahli dalam kedua-dua persatuan ini diberikan ruang untuk mereka menyalurkan perasaan dan mengemukakan cadangan. Saya kira persatuan ini lebih berfungsi, lebih aktif dan



dapat lebih bergerak untuk menyalurkan pandangan-pandangan mereka, cara mereka untuk memperbaiki taraf hidup mereka dan ke arah kemajuan mereka.

Saya lihat macam di Eropah, peladang-peladang dan petani-petani adalah lebih kaya daripada orang yang tinggal di bandar. Orang yang tinggal di bandar akan menghormati kalau sekiranya dia tengok peladang datang ke bandar. Mengapa tidak kita lakukan ini? Kita cuba, seperti kata Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar tadi kita kaji semula. Kita cadang kepada Kementerian Pertanian, kementerian yang berkenaan kaji semula fungsi-fungsi persatuan peladang, persatuan nelayan, kita jolokkan dengan idea-idea yang baru.

Kita kemukakan pandangan-pandangan yang bernas dan kita tidak mempunyai kekurangan kepakaran. Banyak kepakaran yang dikeluarkan oleh Universiti Putra, universiti-universiti dalam negara ini yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang. Kita gunakan mereka ini, duduk dalam persatuan-persatuan ini untuk menolong persatuan berkenaan untuk menggerakkan petani-petani, untuk menjadikan petani-petani lebih aktif dan lebih bertenaga untuk mengemukakan pandangan dan menghidupkan persatuan mereka serta membangkitkan pertumbuhan ekonomi, pengeluaran mereka demi untuk kepentingan negara, bangsa dan agama setanding dengan negara-negara lain.

Saya kadangkala berasa bangga sewaktu saya menghadiri persidangan, kalau ada masa lapang sama ada hari Sabtu atau hari minggu kalau tidak ada persidangan, saya selalu keluar dari pekan-pekan besar dan melihat petani-petani di luar bandar seperti di Switzerland, France dan di mana juga. Mereka ini bekerja mengikut keadaan-keadaan dan saluran-saluran tertentu dengan adanya nasihat yang tertentu mengikut dasar kerajaan yang telah diwujudkan. Kenapa tidak kita lakukan? Saya ingin melihat, besar kemungkinan Tuan Haji Abu Bakar juga bersetuju dengan saya, kita ingin memajukan negara kita ini iaitu negara pertanian sebagai satu sumber kemajuan dan perkembangan ekonomi dalam negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin respond kepada Yang Berhormat Senator Zainal tadi. Saya memang gembira dengar yang ada inisiatif-inisitif daripada pertubuhan-pertubuhan dan sebagainya tadi. Saya merasakan tidak perlu lagi kerajaan mengulang kaji, kalau betul pertubuhan-pertubuhan ini ada rancangan-rancangan dan ada inisiatif untuk membangunkan pertanian atau pun apa yang mereka laksanakan, saya rasa tidak perlu lagi kerajaan mengkaji. Saya rasa kerajaan telah mengkaji pelbagai perancangan dan mewujudkan pelbagai agensi. Adakah tidak wajar jika kalau tadi Yang Berhormat mengatakan mereka boleh mengambil kepakaran dari Universiti Putra dan sebagainya tidakkah boleh persatuan-persatuan itu mengambil inisiatif sendiri melaksanakan apa rancangan mereka. Sebabnya saya merasakan sindrom pergantungan kepada kerajaan ini terlalu tinggi dalam negara ini terutamanya bagi petani-petani dan juga nelayan-nelayan kerana ada pertubuhan-pertubuhan tetapi terlalu bergantung kepada kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa eloklah saya tidak benarkan Yang Berhormat Tuan Zainal bangkit jawab. Jadi dia tahu Yang Berhormat Kamilia dan Yang Berhormat Tuan Zainal pulak kan? Tetapi walau macam mana pun, saya alu-alukan campur tangan mereka sekurang-kurangnya dia boleh bagi saya relax sekejap. Saya sambung balik. Terima kasih. Pandangan ini semuanya yang baik tetapi kita tidak bolehlah pertikai sesama sendiri. Tetapi Yang Berhormat Kamilia kata itu pun tidak tahulah itu aspeknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit lagi berkenaan dengan Kementerian Pertanian ini sebab ini bersangkutan dengan petani. Kalau pegawai kerajaan tadi saya minta kerajaan semak semula gaji, rasanya tidak adillah kalau saya tidak bercakap bagi pihak petani. Kita boleh buat satu sistem, kita tahu sekarang ini kerajaan telah meluluskan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) dan

di dalam Dasar Pertanian Tiga ini sudah tentu kerana dia lihat dasar pertanian lama masih tidak lengkap dan ada kelemahan, sebab itu dirangka Dasar Pertanian Tiga. Oleh sebab itu, perkara-perkara yang disebut oleh rakan-rakan kita tadi sudah tentu boleh diambil kira dalam masa kita hendak melaksanakan dasar-dasar itu.

Saya nampak masih ada ruang yang menjadi kelemahan. Misalannya saya boleh bagi satu contoh. Di negeri-negeri kita ada Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri dan Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan. Ini agensi-agensi yang terlibat. Nelayan pula kita ada Persatuan Nelayan, Lembaga Kemajuan Ikan di peringkat negeri dan peringkat Persekutuan. Semua ini adalah agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk membantu golongan-golongan yang saya sebutkan tadi. Begitu juga FAMA untuk pemasaran, apa lagi? Ada lagi badan-badan lain, BERNAS ini satu badan swasta yang masih menggembelkan urusan padi, beras dan sebagainya.

Apa yang saya hendak sebut di sini, agensi-agensi ini yang berkhidmat di dalamnya adalah pegawai-pegawai kerajaan yang masih terikat dengan sistem pentadbiran kerajaan secara orthodox. Saya minta maaf. Terikat dengan peraturan itu. Oleh sebab itu pemikiran mereka kadang-kadang hanya fikir dari segi pbekerja, cukup bulan terima gaji. Kalau hendak buat sesuatu yang bertambah daripada itu pun, saya minta maaf juga, ada kemungkinannya dia fikir ada atau tidak kepentingan peribadinya sama yang boleh dia dapat sikit-sikit, baru dia fikir. Yang lain-lain tidak. Jadi, maknanya kawalan itu masih di peringkat pegawai, di peringkat agensi itu sendiri. Peladang-peladang tidak ada kata pemutus walaupun peladang berbincang bagi pandangan hendak buat itu dan ini tetapi keputusan muktamadnya dibuat oleh pegawai-pegawai dalam agensi itu sendiri.

Beberapa percanggahan telah pun berlaku di antara LPP dengan petani, di antara PPN dengan petani dan di antara PPK dengan petani. Kita tahu sendiri, ada setengah pegawai-pegawai itu sendiri dia menganggap dia di bawah satu agensi yang dikawal oleh peringkat Persekutuan. Maka kadang-kadang dia tidak mahu bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri. Dia tidak mahu bekerjasama dengan

pihak-pihak petani dan sebagainya. Dia tidak mahu bekerjasama dengan badan politik yang memerintah kerajaan. Dia kata dia seharusnya berkecuali, tidak mahu memihak mana-mana pihak, sedangkan dengan jelas kerajaan yang memerintah sekarang ini Kerajaan Barisan Nasional. Dia tidak faham prinsip parti menguasai kerajaan, prinsip dominan parti yang berjaya memerintah secara sah sehingga pilihan raya, parti itu akan berkuasa dan berhak buat polisi dan agensi jabatan kena ikut polisi itu. Ini jelas.

Itu bukan satu benda yang luar biasa tetapi kadang-kadang sengaja tidak mahu difahami. Oleh itu apa yang kita minta dikaji semula sekarang ini peranan LPP, PPN, PPK dengan benda yang hendak dilaksanakan untuk manfaat petani-petani dan juga nelayan-nelayan seperti persatuan nelayan, tidak apalah persatuan nelayan pun nelayan yang pegang tetapi kuasa yang muktamad itu pegawai-pegawai Lembaga Perikanan dan sebagainya. Ini yang saya katakan tadi, kalau kita perhatikan sebenarnya, kalau pergi tinjau pendapat sebenar ini masih menjadi penghalang yang sukar diterima oleh pegawai-pegawai ini. Sampai sekarang ini pun saya ada bukti yang akan saya sampaikan kepada pihak yang di atas supaya orang-orang tertentu ini ditukarkan. Dia tidak boleh bagi khidmat yang boleh bagi manfaat kepada golongan petani di tempat itu, jadi apa guna kita letakkan orang yang macam ini, kita sanggup terima orang yang tahu sedar kesilapan mahu ubah sikap dia, tetapi sekarang ini masih ada golongan yang begini.

Jadi masalah tadi tidaklah timbul yang saya katakan yang kita perlu pakar-pakar yang betul-betul mahir yang tahu dalam keadaan itu macam Yang Berhormat Zainal sebutkan tadi kita ada Universiti Pertanian, kita ada pihak Research and Development, dengan izin, yang terlibat dengan bidang sektor pertanian. Orang-orang yang pakar yang ada kemahiran dan kalau boleh apa salahnya kalau dalam sektor MSC - multimedia kita boleh panggil orang luar, dalam bidang pertanian pun guna kepakaran daripada luar macam Amerika, Jepun, Korea apa semua. Ini untuk faedah petani, apa salahnya, untuk faedah nelayan. Negeri-negeri yang maju dalam bidang itu, kita minta kepakaran, suruh mereka

buat kajian di Malaysia macam mana yang patut kita buat. Apa salahnya? Oleh sebab itu bidang-bidang seperti ini harus diberi perhatian yang lebih khusus.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwat Pengguna ini, saya rasa ini terlibat banyak dengan rakyat, dengan pengguna sama ada mereka ini bekerja sendiri, buruh kasar, petani, peladang, pegawai kerajaan. Setakat ini kita dapati kerajaan masih mampu mengawal, mampu melaksanakan tanggungjawab tetapi masih ada loop hole, dengan izin, masih ada perkara-perkara yang kadang-kadang pengguna menjadi mangsa.

Misalannya dari segi kenaikan harga barang, dari segi penipuan barang-barang asli dengan barang-barang tiruan. Penipuan dari segi buat perjanjian, beli secara sewa beli (hire purchase), kita buat agreement. Kadang-kadang pengguna yang menjadi mangsa, kita tahu dari segi load faedah interest, bayaran itu, bayaran ini, lepas itu akhir-akhirnya bayar, bayar, bayar, tengok-tengok baki hutang masih lagi banyak. Kadang-kadang orang yang tidak ada pengetahuan bersangkutan dengan undang-undang, bersangkutan dengan sistem faedah ini, konomya sekarang ini kita sudah jalankan sistem kewangan cara Islam dan sebagainya. Dia sebut untung bagi dua dan sebagainya, kita pun tidak faham. Tetapi masih lagi terikat dengan kaedah itu dan benda-benda yang semacam ini sepatutnya kalau perlu kita kena ada satu panel di peringkat negeri yang menggembelngkan di antara persatuan pengguna dengan pihak kerajaan yang membolehkan rakyat mendapat borang format yang disediakan untuk buat laporan.

Kalau setakat hendak berbincang dalam mesyuarat persatuan pengguna masa setahun sekali hendak tulis dalam surat khabar, tidak berkesan, kita boleh buat aduan sepanjang masa yang setiap masa dia boleh pergi dapat borang ini, dia boleh isi, boleh kompelin apa benda yang dia rasa tidak puas hati. Lepas itu dalam masa sekian-sekian dia kena ada tindak balas, jawapan. Kalau tidak, dia tidak berkesan. Saya perhati sekarang ini kalau kita boleh adakan sistem seperti yang saya sebutkan tadi, insya-Allah, masalah penipuan yang berlaku kepada pengguna-

pengguna ini dalam segala jenis kegunaan termasuklah daripada yang setinggi-tingginya sampai ke peringkat rendah sekali dari segi perumahan, beli barang dan sebagainya.

Sekarang rumah pun saya pernah dengar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan buat syarat kepada pemaju-pemaju rumah apabila hendak beli rumah, pemaju kena pastikan rumah itu rumah yang sudah siap baru boleh jual. Banyak kali dok dengar macam itu tetapi dia buat iklan, advertisement rata-rata ada projek rumah, bayar deposit sekian banyak rumah itu akan siap sekian-sekian lama, pergi beli. Masih lagi boleh berjalan macam itu. Lepas itu harganya boleh diskaun bumiputera sekian peratus, bukan bumiputera sekian peratus. Harga rumah jenis-jenis ini sekian-sekian banyak, tetapi kadang-kadang ada juga pembeli-pembeli yang pergi berhubung tanya-tanya 'tak dan' apa, dia kata sudah habis, ataupun kalau ditanya dia minta serta-merta hendak buat pendaftaran dia minta bayar dahulu deposit sekian banyak. Bila kita tanya rumah siap bila, kalau daftar sekarang, tahun 2001, lepas itu duit itu kena dump di situ yang dia tidak bagi faedah, dia tidak bagi apa-apa cuma kita taruh sebagai deposit, dapat resit.

Cuba bayangkan bagi orang-orang yang pendapatan sederhana yang hendak kena buat booking hendak beli rumah kos sederhana begitu sahaja, lepas itu dia pinjam, selepas itu kena proses loan, dia kena bayar ikut progress, ikut peringkat-peringkat itu. Kalau sudah semula pihak institusi yang bagi pinjaman itu macam sekarang orang-orang yang tidak layak kerja dengan kerajaan kena mahu sampai sekian masa disahkan baru boleh layak dapat pinjaman kerajaan. Kalau tidak dia kena ambil pinjaman bank, kalau ambil pinjaman bank, bila bank sudah release sekian-sekian banyak pinjaman dia tidak boleh mula bayar esok dia accumulate dia punya faedah itu, dia sambung-sambung lama-lama tertunggak, jadi banyak. Kalau pinjam dari kerajaan, kerajaan release sekurang-kurangnya ada period.

Oleh sebab itu saya berpendapat Bahagian Pinjaman Perumahan atau pun syarikat perumahan kena tubuh satu dana, dana perumahan kos rendah untuk hendak tolong pembeli-pembeli rumah kos sederhana dan kos rendah ini dapat

pinjaman daripada tabung itu dan dia tidak terikat dengan institusi yang hendak dikenakan syarat macam-macam. Setengah dia bubuh iklannya kata mudah, seminggu boleh dapat pinjaman, pi dok berkira dok berkira mai hak seminggu jadi sebulan. Lepas itu pinjaman itu lambat release, tengok syarat pula kalau umur sudah sekian-sekian tidak boleh, kalau kerja tidak ada satu jaminan tidak bagi, ini susah sesetengah dia kerja sendiri yang tidak tentu pendapatan, sulit juga.

Jadi kalau dia ada satu tabung ataupun dana perumahan kos rendah dan sederhana yang membolehkan orang yang tidak perlu ada cagaran, rumah yang hendak dibeli itu sendiri akan jadi cagaran. Besok dia tidak boleh bayar rumah itu boleh kira lain .dengan tidak payah kena syarat-syarat sampai siap dia tahu dah berapa rumah. Sebab itulah bila ada dana ini syarikat perumahan itu dia tengok mana-mana pemaju yang buat rumah kos rendah dia tidak suruh pembeli itu beli terus, dia sendiri akan ambil kuota itu. Di semua negeri ada, dia akan beli kuota-kuota daripada pemaju, lepas itu didaftarkan pembeli-pembeli rumah yang tidak ada rumah lagi bagi keutamaan. Hak ada rumah yang kedua kalau dia ada anak, kita bagi keutamaan yang kedua, kita ikut prioriti macam itu.

Sekarang ini di bandar-bandar, kalau tempat-tempat yang strategik, rumah-rumah kos sederhana ini dibeli oleh orang-orang yang speculate, yang ada duit dia beli share, share naik dia jual, dapat duit banyak dia beli rumah, dia labur, lepas itu besok rumah itu disewa ataupun ada second buyer yang offer bagus sedikit dia jual. Itu yang berlaku sekarang, kita tahulah baguslah dari segi industri rumah, tetapi manfaat kepada rakyat siapa yang dapat. Ini yang menimbulkan rasa tidak puas hati. Oleh sebab itu kita tidak harus abaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah ini.

Jadi sekali lagi saya cadangkan supaya dalam masalah ini dia ada bahagian itu tetapi saya masuk dalam bahagian itu sudah supaya kerajaan di bawah persatuan pengguna ini memikirkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tubuh satu dana, iaitu Dana Perumahan Kos Rendah dan Sederhana yang boleh memberi pinjaman kepada golongan-golongan yang hendak ambil di bank

payah, hendak pinjam kerajaan tidak boleh, umur pun kadang-kadang, pendapatan pun tidak tetap, supaya dia boleh pinjam dan dia tidak terikat dengan hendak kena bayar bayaran yang tidak perlu yang akhirnya berlonggok-longgok tertunggak sampai dia kena terhutang sampai mati pun bayar rumah tidak habis. Jadi itu pada pandangan saya patut diberi perhatian.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini dari segi kesihatan. Kita dapati ini satu perkara yang cukup penting. Sekarang ini pihak farmasi, ataupun pihak-pihak jualan secara langsung dan sebagainya cukup banyak. Dia boleh bebas jual ubat yang macam-macam. Kalau kita pergi supermarket pun dekat luar kaki lima pun ada, dia hendak tengok penyakit kena RM10 peringkat permulaan, selepas itu dia beritahu kena penyakit ini, penyakit itu ubatnya ini. Cuba bayangkan kalau dia guna alat-alat moden macam guna komputer yang boleh tunjuk mata kemudian tunjuk bahagian ini yang boleh tengok, boleh kesan, dia kata kawan ini ada penyakit ini, orang-orang yang biasa yang tidak berapa ada pengetahuan, guna pula yang canggih ini sudah tentu akan terpengaruh. Lepas itu dia nasihat pula dia kata, Oh! dia ada penyakit ini, kena beli ubat yang dia jual ini - dia beli. Kalau benda itu memang bagus dan kerajaan sudah akui sah kita tidak kisah. Yang kita bimbang ini takut berlaku penipuan. Dia guna kaedah itu hendak menarik orang supaya pergi, lepas itu dia dapat kaut duit tetapi penyakit kawan itu jadi macam itu juga. Ini satu penipuan yang Persatuan Pengguna kena ambilkira.

Begitu juga jualan barang-barang. Kadang-kadang dia boleh campur barang tiruan, barang Siam, dia bubuh 'jualan murah', '(cheap sale) 'jualan penghabisan', macam-macam dia iklan. Jadi, bila kita pergi tengok sebenar orang tertipu. Dalam banyak barang itu dia boleh selit, boleh letak barang-barang yang elok, yang tidak elok, cacat dan sebagainya. Kalau Reject Shop itu tidak apalah, kita tahu Reject Shop, barang-barang di situ sudah ada sedikit sebanyak kita tidak boleh kesan. Tetapi tempat-tempat penipuan secara terhormat ini susah hendak kita kenal pasti benda-benda yang saya sebut tadi dan benda ini memang berlaku. Dan kita tahu



orang-orang yang hendak berniaga ini sudah tentu hendak ambil kesempatan, hendak cari untung dan cara mana pun macam itu.

Jadi, kita memang sedar kemampuan pihak kementerian, pihak kerajaan, persatuan pengguna memanglah tidak sampai ke tahap itu tetapi kenalah cari jalan bagaimana caranya hendak memperbanyakkan lagi Persatuan Pengguna hendak beri kuasa kepada orang-orang tertentu macam saya sebut keselamatan jalan raya hari itu adakan satu panel orang-orang yang boleh membuat laporan yang boleh menggunakan borang untuk melapor balik kepada kerajaan. Itu pun satu jalan yang kita tidak payah fikir ini hendak membebankan kerajaan. Tetapi jikalau tidak ada sesuatu cara yang kita boleh buat maka perkara itu akan berterusan berlaku seperti itu juga yang akhirnya yang menjadi mangsa ialah pengguna itu sendiri.

Begitu juga baru-baru ini susu tepung dan sebagainya, masuk surat khabar sekali dia kata ini ada racun, ada dioxin dan sebagainya tetapi benda itu apabila diberitahu, sesetengah orang sudah beli banyak. Jadi orang yang susah ini bila dia beli, sekarang susu satu tin harganya antara RM20 - RM30. Kalau diberitahu susu itu ada kuman dan sebagainya, kita ingat dia hendak jual balik? Dia tidak akan jual balik, mahu tidak mahu dia buka tin susu itu kerana anak hendak minum, dia bancuh dan habiskan jugalah. Jadi, oleh sebab itu benda-benda yang semacam ini patutnya kita kena cari jalan. Kalau hendak beritahu ada kuman dan sebagainya yang boleh memberi kesan kepada kesihatan, kita cari jalan supaya rakyat tidak terperangkap, ada ruang masa mereka hendak ambil tindakan itu dan kalau berlaku semacam itu kerajaan patut adakan satu agensi, satu badan, agar rakyat yang tertipu boleh bawa susu dan tukar balik. Lepas itu melalui agensi ini juga mereka boleh serah balik kepada peniaga yang terlibat dengan jualan itu, kalau ada resit. Hendak ambil resit kadang-kadang resit sementara hendak habis susu setin resit sudah hilang, dia buangkannya. Mana dia tahu, dia tahulah tempat beli. Tetapi kalau hendak tukar balik kalau tidak ada resit orang tidak terima. Ini masalah-masalah yang berlaku.

Begitu juga dari segi insuran dan sebagainya. Ramai rakyat biasa tertipu dengan jualan ejen-ejen insuran ini. Dia beri jaminan itu dan ini, bila sampai masa hendak tuntutan ada banyak masalah lepas itu pihak-pihak itu tuntutan pula kena bagi dia sekian percent, akhirnya kalau tuntutan RM5,000 orang lain dapat RM3,000, dia dapat RM2,000 sahaja. Jadi, perkara-perkara macam ini Persatuan Pengguna kena beri perhatian dan caranya fikir sendirilah macam saya kata tadi buat borang dan sebagainya, kalau kita hendak timbulkan masalah yang disungut oleh rakyat. Saya rasa setakat ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam perkara-perkara penting, perkara-perkara besar sudah boleh kawal dan cumanya ada perkara-perkara yang saya nampak macam boleh beri perhatian misalannya di kedai-kedai hiburan. Tempat-tempat yang saya sebut ini ialah tempat-tempat yang bukan sahaja menarik remaja, belia pergi situ. Dia pergi situ lepas itu bila dia ulang-ulang besok perkara lain yang akan berlaku. Dia edar dadah, dia terlibat dengan seks bebas, terlibat dengan curi, terlibat dengan memandu, jadi lepas lepas itu macam-macam boleh berlaku.

Oleh sebab itu, tempat-tempat yang menjadi punca menimbulkan masalah gejala sosial negatif ini mesti diberi perhatian. Kadang-kadang dia pergi rampas, dia pergi tengok kawan itu tidak ada lesen pun, dia boleh beroperasi buat tempat hiburan yang belia-belie boleh pergi main cara ini. Kononnya ditulis di situ kanak-kanak sekolah dilarang, dilarang sahaja. Tetapi yang masuk di dalam tengok budak-budak sekolah juga. Jadi, penguatkuasa itu kena tegas. Kalau kita pergi ke Singapura, macam mana Kerajaan Singapura boleh buat, disiplinkan rakyatnya. Jalan tidak boleh daripada had laju, tidak boleh buang sampah, tempat ini tidak boleh jual itu, dia boleh tegas, kita tidak boleh buat. Ini perlu difikirkan. Kalau kita beri perbandingan kadang-kadang kita kata apa perlu kita banding dengannya. Kalau perkara yang baik, tidak salah kita ikut contoh. Hak yang tidak baik kita tidak mahu. Jadi kena juga ambil kira.

Saya pernah tengok ada kedai-kedai sekarang ini, saya minta maaf, oleh kerana kita sudah tetapkan negara kita ini sebagai negara agama Islam agama

rasmi, jadi kita tidak benar jual benda-benda haram secara terbuka misalnya arak. Kalau kita round di Kuala Lumpur ini pun, Jalan Ipoh, Jalan Tuanku Abdul Rahman, kedai-kedai kopi biasa, kita tahulah ini masalah orang hendak berniaga. Seseengah kedai kopi ini tidak laku, dia sudah berniaga pun tidak boleh. Dia kena cari benda itu untuk tarik orang. Kita tahu itu masalah mereka. Tetapi dalam masa yang sama, kalau dibenar jual arak secara terbuka, kalau di tempat tertutup yang bukan terdedah, orang lalu tidak nampak, itu lainlah. Kemudian dia tulis pula, 'bukan untuk dijual kepada orang-orang Islam' ataupun 'hanya untuk orang bukan Islam'. Tetapi yang dijual dikedai kopi saya katakan tadi, tidak ada tulis apa-apa, nampak terang-terang arak, Anchor apa semua benda ini dijual secara terdedah.

Jadi, benda-benda yang macam ini, kadang-kadang budak-budak remaja ini yang sudah pergi penat lelah merata ceruk di tempat-tempat pusat hiburan tadi, yang berlumba secara haram dan sebagainya, bila mereka berhenti kadang-kadang, mula-mula dia hisap rokok, selepas itu dia minta minum dengan kawan-kawannya – itu yang mula punca itu. Padahal arak ini semua bukan secara haram dari segi agama Islam sahaja sebenarnya dari segi moral orang yang beragama lain pun kalau minum banyak-banyak dia hendak bawa kenderaan tidak boleh sebab ia memabukkan dan boleh merosakkan kesihatannya. Jadi, saya rasa kerajaan perlu tegas dalam masalah ini, tidak boleh biar secara berleluasa, peniaga-peniaga kedai kopi jual secara bebas benda-benda macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh berkenaan dengan Kementerian Pertahanan ini penting. Kementerian Pertahanan ini mendapat tambahan RM49,302,500.00. Sudah tentulah peruntukan tambahan ini ada bidang-bidang yang ia beri tetapi apabila saya sentuh Kementerian Pertahanan saya hendak sentuhlah perkara-perkara yang menjadi isu sensitif, isu-isu yang perlu. Kita buat persiapan dari segi pertahanan apa-apa pun bukan niat kita hendak lawan, hendak berperang sebab peperangan itu sama ada negeri itu mampu ke tidak mampu akhirnya keputusannya bukan menguntungkan mana-mana pihak, dia lebih merugikan, dia lebih menimbulkan masalah. Jadi, dalam masa yang sama kita tidaklah boleh

membiarkan sistem pertahanan kita sampai orang tidak rasa takut langsung. Kalau kemungkinan berlaku apa-apa kita tidak mampu, sekurang-kurangnya hendak mempertahankan bukan hendak serang, hendak mempertahankan sempadan kita baik di laut, udara mahupun di darat. Ini kita harus beri perhatian. Misalannya ada banyak contoh kalau kita hendak banding dengan negara jiran kita sekarang ini dia sudah ada roket peluru berpandu yang capacitynya, boleh menjangkau sasarannya pergi mana-mana pun, tempat dia boleh pergi. Lepas itu kapal terbangnya lebih sophisticated daripada kapal terbang kita. Kapal selam dia pun setengah sudah ada. Jadi, benda-benda yang macam ini kita perlu prihatin dan kita kena ambil tahu juga. Kita takut sampai satu masa kalau berlaku apa-apa waktu tidak ada gunalah.

Oleh sebab itu, kita kena beri kesedaran dan kesedaran ini boleh diberi melalui pusat-pusat pengajian tinggi, melalui sekolah-sekolah, melalui persatuan-persatuan, melalui badan-badan yang terlibat dengan kumpulan ini dan boleh juga diberi melalui media-media elektronik seperti TV. Yang menjadi masalah sekarang ini kalau kita siar dalam TV pun rancangan-rancangan yang hendak membina ketahanan diri dan patriotisme kadang-kadang orang tidak berapa minat dan begitu juga komputer. Dalam Internet kalau hendak access yang ada itupun, yang dia ambil yang lain, yang hendak menghentam kerajaan, pemimpin itulah yang dia minat hendak membaca tetapi benda-benda yang positif kita hendak mencari jalan bagaimana hendak mendekati supaya orang-orang ini berminat kepada benda-benda yang positif.

Jadi, kita hendaklah mencari jalan misalnya kita hendak membuat iklan, takkanlah hendak membiarkan pengeluar rokok, orang-orang perniagaan hendak letak iklankan itu juga, kita kena iklan juga supaya semangat patriotisme, ketahanan diri, ketaatsetiaan kepada negara, kepada pemimpin, kepada pemerintah semua, kita kena mendedahkan (expose) dan kita tidak mahu membuat lambang, membuat patung, itu tidak boleh, bercanggah dengan ini. Kita bubuh dengan benda-benda yang boleh menimbulkan semangat kebangsaan, semangat patriotisme dan semangat sanggup berkorban.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan lagi dengan Kementerian Pertahanan, dalam masa yang sama seperti yang saya sebutkan tadi dalam perkhidmatan awam, orang-orang yang terlibat .....[*Terganggu dengan seorang ahli hendak keluar dari Dewan*]. Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa, masa belum habis lagi, esok ada sehari lagi, selepas itu minggu hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, semangat patriotisme seperti yang saya sebutkan, ia memerlukan pendidikan rohani, jiwa bukan jasmani, kalau jasmani mungkin tidak boleh bertahan sebab roh, jiwa itu yang penting, sebab itu ia hanya berlaku melalui pendidikan dan melalui agama. Bagi orang Islam agama Islam, bagi orang lain pun kena masukkan unsur-unsur itu melalui agama masing-masing, boleh dibuat. Kita berharap supaya benda ini sentiasa digalakkan dan seperti yang saya katakan tadi gunakan media elektronik yang ada, gunakan tempat-tempat tertentu untuk menulis kata-kata yang boleh menuju ke arah itu, keluarkan risalah, khutbah-khutbah Jumaat. Kita boleh masukkan, janganlah khutbah Jumaat pun kita biarkan bagi menghentam orang lain, mengatakan benda-benda yang terlibat dengan isu-isu politik, yang seperti itu kita tidak buat, yang ini bercanggah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pendidikan telah banyak saya sentuhkan, cuma yang saya hendak sebutkan sedikit, saya ada membawa satu potongan akhbar hari ini iaitu yang bertajuk; "*Kaji kolej tawar program singkat*". Inipun satu masalah yang memang pun kita jangka daripada dahulu lagi, apabila kita membenarkan pihak swasta, swasta yang penting hendak membuat duit, mencari jalan misalnya membuat twinning program dengan itu, dengan ini, selepas itu dia hendak beritahu dia punya tempat bagus, boleh belajar dengan harga yang murah dan sebagainya. Kemudian dalam masa yang sama dia akan mencari jalan supaya kosnya lebih rendah dan perniagaannya boleh meningkat maju.

Kalau kita membaca dalam ini, jelas sudah ada pihak-pihak institusi pengajian tinggi pihak swasta mengatakan, apa pandangan yang diberi daripada hasil seminar pendidikan swasta, menunjukkan dalam pendidikan sudah ada cara-

cara untuk mengeksploitasi daripada dasar kerajaan mengadakan institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta. Yang menjadi mangsa kelak ialah rakyat, pelajar-pelajar dan sudah tentulah rakyat atau pelajar-pelajar yang kurang mampu yang menerima akibat yang lebih teruk lagi. Orang-orang yang mampu, mereka boleh menghantar ke institut pengajian tinggi yang memang diiktiraf (established), orang-orang yang agak sedikit ini yang kerajaan hantar tidak apalah tetapi yang tiada jalan keluar. Dia boleh menawarkan dengan memberi pinjaman dan sebagainya, dia boleh ini dan itu untuk menarik masuk. Apabila sudah masuk, terikat dan separuh jalan, duit sudah belanja sedikit dan dia hendak bawa ke mana. Yang ini kita tidak mahu dan kita ada LAN, tidak tahu apa Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Lembaga Akreditasi Negara.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang hendak membuat penilaian, macam-macam kita ada tetapi kita bimbang takut ada sahaja tetapi tidak mampu hendak mengawasinya. Ini kita kena fikirkan sejauh mana badan-badan yang kita wujudkan mampu untuk memantau, hendak melihat semuanya ini. Hendak memberi ibu bapa di kampung-kampung yang sibuk membuat kerja mencari makan, tidak sempat malah guru-guru kaunseling pun kadang-kadang, cuba pergi tanya pendapat mereka, dok kelam-kabut dengan reformasi tidak sempat hendak menasihati pelajar-pelajar. Sokong yang itu, sokong yang ini, akhirnya apabila pelajar tanya, buat pilihan sendiri dan isi sendiri, jadi berkecamuk.

Sekarang ini cukup banyak, twinning program, kemudian francais, ITM bagi kolej ini francais tetapi apabila hendak melihat kualiti itu, kita tidak tahu lagi 'outcome'nya. Anak saya sendiri pernah terlibat apabila dapat tawaran masuk, course yang dia minta, first choice yang lain, second choice yang lain, third choice yang lain, tiba-tiba dia beri terus choice yang lain. Kononnya di'access' melalui komputer, saya tidak mahu salahkan mana-mana pihak, komputer pun manusia yang memprogramkannya tetapi kita pun sudah tahu dan dia pun minta pandangan

ibu bapa, pandangan guru, semuanya dan kita tengok minatnya semua kita letakkan di situ dengan kelulusannya. Tetapi apabila masuk kononnya penentuan dibuat oleh pusat pengajian yang kerajaan taja di peringkat kementerian.

Yang paling malangnya, saya beri contoh yang senang - anak saya, ramai lagi orang lain berlaku seperti itu. Pada mulanya masuk UIA, diberi course yang dia tidak minta, dia tidak minat tetapi dia ikut juga, dalam masa itu dia ingat kalau minta dia boleh ubah sehinggakan jumpa dekan. Sewaktu itu UIA ramai sokong Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, saya bercakap terus terang, termasuk pensyarah, ketua-ketua dekan dan semuanya penyokong Dato' Seri Anwar.

Jadi, apabila dia tahu secara kebetulan anak saya ini anak Senator, terlibat orang penyokong kerajaan, dia tidak mahu beri tukar. Pada mulanya dia suruh ikut dahulu, habis satu semester nanti, minta tukar barulah diberi. Apabila sampai masa, tidak tukar juga, saya buat surat, dia tukar tetapi beri course lain terus, yang diminta tidak beri juga. Daripada course yang dia minta computer accountancy, dia tukar kepada course Human Science. Human Science pun dia tidak minat, dia hendak minta course lain, course undang-undang tetapi tidak diberi, course yang lagi satu dia minta, tidak beri. Akibatnya saya terpaksa suruh anak saya minta keluar terus daripada UIA, dia minta berhenti, dia apply lain. Apabila apply lain, hantar borang buat pilihan, satu, dua, tiga jurusan yang dia minat, ditakdirkan bahagian pengambilan pelajar-pelajar ke institut pengajian tinggi hantar balik dan dapat course yang sama juga dengan yang dia tidak mahu buat di UIA.

Saya berkata, "Apa cerita ini?" Tetapi kali ini dia masuk ITM, saya kata, "Tidak apalah" ITM pula diberi ITM Arau, dekatlah, bukan masalah saya dekat atau jauh tetapi diberi course yang telah dia keluar dari UIA. Saya telefon beritahu, "Kalau course yang ini juga lebih baik dia kekal di UIA". Apa makna suruh berhenti, sudah rugi hampir setahun, tiba-tiba minta lain dapat course yang sama. Akhirnya suruh pergi sendiri ke ITM Shah Alam, buat surat, tidak mula lagi kemudian baru boleh tukar. Saya tidak tahu, apa perlunya disuruh mengisi borang, beritahu keputusan peperiksaan dan sebagainya dan membuat pilihan pertama,

kedua dan ketiga sedangkan diberi pilihan yang lain. Ini yang saya katakan tadi, manusia mengambil jalan mudah, sudah tidak memikirkan apa-apa, selepas itu apabila orang tegur dia kata tidak patut, pada hal kesilapan yang dia buat tidak mahu mengaku. Ini satu contoh yang saya sebutkan tadi yang perlu diberi perhatian.

Jadi, dalam bidang pendidikan bersangkutan dengan apa yang saya sebutkan tadi, institut pengajian tinggi awam dan swasta ini sudah ada institut pengajian swasta yang cuba hendak membuat penipuan, hendak memendekkan masa tempoh belajar. Kita tahu pelajaran ini kalau LAN atau kementerian telah tetapkan course dalam bahagian sekian, sekian dia kena buat permulaan sekian lama, selepas itu dia kena ikut sekian lama barulah diiktiraf, tiba-tiba dipendekkan masa sendiri. Cuba bayangkan. Ada kemungkinan esok akan menjejaskan mutu pendidikan di tempat itu sendiri dan sekali gus menimbulkan masalah hendak iktiraf kelulusan seseorang pelajar itu. Jadi, perkara-perkara semacam ini kerajaan mesti tegas, mesti beri syarat kalau ada pihak-pihak institusi pengajian tinggi swasta yang cuba buat a begitu kita boleh tarik lesen, kanselkan. Kita beri amaran kalau sekiranya hendak buat begitu, tidak ubah semula dan kita memantau tempat-tempat yang sudah ada percubaan hendak buat begitu kita kena buat lawatan, memantau minta dia jawab dan kita selalu pergi tengok, ia tidak akan berlakulah. Tetapi kalau kita biar satu buat begini, mungkin yang lain akan mengambil kesempatan.

Itu yang saya sebut penipuan. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini yang diberikan francais seperti kolej-kolej di Langkawi dan sebagainya saya dengar banyak rungutan daripada pelajar-pelajar yang masuk, kadang-kadang pensyarah-pensyarah itu juga tidak dikawal. Dia ambil orang-orang yang memang tidak laku di tempat lain yang tidak ada pengalaman langsung pergi mengajar. Yang kita tidak mahu bila penghabisannya bila gagal, dia salahkan kepada pelajar. Kita tahu cara belajar di institusi pengajian tinggi berbeza daripada sekolah. Di sekolah guru beri perhatian, dia beri kumpulan attention - perhatian untuk berdialog, berinteraksi



dengan pelajar itu lebih. Tetapi di institusi pengajian tinggi budak-budak kena buat research, buat kajian selidik sendiri guna banyak perpustakaan.

Jadi, dalam keadaan yang semacam ini kita tahulah kalau masyarakat pelajar Melayu kalau bebas belajar sendiri, itu puncanya lama kelamaan budak yang pas dapat kelulusan satu mata pelajaran bagus tetapi akhirnya lama-kelamaan budak ini terus gagal, dia tidak boleh lulus dalam bidang itu. Kalau lulus pun dalam general degree sahaja. Ini punca yang sebenar, kita tidak beri perhatian daripada awal. Kita biarkan guna pensyarah-pensyarah yang tidak mahir, yang tidak beri perhatian dan perjalanan di tempat itu pula tidak pernah memantau, tidak pernah ambil tahu dan kita biar keadaan itu berterusan. Budak-budak ini kalau sudah sampai separuh jalan kalau daripada mula dia tidak boleh faham satu-satu pelajaran kalau ikut lagi, lama-kelamaan dia habis tenggelam punca. Bila penghujungnya dia hendak suruh ambil periksa. Cuba bayangkan apa yang akan berlaku.

Ini perkara-perkara yang kementerian kena beri perhatian. Tidak ada makna membanyakkan tempat-tempat melanjutkan pelajaran tinggi sedangkan pengurusan tempat-tempat itu kita tidak beri perhatian supaya hasilnya tidak menyimpang daripada matlamat dan dasar yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin menyebut juga berkenaan dengan bantuan kepada pelajar-pelajar yang kurang mampu. Kita perhatikan sekarang ini, alhamdulillah, kerajaan mengadakan banyak sumber yang boleh diberi kepada pelajar-pelajar kurang mampu dan kita sendiri merasa pihak-pihak tabung bantuan pengajian tinggi ini pun dananya sudah ada banyak wang dan bantuannya pun dikeluarkan melalui pusat-pusat pengajian tinggi secara berterusan. Di peringkat negeri pun kita ada bantuan kecemasan, melalui MARA pun ada, melalui badan-badan agensi, maju wanita, persatuan-persatuan pertubuhan pun ada, yayasan pun ada, saya ucap terima kasih. Tetapi apa yang saya hendak sebut di sini bantuan yang diberi semasa pelajar-pelajar ini sedang menjalani pengajian di pusat itu sendiri. Kita kena kawal dari segi peruntukan itu cukup atau tidak cukup, dari segi sama ada hendak menyalurkan wang itu terus ataupun hendak menyediakan

kemudahan supaya pelajar-pelajar ini tidak terima duit dan urus duit sendiri tetapi dia dapat kemudahan.

Ini penting. Sebab saya dapat maklumat pelajar-pelajar Melayu, saya minta maaf, pelajar-pelajar lain tidak mengapa. Pelajar-pelajar Melayu bila dia dapat duit, duit untuk belajar sebulan dia belanja dalam seminggu habis. Selepas itu tergendalalah pelajaran dia. Sebab dia dapat duit, bila dapat duit kawan dia ada, berkawan pergi makan, pergi membeli itu beli ini, kadang-kadang kasut sukan pun beli, habis begitu sahaja. Selepas itu putus perbelanjaan. Sebab itu kementerian bukan sahaja hendak kena beri bantuan secara duit, tetapi dia kena fikirkan apa keperluan pelajar semasa mengikuti pelajaran tahun pertama, kedua dan ketiga. Kalau perlu beli buku tidak payah beri duit. Beli buku dan berikan. Kalau perlu makan, lebih baik organise, sediakan makanan supaya budak itu boleh makan. Kita tahulah ada risiko setengah budak itu tidak lalu makan. Kalau hendak ikut individu semuanya mampus tidak boleh buat. Budak-budak ini ikut selera masing-masing, ada yang suka makan burger dan sebagainya.

Yang penting di sini duit yang kerajaan beri bantuan boleh digunakan untuk membolehkan budak itu teruskan pengajian. Kalau diberi duit masuk dalam akaun bank, dia pergi cucuk keluarkan duit, duit yang tabung beri pinjaman sebulan RM300 ibu bapa dia kena hantar pula RM500-RM600 lagi. Yang ada duit tidak mengapalah, yang main saham banyak macam Dato' Zuki, Dato' Ghazi dia ada banyak duit tidak mengapalah. Tetapi bagi golongan yang berpendapat rendah kerja pegawai biasa dia tidak mampu. Anak belajar di pusat pengajian tinggi dia hendak kena tampung sebulan RM300-RM400 lagi pun sudah jadi berat. Oleh sebab itu, biarlah bantuan yang kerajaan beri melalui tabung itu boleh dimanfaatkan, pelajar-pelajar itu boleh terus belajar, ibu bapa tidak dibebankan dengan perbelanjaan tambahan yang tidak perlu. Ini yang perlu diberi perhatian.

Saya percaya penuh benda ini memang rumit sedikit. Tetapi biarlah kita susah rumit sedikit, ini boleh tolong menjimatkan perbelanjaan. Perbelanjaan yang diuruskan dengan baik akhirnya menguntungkan kerajaan itu balik, rakyat pun

akan bersetuju, ibu bapa budak-budak ini pun kata bagus kita buat macam ini. Mereka ibu bapa sendiri tahu kalau beri duit terus pelajar-pelajar ini tetap akan habiskan cepat. Setengahnya beli motor. Yang tidak perlu hendak beli pun dia beli motor. Kalau tidak beli motor pun kawan-kawan yang ada bubuh minyak tumpang naik, bukan dia pergi tempat belajar, dia ajak pergi lumba haram kerana hendak cari duit lagi, berjumpa dengan kawan-kawan dan sebagainya. Ini yang berlaku.

Akhirnya, kita tengok sekarang ini benda-benda gejala-gejala sosial negatif boleh berlaku akibat daripada cara yang kita tidak kawal apa yang saya sebut tadi. Kita perlulah minta kerjasama daripada pihak institusi pengajian tinggi itu sendiri, pihak polis, pihak-pihak lain yang bertanggungjawab supaya sama-sama memberi perhatian kepada masalah ini. Bila masuk ke tempat mereka, mereka kena beri perhatian.

Begitu juga yang saya kata tadi pusat-pusat pengajian tinggi perlulah mengadakan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya. Jangan iklan ada perpustakaan, ada komputer dan itu-ini, pensyarah yang berkelulusan tinggi tetapi bila masuk belajar sebenarnya perkara itu berbeza dan bila pelajar keluar akhirnya dia cari jalan keluarkan anaknya pergi belajar di tempat lain sebab tempat itu nampak tidak sesuai dapat banyak kompelin.

Kemudian, tempat-tempat pengajian tinggi juga saya kena sebut terutama macam di Langkawi, kalau tempat itu terdedah dengan keadaan di sekeliling dengan penuh hiburan, dengan benda-benda yang boleh mempengaruhi pelajar-pelajar itu sendiri bagaimana kita berharap budak-budak yang baru keluar SPM hendak pergi ke situ boleh belajar. Dia duduk dalam keadaan asyik, dok tengok itu dan dengar muzik, tengok orang dekat pantai dan sebagainya. Saya ingat dalam keadaan itu dia khayal. Akhir-akhirnya kita hendak harapkan satu sijil, dia dapat sijil lain pula. Ini kena diberi perhatian. Tempat-tempat hendak buat pusat pengajian tinggi juga jangan biar sewenang-wenang. Kenalah ada tempat-tempat, lokasi yang agak sesuai dengan pusat pengajian tinggi. Biar di ceruk sedikit tidak

mengapa, jauh daripada tempat yang senang mendapat kemudahan hiburan dan sebagainya.

Tetapi sekarang ini kalau kita tengok bangunan ada empat-lima tingkat yang pihak pemaju buat tidak boleh dijual dan dia cari jalan pakat-pakat buka buat sekolah, dia benar. Selepas itu di sebelahnya pula ada night club, dekat itu pula adalah tempat pusat hiburan. Orang hendak berniaga pula dia pandai. Dia tengok di sini ada peluang aku hendak buka pusat hiburan, hendak buat itu-ini supaya budak-budak ini senang keluar dan terus masuk di situ sahaja. Selepas habis duit baru masuk belajar pula. Sampai malam dekat pukul 1, pukul 2 tidak tidur lagi, esok kena belajar. Akhirnya apa jadi. Ibu bapa takkan sempat datang tengok anak-anak hari-hari. Ini masalah yang berlaku yang akhirnya membawa kepada masalah yang berterusan saya kata tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana terpaksa bercakap panjang, kalau yang boleh dengar itu dengarlah, kalau tidak, boleh lenalah. Perkhidmatan Am Perbendaharaan tidak ada apa yang saya hendak katakan. Cuma saya hendak sebut sedikit, saya haraplah sebab dahulu Perkhidmatan Am Perbendaharaan ini saya tidak tahu sama ada terlibat atau tidak dengan Kementerian Kewangan tetapi tentu ada kaitan. Jadi, dahulu kita sudah tahu Dato' Seri Anwar jadi Menteri Kewangan. Selepas itu dia dok bawa Harun Din sekali-sekala beri ceramah dan ada tempat-tempat kemudahan, tempat sembahyang dan sebagainya. Jadi, apa yang kita harap kalau hendak sokong siapa-siapa satu masa sokonglah. Tetapi akhirnya bila kita sudah tahu keadaan semacam itu kita kenalah terima hakikat.

Janganlah sampai kita sudah tahu keadaan sebenar, kita tidak mahu menerima hakikat, kita masih lagi membawa benda-benda yang bercanggah misalannya, akhbar atau majalah *Detik*, *Tamadun*, *Harakah* ada dalam surau, ada di pejabat. Kadang-kadang ada pula risalah-risalah tertentu yang keluar daripada Internet, ada yang membawa gejala ini masuk ke dalam pejabat, esok kalau rakyat yang ada urusan datang mereka menganggap, kata ini 'pusat reformasi', mereka marah! Hendak salahkan orang tetapi kalau keadaan ini berlaku. Jadi, cuba kita

bayangkan tempat yang menguruskan duit, wang yang kita hendak agih bagi ke tempat-tempat ini jadi macam itu, susah tetapi sekarang ini keadaan sudah berubah, ia tidak begitu lagi. Kita tidak bolehlah sekali gus hendak mengubah pemikiran orang. Pada satu masa sokong, oleh kerana dia percaya dan yakin kata orang ini bagus dan sebagainya, sementara hendak pulih balik itu ia memakan masa sedikit.

Oleh itu kita maafkanlah tetapi jangan berterusan, kena ubah. Kita kena fikir secara positif dan ubah sikap itu. Kita berharap urusan perkhidmatan di Perbendaharaan ini kena percepatkan sebab kita dengar rungutan daripada negeri-negeri, kerajaan kata kegawatan ekonomi sudah pulih, duit peruntukan sudah lulus, kita ada duit tetapi bila kita tengok peringkat penggunaan dan perbelanjaan, pencapaiannya sudah dekat setengah tahun sekarang, tidak sampai 50 peratus lagi belanja duit. Ini boleh mengelirukan orang. Kerja yang hendak dijalankan di negeri-negeri pun jadi lambat. Kontraktor yang hendak buat kerja pun kena menunggu bayaran progress itu sampai lambat, jadi dia pun sekali gus mulalah hendak pergi canang, bercakap yang tidak elok. Ada saya dengar, saya tidak mahu beritahu, ada setengah-setengah negeri, bila kerja-kerja dibuat, dia beritahu, kata apa kerajaan sudah bankrap, tidak ada duit.

Ini semuanya boleh menimbulkan tuduhan, andaian yang negatif berpunca daripada sikap sesuatu jabatan/agensi yang kadang-kadang kerana pegawai itu bukan dasar, bukan polisi, duit sudah dilulus. Mana ada kerajaan yang boleh lulus peruntukan kalau tidak ada duit sekian-sekian banyak untuk buat kerja-kerja itu dan ini. Semua sudah cukup tetapi dari segi hendak release, hendak lulus, birokrasinya terlalu banyak. Kadang-kadang saya minta maaf, ada pegawai-pegawai dia ingat ini duit peribadi dia, kalau dia tidak sign, dia tidak luluskan orang tidak boleh belanja. Ini silap, dia hanya pegawai yang diamanahkan. Kalau sudah ikut prosedur betul dia cepatlah, tidak ada satu alasan yang hendak melambatkan. Janganlah pula ingat kalau besok ada kontraktor yang hendak dibayar ini kena keluarga atau adik beradik dia bergelut, dia luluskan dahulu, beri fasal orang itu ada sangkut-paut dengan dia. Kalau hak yang lain-lain biarkanlah,

ikut suka. Esok-esok orang boleh marah kerajaan. Sikap yang macam ini tidak patut berlaku dan kita percaya kementerian di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan ini sudah semakin sedar dan berubah sikap untuk hendak melicinkan lagi urusan kewangan ini.

Polis Diraja Malaysia - Perkhidmatan Am Perbendaharaan RM150 juta. Polis Diraja Malaysia RM6,451,600. Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia ini alhamdulillah, akibat daripada berlaku sedikit kekecohan dahulu, rakyat mula mempertikaikan tetapi sekarang ini imej polis sudah dipulihkan semula dengan Timbalan Perdana Menteri memegang Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri pun secara kebetulan orang Perlis, Dato' Azmi. Kita berharap usaha-usaha untuk memulihkan imej polis ini perlu diteruskan dan perlu dibanyakkan sebab kita tahu kita hendak cakap senanglah kata polis adil atau tidak adil, tetapi kalau kita sendiri jadi polis trafik pergi dok tunggu di situ berjam-jam, hendak arah kereta berjalan ikut sana ikut sini, baru tahu teruk tidak teruknya. Hendak tengok senang tetapi hendak kerja sebenar itu susah. Saya sedar masalah yang dihadapi oleh polis. Polis ini pula bukan boleh merungut, dia kena patuh apa perintah yang disuruh, hak di bawah setuju atau tidak setuju, pendam tidak pendam kena buat juga. Kita tahu kita tidak mahu benda terpendam ini takut esok dia burst, ini bahaya. Oleh sebab itu kita kena anggap pegawai polis ini juga sebagai manusia atau orang biasa yang perlu perhatian, perlu pertimbangan, perlu benda-benda yang boleh membawa ke arah boleh memberi perkhidmatan yang baik.

Jadi, apa yang kita harapkan pihak polis diberi perlindungan terutama sekali yang terlibat dengan benda-benda yang bahaya, misalannya kita tengok baru-baru ini ada pihak-pihak yang menimbulkan keganasan ini sanggup mengancam polis, menembak polis, menikam dan memukul polis sedangkan polis ini menjalankan tugas. Kadang-kadang dia pergi dia syak bila dapat maklumat hendak tangkap orang tertentu tetapi kita tidak tahu keadaan orang itu macam mana, sampai sudah banyak peristiwa di mana polis kena tembak, polis kena tikam, polis kena pukul

dan akhirnya orang semakin rasa ragu-ragu kemampuan polis untuk mengawal ketenteraman ini.

Oleh sebab itu, tadi kita telah mendengar kata parti pembangkang kena buat kenyataan bila dengar polis kena tembak, polis kena tikam, dia masih kata, “Ha padan muka, polis ini zalim sangat, kejam sangat”, dia anggap macam itu, padahal kalau tanpa polis, tanpa kebijaksanaan pihak polis mengawal keadaan macam hari itu, kita mungkin sudah jadi lebih teruk daripada Indonesia. Indonesia sekarang ini dalam keadaan dok bertahan sahaja. Itu pun belum lagi memberi satu jaminan. Oleh sebab itu, kita tidak harus pandang ringan, orang-orang yang cari jalan hendak provoke polis kita mesti mengambil tindakan-tindakan yang tegas, lebih-lebih lagi yang mengancam keselamatan polis kita tidak boleh maafkan. Jadi, orang-orang yang semacam ini perlu dikenal pasti tetapi kita bersyukur kerana polis di negara kita ini termauklah bahagian jenayah dan sebagainya alhamdulillah, mendapat latihan yang mencukupi dan cukup konsisten dan saya yakin golongan yang menyeleweng, yang mirip kepada pembangkang, yang tidak menjalankan kerja dengan sempurna itu telah dikenal pasti dan secara berperingkat-peringkat diambil tindakan oleh pihak polis sendiri sama ada disuruh berhenti ataupun sebagainya dan mana-mana pihak yang boleh kita tune balik, kita boleh beri kursus, beri kaunseling dan sebagainya kita kena teruskan, sebab bukan senang hendak melatih seseorang polis sampai ke peringkat dia boleh berikan perkhidmatan. Kita nampak sahaja senang tetapi memakan masa, lebih memerlukan kemahiran daripada kita hendak hantar pelajar yang bebas belajar di institut pengajian tinggi seperti yang saya katakan tadi. Bahagian polis ini memerlukan disiplin yang cukup tinggi, yang cukup ketat dan semangat taat setia kepada pemerintah, kerajaan dan negara yang cukup tinggi.

Oleh sebab itu kita berharap pihak kerajaan janganlah cuai dari segi memikirkan kebajikan pihak polis ini. Misalannya, dari segi kenaikan gaji, beri elaun-elaun yang perlu, mereka yang berkhidmat di tempat-tempat yang kritikal sedikit itu kita kena timbang balik perumahan mereka, keluarga mereka. Kita tidak

mahu bekas-bekas polis atau tentera bila berhenti dok dengar dalam TV, surat khabar atau radio dok tanya khabar tentang bayaran pampasan yang tidak selesai lagi. Apabila anak hendak pergi rawatan di hospital dan tunjuk surat pesara polis tidak diterima, duduk second class pun tidak boleh. Kemudian kemudahan-kemudahan lain lagi yang kita dengar. Kita tidak mahu dengar macam itu, kalau ada kita kena cari jalan supaya ada satu badan yang boleh memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh polis ini termasuklah bekas-bekas tentera itu.

Saya yakin penuh sekiranya kerajaan memberi perhatian dari segi kebajikan, tidak ada sebab polis tidak boleh berkhidmat dengan penuh taat setia dan menjaga keamanan dan keselamatan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Berapa panjang lagi?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau Tuan Yang di-Pertua kata boleh, Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya berhenti saya boleh berhenti sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Saya hendak tahu berapa lama lagi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya hendak beri habis masa, dekat 10 minit lagi, boleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bersangkut dengan polis ini saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan peralatan. Seperti yang saya sebutkan tadi peralatan dari segi pertahanan, kadang-kadang kita tengok kenderaan seperti lori atau kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh polis semasa hendak mengawal keadaan kecemasan ini sudah tidak sesuai lagi. Kita hendak kena tengoklah kalau sudah kita berada dalam era multimedia super koridor dan sebagainya tetapi hak polis pun kenalah pergi ke arah itu, biarlah boleh dikawal dengan cara moden sama. Ini kalau lori itu sampai di tengah jalan sudah hendak mampus, rosak dan sudah tidak sempat sampai ke tempat itu lagi, ataupun hendak guna sistem hak pancut airkah, hendak kawal



keselamatan keadaan bila masa-masa kecemasan pun dalam benda yang hendak kena ikut manual lagi, tidak sesuailah itu. Kena tengok di negara-negara yang maju tempat-tempat yang boleh guna itu apa salahnya kita belanja sekali gus beli alat yang up-to-date yang sesuai dengan masanya dan pihak polis pun rasa dengan sendirinya mereka berminat hendak belajar menggunakan benda-benda yang moden ini. Jadi, yang itu juga harus diberi perhatian. Kemudian begitu juga dengan senjata-senjata ini, kita hendak kena tengok sama janganlah menggunakan senjata-senjata yang kebelakangan dengan negara-negara jiran. Dari segi pakaian saya ingat masih elok lagi, kita boleh teruskan dengan keadaan begitu dan tempat-tempat yang polis ini boleh berkhidmat secara stesen yang boleh berhenti sekali-sekala ini perlu diadakan tempat-tempat yang kita nampak kritikal yang kerap berlaku rusuhan, benda-benda yang diluar jangkauan.

Saya memang bersetuju supaya kita tidak perlu 'expose' polis ini meratarata sebab negara kita dalam keadaan aman, kita buat. Kalau negara lain boleh buat, mengapa tidak kita? Kalau kita 'expose' polis rata-rata pun satu, membebankan kerja polis itu sendiri. Yang kedua, menggambarkan kepada orang bahawa keadaan negara kita ini tidak selamat sehingga perlu ada polis.

Jadi, kita kena fleksibel dari segi mengaturkan sistem perkhidmatan polis ini dan trafik pun sekarang ini kita tengok sudah ada perubahan. Tidaklah ada polis tunggu di situ sepanjang masa, apabila timbul sesuatu keadaan kecemasan sahaja, baru kita panggil bantuan polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh pula berkenaan dengan .....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat sebab – boleh saya beri dia rehat sedikit? Sebab dia sudah lama sangat berucap, jadi kemungkinan dia hendak saya mencelah supaya dapat dia mengambil nafas sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya itu bercerita berkenaan dengan polis. Pada saya pihak polis dari segi kenderaan, dari segi kedudukan mereka yang kita nampak di luar, saya rasa amat baik sekali. Tidak ada masalah yang saya dapati. Sebabnya kita mesti perjelaskan juga, minta maaf Yang Berhormat – iaitu pihak polis sekarang dengan kereta yang baru, motor yang baru, dengan pakaian seragam yang cantik ya, bersih dan elok tetapi Yang Berhormat tidak menyentuh dari segi di dalamnya. Itu yang saya hendak tanya Yang Berhormat tadi.

Dari segi kedudukan perumahan mereka, dari segi kedudukan elaun bertugas ataupun dari segi anak-anak mereka, pendidikan mereka. Nampaknya dari segi kenderaan untuk penggunaan pihak polis dan askar juga patut disentuh. Adakah pihak askar kita berkehendakkan cara-cara moden untuk mengatasi negara-negara jiran yang sentiasa bersedia dengan misai-misai yang baru [*Ketawa*] Adakah negara kita – pasal dia sebut ‘misai’ tadi, saya kata ‘misai’, kalau tidak saya hendak sebut ‘missile’ yang baru dan bolehkah Kementerian Pertahanan mengadakan peruntukan yang lebih sedikitkah? Saya ingat pihak Yang Berhormat hendak menyentuh perkara itu. Saya pun tidak ada masa hendak menyentuh sebab masa sudah pun habis. Saya ingat tadi hendak berucap sedikit tetapi oleh sebab Yang Berhormat itu – melalui Yang Berhormat lah saya sampaikan ucapan saya itu. Terima kasih. [*Ketawa*].

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin. Kita memanglah sensitif sebab Dato' Haji Mohd. Zuki ini hendak tamat tempoh tetapi oleh kerana dia masuk lewat sedikit mungkin dia tidak dengar, saya ingat orang lain semua sudah dengar. Tetapi saya akui ada perkara-perkara yang saya tidak sentuh tetapi banyak daripada perkara yang disebut itu telah saya sentuh dalam masa saya bincangkan mengenai Kementerian Pertahanan tadi dan pihak polis pun saya sentuh.

Secara umumnya apabila saya sebut kebajikan polis tadi, soal gaji pun saya sudah sebut, elaun pun saya sudah sebut, tempat berkhidmat dan sebagainya.

Cuma yang saya sebut kenderaan polis, saya bukan sebut kereta peronda dan sebagainya. Apabila terlibat dengan trak lori, kita masih tengok lagi 'land rover' polis gunakan semasa zaman penjajah dahulu, masih ada lagi. Oleh sebab itu, ada benda bukan semua. Kita akui kalau sekiranya di dalam perkhidmatan polis itu ada perkara-perkara yang macam ini tentu polis tidak boleh beri perkhidmatan seperti keadaan pada hari ini. Memang ada tetapi sektor-sektor yang perlu diberi perhatian macam lori-lori yang hendak mengangkut barang, trak-trak, 'land rover'.

Kita tahu sekarang ini kita ada syarikat di Pahang. Dato' Zuki di Pahang ada atau tidak satu syarikat yang mengeluarkan jentera berat yang boleh digunakan oleh polis, askar dan sebagainya. Ini memang ke arah itu dan kita harap di Jabatan Polis akan dibuat perubahan dan digantikan dengan kenderaan-kenderaan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Ini satu kementerian yang saya agak penting sekarang ini. Seperti yang saya sebutkan dahulu, kemudahan pengangkutan perlu - ini dia kena bergabung dengan Kementerian Perusahaan Awam yang katanya dahulu hendak diwujudkan satu konsortium pengangkutan awam. Kalau boleh diadakan konsortium pengangkutan awam, dibuat di peringkat zon, zon utara, zon selatan, zon timur dan zon barat atau zon tengah dan sebagainya.

Sebab yang saya katakan demikian, perkhidmatan bas kepada orang awam sekarang ini ada dalam keadaan yang agak kurang memuaskan dan ada syarikat-syarikat yang besar sudah tidak mampu menguruskan perkhidmatan mereka sehingga mereka terpaksa menanggung kerugian yang cukup besar. Contohnya, biarlah saya sebut dan saya tidak payah rasa malu lagi macam di Perlis, ia ada syarikat pengangkutan bas PPMP yang pada suatu masa dahulu mempunyai fleet yang cukup banyak tetapi sekarang akibat daripada perkara-perkara yang di luar jangkaan syarikat itu sudah mengalami masalah dan bas pun tidak ada. Dan ini menimbulkan masalah kepada pengangkutan awam dan begitu juga syarikat-syarikat yang kita beri konsesi. Kalau kerajaan boleh adakan konsesi kepada lebu

raya, kepada syarikat-syarikat lain, apa salahnya kerajaan wujudkan konsortium, adakan syarikat konsesi yang mengawal untuk beri perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar termasuklah pergi kepada pekan-pekan yang penting ini.

Jadi, kalau dibuat begini saya percaya perkhidmatan pengangkutan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi akan menjadi lebih baik. Sekarang ini di bandar kita bersyukur kerana ada LRT, ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak bangun.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar. Bila mana Tuan Haji bercerita berkenaan 'consortium busses', syarikat-syarikat bas, memang telah dicadangkan oleh kerajaan penubuhan konsortium bas-bas di negara ini tetapi malangnya ianya berfungsi di bandar-bandar besar, pertama.

Kedua, pengendaliannya tidak begitu sempurna kerana dari segi personal dan sebagainya tidak begitu matang, cekap dan mempunyai kebolehan untuk pengendalian syarikat-syarikat bas yang berkenaan.

Ketiga, kos dari segi pengurusan peringkat atasan terlalu sangat tinggi. Kadangkala terlalu ramai sangat pengurus besar (general managers), pengendalian bas tersebut. Jadi, sebab itu kosnya begitu tinggi dan saya sendiri terlibat dalam isu pengangkutan ini kerana saya datang dari sektor pengangkutan sebagai Setiausaha Agung, Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan dan kebanyakan syarikat-syarikat mengalami kerugian seperti 'Intrakota' yang beroperasi di Bandaraya Kuala Lumpur, kerugiannya saya telah diberitahu sebanyak RM2 juta pada tiap-tiap bulan. Begitu juga 'Naeila', sudah tutup, sudah hanyut, sudah tidak ada lagi. Yang ketiga, 'Park May Group' begitu juga, tidak lagi berkemampuan mengendalikan perkhidmatan bas.

Jadi, kedudukan konsortium bas ini harus dikaji oleh kerajaan dan kita tahu kebanyakan daripada mereka mengeluh menyatakan dari segi kosnya begitu tinggi.

Bukan kos soal gaji pekerja tetapi masalahnya kos 'spare part', pembelian bas baru dan sebagainya. Ini menyebabkan syarikat-syarikat konsortium ini tidak dapat beroperasi dengan penuh sedangkan tambang-tambang bas LRT dan sebagainya begitu tinggi tetapi tambang-tambang bas konsortium ini tidak naik begitu lama, mereka telah minta beberapa lama.

Jadi, bukan saya hendak membela mereka ini, saya tahu jika sekiranya kerajaan meluluskan kenaikan tambang bas ini akan membebankan rakyat di kampung-kampung. Tetapi saya bersetuju dengan Tuan Haji Abu Bakar supaya ianya dikaji dan konsortium bas didirikan dan memberikan keselesaan kepada rakyat di kampung-kampung dan pengguna-pengguna bas dan dalam masa yang sama memastikan konsortium bas ini dapat hidup beroperasi dan berkhidmat kepada rakyat keseluruhannya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya beri dua minit sebelum menjawab.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua hendak memberi dua minit dan selepas itu saya sudah tidak boleh cakap. Hendak sambung pula tu esok, ada sedikit lagi sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okay, sila-sila.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau habis yang ini, boleh .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila habiskan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kita sambung esok. Ada tiga tajuk lagi .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi satu minit, ....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi satu minit, belum masa lagi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya hendak dapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, kalau saya berhenti hari ini boleh atau tidak saya sambung esok?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okay, okay.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Boleh ya. Terima kasih, kalau begitu Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tetapi jangan lama lagi ya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** ..... Saya berhenti setakat ini sahaja dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

*Lampiran*

Julai 1999

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,

P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,  
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri Penerangan,  
Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,  
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato' Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)



Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N.,  
P.J.K. (Perak)

- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Norsimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Encik Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Selamat
	:	Shahrom bin Haji Hasan
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah
	:	Riduan bin Rahmat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
	:	Rosnani binti Ahmad
	:	Noor Effarizan binti Mat Satib
	:	Nurziana binti Ismail
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh
	:	Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

---

Jilid V	<b>Bil. 17</b>	<b>Rabu</b>	28 Julai 1999
---------	----------------	-------------	---------------

---

**K A N D U N G A N**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)
- Urusan Mesyuarat (Ruangan 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Kumpulan Wang  
Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999. (Ruangan 29)
- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)1999. (Ruangan 34)